



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan Diraja	(Halaman 1)
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 1)
Perutusan Daripada Dewan Negara	(Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18(1)

Desak Kerajaan Membantah Amerika Syarikat Menyerang Iraq – <i>Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]</i>	(Halaman 14)
---	--------------

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18(3)

Desak Kerajaan Membantah Amerika Syarikat Menyerang Iraq – <i>Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]</i>	(Halaman 83)
---	--------------

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 15)

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman 15)
Melantik Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Mengikut Peraturan Mesyuarat 77(2)	(Halaman 16)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong – <i>Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]</i>	(Halaman 16)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, DGPN., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Menteri Kewangan Kedua, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N.(Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Mohamed Khaled bin Haji Nordin, DSPN., P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- ” Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N.(Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- ” Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)

- “ Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- ” Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- ” Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- ” Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- ” Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- ” Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- ” Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- ” Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- ” Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)

- " Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- " Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- " Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- " Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- " Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- " Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- " Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- " Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- " Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- " Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- " Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- " Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- " Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- " Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- " Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- " Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- " Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- " Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- " Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- " Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
- " Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- " Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- " Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- " Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- " Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- " Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- " Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- " Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- " Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- " Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- " Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- " Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- " Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- " Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- " Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- " Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)

- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif

JURUBAHASA SERENTAK

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

BENTARA MESYUARAT

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 11 Mac 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PERMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**TITAH UCAPAN DIRAJA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 10 Mac 2003 Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Salinan Titah Ucapan Diraja adalah dilampirkan]***MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok (Pindaan) 2002;
2. Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2002;
3. Akta Perbekalan Tambahan (2002) (No.2) 2002;
4. Akta Perbekalan 2003;
5. Akta Majlis Amanah Rakyat (Pindaan) 2002;
6. Akta Syarikat Amanah Labuan (Pindaan) 2002;
7. Akta Kewangan (No.2) 2002;
8. Akta Kastam (Pindaan) (No.2) 2002;
9. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No.2) 2002;
10. Akta Cukai Jualan (Pindaan) (No.2) 2002;
11. Akta Eksais (Pindaan) (No.2) 2002;
12. Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2002;
13. Akta Peguam Bela Sabah (Pindaan) 2002; dan
14. Akta Peguam Bela Sarawak (Pindaan) 2002.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

**Perutusan Daripada Dewan Negara
Kepada Dewan Rakyat**

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dengan tanpa pindaan.

1. DR.27/2002 - Rang Undang-undang Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok (Pindaan) 2002;
2. DR.7/2002 - Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2002;
3. DR.29/2002 - Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) (No.2) 2002;
4. DR.30/2002 - Rang Undang-undang Perbekalan 2003;
5. DR.31/2002 - Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan) 2002;
6. DR.32/2002 - Rang Undang-undang Syarikat Amanah Labuan (Pindaan) 2002;
7. DR.33/2002 - Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2002;
8. DR.35/2002 - Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No.2) 2002;
9. DR.36/2002 - Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No.2) 2002;
10. DR.37/2002 - Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) (No.2) 2002;
11. DR.38/2002 - Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) (No.2) 2002;
12. DR.34/2002 - Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2002;
13. DR.39/2002 - Rang Undang-undang Peguam Bela Sabah (Pindaan) 2002; dan
14. DR.40/2002 - Rang Undang-undang Peguam Bela Sarawak (Pindaan) 2002.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penagih dadah terkini mengikut pecahan bangsa, umur dan jantina serta latar belakang keluarga dan berapakah jumlah yang ditahan di penjara. Berapakah anggaran nilai kerugian yang dicatat oleh negara akibat gejala penyalahgunaan dadah ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 2002 bilangan penagih dadah yang dikesan di seluruh negara adalah seramai 31,893 orang. Mereka dari pelbagai latar belakang keluarga termasuk keluarga miskin, kaya, berpendidikan tinggi dan keluarga porak-peranda. Pecahan penagih mengikut bangsa, jantina dan umur adalah seperti berikut:

(1) Jumlah penagih mengikut bangsa ialah:

Bangsa	Jumlah	Peratus
Melayu	22,1960	69.48
Cina	4,377	14.85
India	3,258	10.22
Peribumi Sabah dan Sarawak	1,433	4.49
Lain-lain bangsa	179	
Warga asing	126	

(2) Jumlah penagih mengikut jantina ialah:

Jantina	Jumlah	Peratus
Lelaki	31,492	98.74
Perempuan	401	1.26

(3) Jumlah penagih mengikut umur ialah:

Umur	Bilangan
13-15	110
16-17	580
18-19	1,430
20-24	5,955
25-29	6,855
30-34	5,498
35-39	4,506
45-49	1,797
melebihi 50	960

Nilai kerugian yang dicatatkan oleh negara akibat gejala dadah dapat diukur daripada aspek berikut:

- (i) perbelanjaan yang digunakan oleh penagih untuk mendapatkan dadah dianggarkan kira-kira RM328.5 juta. Pada tahun 2002 anggaran seorang ialah RM30 sehari kali 30 penagih, iaitu RM900,000 sehari;
- (ii) perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan bagi kos rawatan dan pemulihan di pusat-pusat serenti dianggarkan kira-kira RM43.8 juta setahun ataupun anggaran seorang RM12 sehari kali 10,000 penagih ataupun RM120,000 sehari; dan
- (iii) kerugian kerana tenaga belia yang tidak produktif.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya membuat soalan tambahan ini saya hendak minta izin hendak mengucapkan tahniah kepada Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, dahulu dia duduk di sini, sekarang dia duduk di sana.. *[Ketawa] [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu angka yang agak menggerunkan. Sebenarnya ini masalah bukan hanya kepada kerajaan, saya percaya kepada pembangkang pun dia jadi masalah juga, kerana yang menghisap dadah ini bukan hanya orang di sini, orang di sana pun ada yang hisap dadah juga... *[Ketawa]* Jadi, saya mengucapkan tahniah,

pertama kerajaan pada tahun ini mengisytiharkan untuk memerangi dadah secara habis-habisan. Adakah soalnya sebelum ini tidak habis?

Yang kedua, saya ingin menekankan bahawa mengikut statistik 80% daripada penagih dadah ini yang telah pun dipulihkan dia *revisit* balik. Dia *graduate* dan *regraduate* balik hisap dadah. Jadi, bolehkah kita ambil dia sebagai penagih tegar atau *the hardcore*. Jadi, apakah langkah yang dibuat oleh kerajaan untuk *isolate* mereka ini, dalam zaman dahulu semasa hendak menangani masalah, dengan izin, *gengsterisme*, saya lihat Pulau Jerjak dijadikan sebagai tempat pusat ini, adakah cadangan supaya hendak menyediakan pulau ini. Mungkin daripada Terengganu ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...hendak bagi supaya Pulau Bidong boleh jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang sangat pertanyaan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi, saya hendak tanya adakah cadangan supaya macam contoh Pulau Bidong ini kita boleh jadikan sebagai pusat?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Shah Alam. Memang benar pada tahun 2003 kerajaan telah pun merangka satu strategi yang baru iaitu mengisytiharkan supaya tahun ini dikenali sebagai tahun memerangi dadah secara habis-habisan di seluruh negara. Strategi baru adalah seperti berikut:

- (i) seluruh rakyat mestilah diberikan pengetahuan ataupun ilmu kefahaman, kemahiran dan kesedaran mengenai kesan buruk dan juga mewujudkan penghayatan budaya anti dadah di semua kalangan rakyat kita;
- (ii) semua sektor masyarakat perlu mengambil bahagian dan meningkatkan lagi program-program pencegahan, rawatan, pemulihan dan pembanterasan pengedaran dadah;
- (iii) semua agensi perlu mengadakan program dan meningkatkan usaha dalam aspek pembangunan rohani dan jasmani bagi membina suatu masyarakat yang teguh, bermoral, berdisiplin dan beragama; dan
- (iv) memperkasa serta memperluaskan definisi konsep masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga sejak tahun 1983 kerajaan kita telah pun mengisytiharkan bahawa najis dadah ini sebagai *enemy number one* di negara kita dan banyak usaha telah pun diusahakan oleh kerajaan dengan menggembelng tenaga-tenaga dari NGO dan swasta supaya kita dapat lawan dengan gejala dadah ini tetapi malangnya, setakat ini masih lebih kurang 70% daripada bekas penagih dadah menjadi penagih semula. Walaupun begitu banyak usaha wang ringgit telah pun ditabur, namun demikian masih 70% bekas penagih menjadi penagih semula.

Kerajaan dari segi perundangan telah pun memperhebatkan lagi undang-undang seperti pada tahun lepas membuat pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya di mana penagih tegar akan diwartakan dan penagih-penagih yang didapati menagih semula selepas dua kali menjalani pemulihan di pusat serenti akan dikenakan hukuman penjara lima hingga tujuh tahun dan tiga sebatan. Penagihan berikutnya boleh menyebabkan hukuman yang lebih berat lagi, tujuh hingga 13.

Buat masa ini kerajaan masih mencari tempat yang sesuai walaupun pernah diperkatakan di Dewan yang mulia ini dan melalui surat khabar bahawa kerajaan telah pun bersetuju dengan cadangan iaitu mencari satu tempat sama ada pulau ataupun tempat-tempat seperti Pulau Bidongkah, pulau apa, tidak apalah. Biarlah bagi kerajaan buat kajian mana yang lebih sesuai supaya penagih-penagih tegar di negara kita dapat diasingkan tetapi buat masa ini, sebelum kita mencari satu tempat yang sesuatu, sebilangan penagih tegar telah pun diasingkan dan ditempatkan di penjara di negara kita. Sekian.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum* dan selamat sejahtera, soalan tambahan. Sejauh mana kajian

terhadap keberkesanan langkah-langkah yang diambil sama ada daripada tindakan undang-undang terhadap pengedar ataupun langkah pemulihan oleh pusat-pusat serenti? Bolehkah Yang Berhormat menerangkan berlakunya penurunan nisbah ataupun masih meningkat lagi daripada langkah-langkah yang diambil itu?

Yang kedua, apakah kerjasama yang boleh diberi oleh Kerajaan Pusat sekiranya terdapat ataupun memang kerajaan negeri mengambil langkah untuk bekerjasama dalam mengatasi masalah dadah seperti mengadakan pusat pemulihan di bawah jawatankuasa kebajikan masyarakat peringkat negeri tetapi kita mengalami masalah untuk menahan kerana bergantung kepada Akta Polis. Kita bergantung kepada mereka yang menyerah secara sukarela. Sejauh manakah Kerajaan Pusat boleh membantu sekiranya ada ataupun ada aktiviti daripada kerajaan negeri dalam bekerjasama bagi menangani masalah ini?

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sebenarnya pada keseluruhannya gejala penagihan dadah di negara kita masih terkawal sebab jumlah peratusan penagih kalau hendak dibandingkan dengan seluruh penduduk di negara kita, tidak melebihi 1%. Walaupun masih terkawal tetapi kerajaan tidak boleh membiarkan gejala ini berterusan seumpama ini sebab matlamat kerajaan ialah pada 2015, negara Malaysia ini akan bebas daripada semua jenis dadah dan sesebuah negara yang boleh dianggap sebagai sebuah negara yang bebas daripada dadah maksudnya jumlah peratusan penagih dadah kalau dibandingkan dengan keseluruhan tidak melebihi 0.5% jumlah penduduk di sesebuah negara.

Selama ini kerajaan melalui pusat-pusat serenti termasuk dengan kerjasama rapat dari kerajaan-kerajaan negeri yang diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional memang banyak berusaha ke arah membanteras gejala ini walaupun Kerajaan PAS di setengah negeri agak malas sedikit.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Chor Chee Heung: Saya berpendapat sebab-sebab bekas penagih kembali ke tabiat lama yang tidak sihat ialah di antara lain jika bekas-bekas penagih selepas dikeluarkan dari pusat serenti dan balik ke kampung sama ada di Kelantan atau Terengganu, kalau tidak dapat peluang pekerjaan, mereka akan balik kepada tabiat yang lama, yang lain itu adalah kerana kurang sokongan daripada keluarga ataupun NGO-NGO.

Oleh yang demikian, kerajaan telah pun banyak menggalakkan supaya lebih banyak NGO tampil ke hadapan untuk membantu. Kerajaan juga menggalakkan supaya lebih banyak pusat pemulihan swasta ditubuhkan. Buat masa ini terdapat 66 buah pusat pemulihan persendirian dan juga 121 buah klinik swasta yang telah pun diisytiharkan di mana doktor berkenaan layak memberi rawatan kepada penagih-penagih. Sekian terima kasih.

2. **Dato' Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]** minta Menteri Kewangan menyatakan, rasional penubuhan Valuecap Sdn. Bhd. dalam membentuk nilai kepada Pemegang Saham, BSKL dan ekonomi negara. Selain dari itu, apakah pendekatan-pendekatan baru yang dirancang kerajaan dalam memperkukuh BSKL.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Menteri Kewangan Kedua]: *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.*

[Beberapa Ahli memberi tepukan kepada Yang Berhormat bagi Rompin].

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat bagi Tambun, bersama-sama dengan 13 pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kerana kesemuanya menyentuh isu-isu yang sama iaitu berkaitan dengan penubuhan dan pergerakan Valuecap Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dan saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin memohon mengambil sedikit masa untuk menjawabnya kerana banyak dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan ialah Yang Berhormat bagi Pokok Sena yang dijadualkan akan dijawab pada 12 Mac, Bukit Bintang – 12 Mac, Kuala Krai – 17 Mac, Kepong – 17 Mac, Kemaman – 19 Mac, Baling – 20 Mac, Setiu – 20 Mac, Kuala Kedah – 25 Mac, Arau – 25 Mac, Bagan, Tampin, Shah Alam dan Dungun – 3 April termasuk oleh Yang Berhormat bagi Tambun pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Valuecap menambat hati Ahli-ahli Yang Berhormat sehinggakan mendapat 13 pertanyaan yang saya akan huraikan sekali gus.

Bursa saham bukan monopoli mereka yang kaya raya. BSKL bukan taman permainan bagi mereka yang sudah hidup mewah meningkatkan kekayaan serta pengaruh. BSKL bersifat *inclusive* bukan *elitist*. Dilihat dari skop yang luas, BSKL melibatkan semua lapisan rakyat. Ini adalah kerana BSKL menghasilkan kekayaan daripada mereka, memastikan pelaburan bagi mereka yang ada pelaburan dalam KWSP, unit ASN dan ASB dan juga daripada unit-unit trust yang lain. BSKL sudah semestinya menjana aktiviti ekonomi negara melalui tambahan nilai ataupun *value creation* ataupun penjana kekayaan. Kemakmuran sudah pasti akan dikongsi dan mendorong *consumer spending* atau perbelanjaan di negara kita, sekali gus memberi kesan positif kepada ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu aliran modal atau *capital flows*, dengan izin, soal sentimen, soal persepsi serta keyakinan pelabur, banyak mempengaruhi prestasi bursa saham bukan di negara kita sahaja Tuan Yang di-Pertua, bahkan di seluruh dunia. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, pada Mac 2002, nilai dagangan pasaran saham Amerika melebihi USD17 trilion tetapi pada 2002, tinggal separuh sahaja. Kekayaan ini lesap dan kejutan ini bukan sahaja dirasai hanya di Amerika tetapi juga di seluruh dunia termasuk negara kita. Ia dapat dilihat daripada segi kelembapan seluruh bursa saham dunia.

Dewasa ini pula Tuan Yang di-Pertua, kemelut Iraq yang kita ikuti melalui akhbar media cetak atau elektronik memburukkan lagi keadaan. Prestasi bursa saham termasuk BSKL semalam mencerminkan kebimbangan ini. Dengan ikatan kita masih ingat komposit BSKL negara kita pada tahun 1998 menjunam kepada paras 262. Kerajaan tidak boleh melihat perkembangan ini dengan berpeluk tubuh sahaja. Sejak krisis mata wang 1997 dan 1998, langkah-langkah penstrukturan semula serta penekanan kepada *corporate governance* turut menyumbang dalam memulihkan keyakinan serta kerancakan ekonomi negara kita.

Pada masa yang sama, kerajaan tidak berhasrat menyokong indeks komposit ataupun dengan izin, *to top up* supaya sentiasa berada di tahap yang tinggi. Kita semua tahu Tuan Yang di-Pertua, ini satu usaha yang sia-sia. Kerajaan pelajari apa yang berlaku dalam satu negara yang cuba membuat usaha yang sama. Negara kita Tuan Yang di-Pertua, saiz *market* pasaran kita RM500 bilion. Kita semua tahu tidak ada upaya usaha yang boleh mempengaruhi aliran dana yang sebesar itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa relevannya tentang Valuecap? Yan – tidak tahu dia melabur atau tidak tetapi Kuala Terengganu dan Tumpat, banyak pelaburannya. Dahulu bankrap 262 *problem* sedikit, sekarang sudah naik, dia sudah senyum sedikit dah. Peranan Valuecap telah dijadikan satu isu politik kononnya bakal digunakan untuk tujuan *bail out* atau tujuan menghadapi pilihan raya. Dakwaan ini sama sekali tidak berasas dan cuba digunakan sebagai modal untuk pilihan raya yang rakus dengan tidak ada modal. Kerajaan memberikan publisiti kepada penubuhan Valuecap dengan tujuan ianya tidak menjadi tohmahan. Ini sebenarnya membuktikan *transparency* dalam kerajaan itu sendiri, ini yang sebenarnya.

Valuecap membeli saham bukan dari individu Tuan Yang di-Pertua, daripada pasaran, daripada *market*. Tidak ada *off-market deals*. Kita bangga sekarang ini dalam pasaran, ada satu lagi peserta tambahan dalam pasaran kerana salah satu cara mempunyai pasaran sihat ialah dengan mempunyai banyak peserta yang boleh melabur. Jadi Valuecap masuk sebagai peserta baru dengan dana baru, dengan pengamatan baru. Valuecap ditubuhkan secara bersama oleh tiga badan Tuan Yang di-Pertua iaitu Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Amanah Pencen dan Permodalan Nasional Berhad...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Menyampuk]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kemaman ini wakil Kemaman....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagilah saya jawab dahulu...*[Disampuk]*. DAP kena ajar cara KeADILan kerana KeADILan tidak hormat ya. *[Disampuk]* *[Ketawa]*. Saya hendak memberitahu kepada DAP, jaga KeADILan ini, nanti banyak lagi Ahli Parlimen DAP pindah ke KeADILan.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* *[Sorak]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ketiga-tiga badan ini Tuan Yang di-Pertua, mempunyai pelbagai dana tersendiri di mana prestasinya bergantung kepada golongan yang berpatutan. Melihat situasi pasaran ini dengan izin, ada *opportunity*, ada peluang di mana terdapat saham-saham yang bermutu yang harganya lebih rendah daripada nilai yang sepatutnya, maka ketiga-tiga badan ini Tuan Yang di-Pertua bergabung menubuhkan Valuecap untuk mengambil peluang membeli saham-saham yang nilainya rendah daripada pasaran.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, sebuah syarikat bernama Crest Petroleum, nilai pasarannya RM2.53 - *two dollars and fifty three cents*, pakai bahasa Inggeris supaya sebelah sana itu faham sedikit. *[Ditujukan kepada pihak pembangkang]*. Dibeli pada harga RM3.60 – 50% lebih tinggi daripada nilai pasaran. Ini membuktikan banyak saham kita dalam pasaran nilainya lebih rendah daripada nilai yang sebenar.

Valuecap mempunyai lembaga pengarah dan jawatankuasa pelaburan yang berasingan serta profesional. Valuecap juga diuruskan oleh pelabur-pelabur profesional yang mempunyai rekod prestasi yang cemerlang. Tuan Yang di-Pertua, Valuecap bukan raksasa yang bakal memiliki syarikat-syarikat yang diniagakan di BSKL, ia dilarang untuk memiliki 5% daripada saham syarikat. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *they are not to buy* lebih daripada 5%. Ini bermakna tidak ada cara mereka boleh menguasai syarikat tetapi ia hanya akan melabur hanya sebagai dana pelaburan. Valuecap juga membeli saham bermutu yang harganya lebih rendah dari nilai yang sepatutnya, di samping saham-saham syarikat yang mempunyai asas kewangan kukuh serta pertumbuhan yang baik.

Oleh itu ia tidak akan membeli dan tidak ada pembeli saham-saham syarikat di bawah syarikat PN4 dengan izin Tun. Perubahan Valuecap sejajar dengan usaha kerajaan mempromosikan pasaran saham yang lebih cekap dengan peningkatan bilangan pelabur institusi yang lebih besar yang mana dapat mencerminkan nilai sebenar saham-saham di pasaran kita.

Satu minit lagi Tun. Ini merupakan satu lagi usaha pembangunan berterusan yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional seperti juga banyak langkah-langkah pemulihan dan pertumbuhan yang diambil alih sekian lama sejak pemerintahan Barisan Nasional tidak seperti yang di sebelah sana. Penyertaan Valuecap dijangka dapat menyuntik dana institusi tambahan dan seterusnya meningkat kecairan di pasaran.

Kecairan amat penting Tun, ia dijangka dapat membantu menambah minat, keyakinan dan aktiviti pasaran. Valuecap beroperasi mengikut garis panduan yang jelas. Pelaburan Valuecap berpandukan kepada falsafah pelaburan berjangka panjang. Valuecap hanya memberi nafas baru. Ia tidak sama sekali mahu mengambil alih atau meminggir peranan mana-mana pengurus dana termasuk pengurus dana asing.

Kita mengalu-alukan dana asing adalah lebih ideal jika pasaran saham bergerak mengikut asas-asas yang bernas, yang hakiki, yang tidak bersifat bermusim. Bagaimanapun kita mesti ingat dalam keadaan apa juga sekalipun, pasaran saham akan tetap ada turun, ada naik.

Apa yang lebih penting, Valuecap telah dapat memberi nafas yang baru. Setakat ini Tun, hanya sejumlah kecil RM1 bilion sahaja daripada RM10 bilion yang telah dilaburkan. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong usaha kerajaan untuk menubuhkan Valuecap dengan dana sebanyak RM10 bilion dan saya amat bersetuju bahawa usaha ini adalah antara lain untuk membeli saham-saham yang rendah nilai supaya dari segi pelaburan jangka panjang mendapat keuntungan kepada ketiga-tiga syarikat tersebut.

Saya ingin membuat soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Kita semua sedar yang nilai ataupun harga saham sekarang jauh di bawah nilai asas dan ini adalah fenomena global bukan sahaja tertakluk kepada negara kita. Yang Berhormat menyatakan tadi bahawa kerajaan telah melabur 10 peratus, iaitu RM1 bilion dalam pasaran tersebut. Di samping itu kita tahu beberapa negara telah menggunakan strategi yang sama tetapi gagal.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah perbezaan di antara dana yang kita lakukan ini dengan dana yang telah dilakukan oleh negara-negara lain yang telah gagal yang membuat kita yakin bahawa apa yang kita lakukan ini dapat memberi nilai kepada pelabur yang terlibat dan juga kepada Bursa Saham Kuala Lumpur. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tambun, terima kasih kepada Yang Berhormat sebagai Setiausaha BBC banyak membantu saya dahulu dan membantu BBC. Strategi kita seperti saya kata tadi, kita mengambil iktibar usaha-usaha begini yang dilaksanakan oleh negara lain. Sebab itu kita pilih satu lembaga pengarah yang profesional, pengurusan yang profesional, mereka ini menggunakan dana-dana ini seperti ini ASN dan PNB yang berjaya dan juga unit-unit trust yang lain.

Bermakna Valuecap ini adalah seperti unit trust yang lain diberikan satu kumpulan dana kepada mereka dan mereka akan melabur supaya pada saham-saham yang ada nilai dan pulangan. Kalau digunakan asas yang profesional ini tidak mungkin akan menjadi masalah atau menghadapi permasalahan seperti dana-dana yang lain yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat bagi Rompin. Tetapi belangnya belum berubah lagilah [*Tepuk*] [*Dewan riu*]. Saya hendak bagi peringatan sedikit di dalam '*khalikah*' rakyat kita ini. Kita mestilah pandang dengan jauh dan luas. Jangan pandang sebagai Backbencher sahaja sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ini macam ini, tetapi tidak dapat jawab. Minta Menteri Kewangan menyatakan projek dan kontra Valuecap, tidak ada pro, tidak ada kontra tadi dan amaunnya tidak disebutkan. Pakej rangsangan fiskal, amaun tidak disebutkan dan potongan kadar oleh Bank Negara tidak disebutkan. Macam mana hendak jawab 13 soalan tadi [*Dewan riu*]. Macam mana pula ini.

Bolehkah Yang Berhormat sebutkan kerana yang disebutkan tadi, dia hendak strategi yang mengambil iktibar. Dari iktibar Hong Kong dan Taiwan kerana kedua-dua negara ini mengamalkan Valuecap juga pada satu masa. Apakah masalah yang dihadapi oleh negara-negara yang pernah menggunakan Valuecap dan bilakah pihak kerajaan akan menarik balik atau mengekalkan untuk selama-lamanya di pasaran saham kita.

Maklumkan Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya mata wang yang ditetapkan, pasaran kita pun sudah terjejas juga. Walaupun di sebelah satu ketika pada tahun 1997 dan 1998 kita perlu untuk mengambil langkah. Tetapi sekarang saya nampak pasaran BSKL, prestasinya mungkin terjejas kerana mata wang kita tetap.

Ini salah satu faktor yang menjejaskan BSKL kita. Bolehkah Yang Berhormat jawab kepada soalan? Jangan merayau-rayau kepada seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah. Hem..... Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Kepong. Kepong ini memang ada yang disebutnya baik tetapi kadang-kadang ada yang perlu dibaiki. Tentang isu yang lain-lain Yang Berhormat bawa selain daripada Valuecap saya akan menjawab secara bertulis.

Puan Chong Eng: Ah !.....

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini kita hendak khusus kepada Valuecap dan juga nanti bila persoalan-persoalan tentang ekonomi, kita akan jawab apa yang Yang Berhormat bangkitkan, yang pertama.

Yang kedua, tentang perkara apa yang boleh dipelajari, kita akan lihat dan pelajari apa berlaku di Hong Kong dan negara lain. Sebab apa kita hendakkan Valuecap ini seperti dana yang lain, unit trust yang lain. Sebab itu mesti membiarkan mereka memilih kaunter mana dan kita adakan garis panduan.

Macam tadi, *they are not to buy* dengan izin lebih daripada lima peratus, tidak timbul kebimbangan kononnya ada *bailout*, ada itu dan ada ini. Hendak ambil alih kompeni macam mana kalau hanya dibenarkan setakat lima peratus. Lepas itu tidak dibenarkan luar *market*, hanya dalam *market*, dalam pasaran. Kita tahu *broker* mana *intermediary* mana. Tidak timbul kesangsian. Yang ada, harapan saya dengan ini hapuslah kesangsian itu dan dari segi perkara memastikan mereka mengurus yang baik, kita bagi *benchmarking*. Misalan juga kita PNB, ASN yang lain dia akan umum kepada pemegang-pemegang dana dia berapa prestasi dia tahun ke tahun. Seperti juga kita prestasi EPF, prestasi PNB supaya *benchmark* dari segi prestasi mereka. Terima kasih Kepong.

3. **Dato' Kamarudin bin Jaafar [Tumpat]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bentuk-bentuk bantuan yang Malaysia berikan kepada Iraq jika negara itu diserang tanpa melalui resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Yang Berhormat, saya ingin menegaskan bahawa kerajaan Malaysia sentiasa berpegang kepada prinsip yang berteraskan undang-undang antarabangsa dan keadilan sejagat. Justeru itulah kita tidak bersetuju dengan rejim sekatan yang dikenakan ke atas Iraq yang membawa kesengsaraan kepada rakyat yang tidak berdosa.

Begitu juga sekatan udara yang dikenakan ke atas Selatan dan Utara Iraq dan pengeboman yang dilakukan lebih daripada 10 tahun oleh pihak Kurdish dan Amerika Syarikat. Kita telah memainkan peranan secara aktif di Bangsa-Bangsa Bersatu dan Majlis Keselamatan supaya sekatan yang dikenakan ke atas Iraq dilepaskan dan pengeboman dihentikan dan integriti dan kedaulatan wilayah Iraq dihormati.

Begitu juga Perdana Menteri kita sentiasa menggesa supaya sekatan dilepaskan kerana sekatan membawa masalah kemanusiaan kepada rakyat yang tidak berdosa. Pada masa ini kita beranggapan bahawa resolusi 1441 hendaklah diberikan masa untuk dilaksanakan secara penuh dan tindakan peperangan adalah bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

Proses berbagai hala mestilah digunakan dan peperangan tidak menjadi penyelesaian kepada masalah konflik di Iraq. Sebenarnya ia akan melahirkan ketidakstabilan di rantau Asia Barat dan juga di peringkat antarabangsa selain dari menjejaskan ekonomi dunia. Pandangan masyarakat antarabangsa tidak boleh diketepikan oleh Amerika Syarikat, Britain dan Sepanyol. Kita mahukan tindakan yang seimbang dan tidak memilih dalam melaksanakan usaha bagi mencapai keamanan global.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan oleh Yang Berhormat Menteri, walaupun saya mengharapkan bahawa jawapan beliau tadi sepatutnya menegaskan dengan lebih jelas dan lebih kuat lagi pendirian negara kita mengutuk tindakan kuasa-kuasa besar dunia khususnya Amerika Syarikat yang dalam beberapa hari sahaja lagi telah dan akan menyerang negara Iraq ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan tindakan yang telah dan sedang dilakukan oleh Amerika Syarikat dengan menggunakan kuasanya untuk menyerang Iraq sekarang ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada kita sebagai negara yang jelas mengutuk dan mengkritik tindakan Amerika Syarikat sekarang ini bercadang untuk menilai semula, bercadang untuk menukar dasar kita dengan Amerika Syarikat dengan hubungan rapat kita dari segi ketenteraannya, dengan tentera Amerika berlatih di sini, dengan kita menerima bantuan ketenteraan daripada Amerika Syarikat, dengan kita menjadi tuan rumah peperangan kononnya untuk menentang keganasan yang sekarang ini digunakan oleh Amerika Syarikat untuk

menyerang Iraq, pertama. Adakah kita akan menukar dasar kita, hubungan kita dengan Amerika Syarikat

Keduanya, hari ini Tuan Yang di-Pertua, Menteri Luar Perancis, Dominique de Villepin melawat negara-negara yang akan mengundi di Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Beliau sedang melawat Cameron, sedang melawat Angola, sedang melawat Guinea dan sebagainya. Adakah kita sebagai pemimpin NAM, adakah Yang Berhormat Menteri Luar bercadang sekarang ini untuk keluar negara melawat Chile, melawat Mexico, melawat Angola, Cameron, Guinea dan Pakistan atas nama NAM, atas nama OIC untuk benar-benar berkempen melobi untuk supaya mereka mengundi jangan Amerika Syarikat membuat Bangsa-Bangsa Bersatu menjadi tempat menyerang Iraq [*Tepuk*]. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tumpat di atas ucapan beliau. [*Ketawa*] Saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat bagi Tumpat, pendirian ini bukan politik. Ini adalah pendirian kemanusiaan dan keadilan [*Tepuk*].

Kerajaan Malaysia adalah satu-satunya kerajaan negara kecil, bukan kuasa besar yang telah memainkan peranan yang amat ketara dan berani, tegas dan konsisten [*Tepuk*]. Semasa ada persidangan NAM walaupun ada usaha-usaha untuk menggagalkan NAM tetapi kita telah membuat usul ke atas Iraq dan mengutuk segala tindakan *unilateral* dan kita mahukan kehormatan Bangsa-Bangsa Bersatu diberikan tempat yang sewajarnya. Oleh itu kita telah bertemu dengan beberapa menteri semasa persidangan NAM, kita mengadakan persidangan OIC secara tidak formal tergepar. Jadi tidak perlu untuk kita terus pergi negara-negara ini kerana kita telah membuat perjumpaan semasa mereka berada di sini.

Keduanya juga saya suka menjelaskan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menulis surat kepada tiap-tiap satu negara, pemimpin kepada tiap-tiap negara dalam Majlis Keselamatan untuk mengatakan kita tidak menyokong peperangan dan kita mahu pendekatan keamanan dan Bangsa-Bangsa Bersatu mestilah menyelesaikan masalah Iraq dengan cara damai. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *Assalamualaikum warahmatullah.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya hendak tanyalah sekiranya keputusan undian oleh Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap usul atau cadangan Amerika untuk menyerang Iraq itu, pihak Amerika kalah dalam undian tersebut. Tetapi pihak Amerika akan terus menyerang Iraq walau pun Bangsa-Bangsa Bersatu telah membuat keputusan.

Saya hendak tanya apakah tindakan pihak kerajaan dan juga ahli-ahli pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang lain. Boleh tidak Malaysia mencadangkan sekiranya Amerika berdegil juga tetap dengan kehendak dia kerana dia tahu angkatan tentera dia kuat, satu tindakan yang tegas bukan Malaysia sahaja tetapi dengan sokongan oleh ahli-ahli Bangsa-Bangsa Bersatu yang lain menolak cadangan Amerika itu sama ada memulaukan semua barang Amerika seluruh dunia. Ekonomi, saya tidak tahu. Jika tidak Amerika kita cakap, kutuk berbuih mulut kita, dia tidak peduli. Dia tetap menyerang jua. Pasal dia tahu dia kuat.

Jadi, adakah tindakan seperti yang saya kata tadi, memulaukan barang dia ataupun kita menyekat ekonomi. Bagaimana pandangan ini Yang Berhormat?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tebrau. Saya ingin jelaskan di sini bahawa buat masa ini pun Amerika Syarikat nampaknya mengugut Bangsa-Bangsa Bersatu supaya mengambil tindakan yang menyokong kemahuan dia untuk berperang sebagai penyelesaian kepada krisis Iraq.

Saya tidak dapat menjawab untuk menentukan apakah yang akan kita lakukan, oleh kerana ini akan menyusahkan tindakan kita yang seterusnya. Tetapi apa yang penting ialah Amerika Syarikat akan dihukum oleh masyarakat antarabangsa dan dihukum oleh rakyat mereka dan dihukum oleh masyarakat dunia. Ini menjadi satu pendekatan yang terbaik sekali untuk menentukan Amerika menghormati undang-undang antarabangsa dan prinsip kedaulatan negara.

4. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kementerian telah meneliti kaedah-kaedah lain yang lebih berkesan untuk menangani ancaman wabak denggi di dalam jangka panjang dan bilakah kaedah-kaedah baru ini akan dilaksanakan memandangkan bilangan mangsa wabak ini yang semakin meningkat setiap tahun.

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju bersekali dengan 8 lagi pertanyaan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan denggi yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 11 Mac tahun ini, Ipoh Timur – 1 April tahun ini, Sungai Benut – 2 April tahun ini, Pengkalan Chepa – 2 April tahun ini, Rantau Panjang – 2 April tahun ini, Kubang Pasu – 2 April dan Machang – 7 April dan Bagan – 7 April tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Chua Jui Meng: Saya turut mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk memberi satu jawapan yang panjang. Oleh kerana banyak pertanyaan di dalam Dewan ini dan isu ini telah dibangkitkan kerap kali di sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa minit, lebih kurang.

Datuk Chua Jui Meng: Saya cuba 12 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, demam denggi dan demam denggi berdarah adalah satu penyakit yang menjadi masalah kesihatan di dunia ini. Adalah dianggarkan antara 50 juta kes demam denggi dilaporkan oleh WHO dan lebih kurang 500,000 kes demam denggi berdarah yang memerlukan kemasukan hospital dengan sekurang-kurangnya 12,000 kematian berlaku setiap tahun di seluruh dunia. Manakala di negara-negara dalam kawasan Asia Pasifik, sejak 15 tahun yang lalu demam denggi dan demam denggi berdarah adalah menjadi punca utama kemasukan pesakit ke hospital.

Negara Malaysia adalah salah sebuah dari 100 negara di dunia ini yang endemik dengan penyakit ini. Pada tahun 1996 hingga 1998, terdapat trend peningkatan jumlah kes demam denggi dan demam denggi berdarah di negara-negara Asia Pasifik. Pada tahun 1998, negara kita tidak terkecuali mengalami musibah yang sama dengan mencatatkan peningkatan kes demam denggi dan demam denggi berdarah. Demam denggi dibahagikan kepada dua jenis iaitu demam denggi dan demam denggi berdarah. Jangkitan demam denggi biasanya tidak membawa kematian dan demam denggi berdarah mempunyai kadar kematian yang tinggi.

Pada 7 Jun tahun lalu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan *dengue alert* pada semua pengarah kesihatan negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan. Beberapa mesyuarat telah diadakan seperti mesyuarat kawalan denggi dengan Pejabat Kesihatan Negeri, Dewan Bandaraya, Majlis Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Arahan penubuhan bilik gerakan peringkat nasional di semua negeri yang bermasalah denggi telah dikeluarkan pada 12 Ogos tahun lalu dan satu mesyuarat penyelarasan kawalan denggi bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DBKL, pihak berkuasa tempatan dari Lembah Klang, pengarah-pengarah hospital dari Lembah Klang dan lain-lain agensi.

Kementerian Kesihatan telah didakwa oleh DAP kerap kali. Mengenai *dengue alert* yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada bulan Julai tahun lalu. Dakwaan ini adalah tidak benar sama sekali. Kementerian telah pun mendapat pengakuan secara bertulis daripada wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia di Kuala Lumpur yang menerangkan bahawa WHO tidak pernah mengeluarkan amaran seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1998, boleh dikatakan seluruh dunia mencatatkan peningkatan kes termasuk juga negara kita yang meningkat sebanyak 73%. Di Malaysia sejak tahun 1997 hingga 2002, purata kes denggi setahun adalah 8,364 kes sah serologi, dan dalam tahun 1998, yang paling tinggi sekali di dalam sejarah negara kita, 13,742 kes. Dalam tempoh masa yang sama, beberapa negeri

telah melaporkan purata kes yang tinggi. Negeri-negeri tersebut ialah Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor dan Perak. Lain-lain negeri melaporkan purata kes kurang dari 700 kes setahun.

Pada tahun 2002, kejadian kes denggi telah meningkat di seluruh Malaysia sejak pertengahan tahun. Jumlah kes demam denggi dan demam denggi berdarah yang sah serologi, yang dilaporkan pada tahun lalu ialah sebanyak 11,394 kes dengan 57 kematian. Negeri-negeri yang sama mengalami jumlah kes yang tinggi. Pada tahun 2002, kadar kematian yang disebabkan oleh demam denggi berdarah di Malaysia ialah 10%, iaitu 57 kematian daripada 568 kes demam denggi berdarah. Peratus ini menunjukkan kadar kematian disebabkan demam denggi berdarah di Malaysia adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Kejadian demam denggi berdarah di negara ini pada tahun lalu adalah hanya 0.1% daripada jumlah kes demam denggi berdarah yang dianggarkan berlaku di dunia ini. Manakala peratus kes denggi di negara ini adalah 0.02% daripada jumlah kes demam denggi yang dianggarkan bagi seluruh dunia tahun lalu.

Kejadian denggi pada tahun 2002 ini berlarutan hingga ke akhir tahun dan masih meningkat sehingga masuk ke tahun 2003. Oleh itu, kes yang dilaporkan mulai awal tahun 2003 adalah ekoran kesinambungan peningkatan kes denggi dari tahun lepas. Kejadian kes denggi bagi seluruh Malaysia tahun 2003 sehingga 22 Februari adalah sebanyak 3,410 kes yang sah serologi dengan 11 kematian.

Tuan Yang di-Pertua, pada 3 tahun, tahun 2000 sehingga tahun lalu, purata jumlah kes denggi yang dilaporkan dalam kawasan Kementerian Kesihatan iaitu kawasan di luar kawasan pihak berkuasa tempatan ialah 8.3%. Manakala purata kes denggi bagi kawasan PBT di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah 91.7%.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2000, sebanyak 50 PBT yang kurang upaya telah diambil alih oleh Kementerian Kesihatan secara sukarela, hanya buat sementara sehingga PBT-PBT ini mampu menjalankan kawalan dan pencegahan denggi dengan sendiri. Bagi tiga tahun tersebut purata kes denggi bagi 50 PBT yang saya sebut tadi ialah 7.4% setahun bagi jumlah kes denggi. Ini bermakna kawasan yang dijaga oleh PBT adalah 84.3%.

Pengarah-pengarah kesihatan telah diarah membantu PBT-PBT yang memerlukan bantuan dari masa ke semasa. Peningkatan kes denggi di Malaysia pada tahun 1998 dan tahun 2002 adalah disebabkan beberapa faktor. Berikut adalah antara punca kenapa peningkatan kejadian kes denggi di negara ini.

- peningkatan penduduk di bandar;
- kurang kerjasama individu dan masyarakat di dalam usaha-usaha mengurangkan tempat pembiakan nyamuk *Aedes*;
- orang ramai tidak mengambil berat dan memikul tanggungjawab untuk meningkatkan tahap kebersihan di persekitaran tempat tinggal dan tempat kerja masing-masing; dan
- di samping itu masih terdapat longkang awam tersumbat dan pembuangan dan pengutipan sampah tidak teratur dan menjadi tempat pembiakan nyamuk *Aedes* meningkat.

Pada tahun lalu dan awal tahun ini, Malaysia mengalami musim hujan yang berlebihan diselang-seli dengan cuaca panas, maka keadaan ini amat sesuai bagi pembiakan nyamuk *Aedes*. Masih terdapat pembiakan nyamuk *Aedes* yang tinggi di kawasan-kawasan tertentu terutama sekali tapak pembinaan, tapak pembuangan sampah, projek rumah terbengkalai dan kilang.

Terdapat perubahan jenis virus denggi yang menjangkiti orang ramai mulai tahun 2001, jika dibandingkan pada tahun-tahun sebelumnya. Di dalam pemantauan Kementerian Kesihatan bagi seluruh negara mulai tahun 2001 jenis virus DEN3 telah menjadi lebih ketara. Peningkatan virus DEN3 ini telah menyebabkan ramai penduduk terdedah kepada jangkitan. Oleh kerana kebanyakan penduduk di Malaysia tidak mempunyai antibodi kepada *stereotype* DEN3, maka ramai akan mendapat sakit setelah dijangkiti virus ini.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian aktiviti pencegahan dan kawalan yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berkuasa tempatan pada tahun 2002 adalah seperti berikut:

- (i) sebanyak 4,080,251 premis diperiksa untuk mengurangkan punca pembiakan nyamuk *Aedes*;
- (ii) sebanyak 11.5 juta premis telah disemburkan kabus; dan
- (iii) sebanyak 214 ribu premis telah dibubuh ubat jentik-jentik (*Abate*);
- (iv) sebanyak 1,617 bilangan gotong-royong telah dianjurkan oleh masyarakat untuk mengurangkan sampah dan tempat pembiakan nyamuk *Aedes*.

Manakala tindakan penguatkuasaan berikut telah diambil di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

- (i) sebanyak 19,184 kompaun telah dikeluarkan bagi individu yang didapati membiak nyamuk *Aedes* di premis masing-masing;
- (ii) sebanyak 12,184 notis telah dikeluarkan sebagai amaran dan arahan kepada individu yang didapati membiarkan premis mereka dipenuhi dengan tempat-tempat berpotensi pembiakan nyamuk *Aedes*; dan
- (iii) sebanyak 550 tindakan mahkamah telah diambil bagi mereka yang ingkar atau membuat kesalahan berulang.

Bagi meningkatkan keupayaan dan kebolehan anggota Kementerian Kesihatan dan PBT, 6 kursus telah dianjurkan pada bulan Julai dan Ogos tahun lalu bagi semua negeri yang dihadiri oleh 468 peserta dari Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Strategi Pendidikan Kesihatan adalah satu cara untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan membawa perubahan sikap dan tingkah laku orang ramai. Untuk itu beberapa jenis bahan pendidikan kesihatan dan ceramah telah dihasilkan pada tahun lalu. Sebanyak 800,000 terbitan media cetak dalam pelbagai bahasa telah diedarkan. Sejumlah 6,000 video pendidikan kesihatan kawalan *Aedes* diedarkan untuk kegunaan di peringkat negeri dan daerah; dan temu ramah dengan doktor di TV dan radio.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan denggi hanya akan berjaya sekiranya setiap individu, keluarga, masyarakat dan seluruh rakyat Malaysia termasuk DAP [*Ketawa*] memberi kerjasama positif di dalam penjagaan, kebersihan, persekitaran masing-masing dari tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Sehingga akhir Februari tahun ini, terdapat penurunan kes denggi bagi seluruh Malaysia.

Walau bagaimanapun, tindakan kawalan, pencegahan dan rawatan akan terus dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas satu penjelasan yang amat jelas dan terang sekali. Oleh kerana demam denggi dan demam denggi berdarah membawa kematian, apakah perancangan kerajaan untuk mencari vaksin atau penawar kepada semua, dengan izin, *strain virus dengue*, seperti mana penyakit lain yang dibawa oleh nyamuk seperti malaria. Memang diakui mencari penawar dan vaksin denggi mungkin memakan belanja dan masa yang panjang, tetapi usaha ini wajarlah dimulakan sekarang supaya ancaman denggi dapatlah ditumpaskan buat selama-lamanya di dalam jangka panjang. Terima kasih.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih terhadap pertanyaan itu. Sebenarnya walaupun kita dan banyak negara di dunia ini telah melakukan penyelidikan dan pembangunan terhadap vaksin untuk denggi dan *dengue hemorrhaging fever* tetapi malangnya sehingga hari ini belum ada vaksin yang telah dicipta yang boleh membantu manusia untuk memerangi penyakit denggi dan *dengue hemorrhaging fever*.

Mengikut laporan WHO baru-baru ini, mereka sudah mengakui tidak ada vaksin. Oleh kerana itu, cara yang terbaik sekali adalah cara yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia iaitu banyak aktiviti yang saya laporkan tadi telah dijalankan sejak kemerdekaan sampai kini untuk mendidik rakyat kita untuk menjalankan banyak aktiviti penguatkuasaan, untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pengkabusan, semburan ke premis-premis dan di tempat-tempat awam, *abate* dan lain-lain. Inilah cara pencegahan atau *preventive* dan kawalan yang terbaik yang telah dilaksanakan oleh negara kita.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa sudah cukup Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Desak Kerajaan Membantah Amerika Syarikat Menyerang Iraq

11.02 pagi.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, adalah dengan ini saya, Mohd. Zin bin Mohamed, Ahli Parlimen bagi Shah Alam, mengusulkan di bawah Perkara 18(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini dengan tujuan untuk merundingkan usul mendesak Kerajaan Malaysia untuk membantah dengan sekeras-kerasnya apa jua tindakan ketenteraan yang diambil oleh Kerajaan Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq, [*Tepuk*]... Sekalipun dengan kelulusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Perkara ini adalah perkara tertentu yang membabitkan tindakan ketenteraan unilateral oleh negara terhadap sebuah negara lain yang tidak mampu mempertahankan dirinya sambil membelakangkan pendekatan multilateral yang selama ini menjadi prinsip kewujudan PBB yang turut dianggotai Malaysia. Perang ini bakal dilihat sebagai perang orang bukan Islam menentang orang Islam dan membawa kepada kehilangan kepercayaan masyarakat dunia terhadap badan itu.

Ianya berkenaan kepentingan orang ramai kerana serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq akan mengheret ekonomi Malaysia dan dunia kembali ke dalam kegawatan yang lebih dahsyat jika dibandingkan dengan yang pernah dirasakan dalam tahun 1998. Perang ini akan menyebabkan inflasi harga barangan kritikal yang terpaksa ditanggung dan dipikul oleh rakyat Malaysia akibat *effect* domino kenaikan harga minyak sedunia. Ia juga akan mewujudkan ketidakstabilan integrasi nasional kerana melibatkan ideologi umat Islam dan boleh menimbulkan huru-hara sekira umat Islam sedunia mendesak perang dicetuskan pula dengan orang bukan Islam.

Oleh yang demikian, ianya perlulah disegerakan dengan Kerajaan Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan Amerika Syarikat ke atas Iraq dan mendesak Jawatankuasa Keselamatan PBB untuk menolak usul yang dibawa oleh Amerika Syarikat dan sekutunya, Britain, untuk menyerang Iraq.

Saya pohon kelulusan Tuan Yang di-Pertua... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Shah Alam pada 10 Mac 2003. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang-kan oleh Majlis Mesyuarat hari ini saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu perkara tertentu;

- (ii) syarat yang kedua adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) syarat yang ketiga ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan juga perkara ini perlu disegerakan... *[Tepuk]* Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), usul ini hendaklah ditempokkan hingga jam 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit dan saya juga akan membenarkan pihak pembangkang mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. *[Tepuk]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Kami pembangkang tidak ada tempat untuk berbahas.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya sudah baca tadi. Dia tidak dengar itu. *[Disampuk]* Saya sudah menyebut tadi, saya akan memberi masa juga kepada pembangkang untuk membahaskan dalam perkara ini, ya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BANTUAN GUAMAN (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Perdana Menteri dibaca kali yang pertama: akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PENGESAHAN) 2003

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk mengesahkan perbuatan atau benda yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bawah Kanun Tanah Negara dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Perdana Menteri dibaca kali yang pertama: akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

11.08 pagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat

hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu”.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya minta sokongan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah usul Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

USUL

MELANTIK Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Mengikut Peraturan Mesyuarat 77(2)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Peraturan Dewan Rakyat 77(2), saya dengan hormatnya memohon mengemukakan usul seperti berikut:

“Bahawa Yang Berhormat Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, Ahli bagi kawasan Tambun dan Yang Berhormat Dato’ Zulhasnan bin Rafique, Ahli bagi kawasan Wangsa Maju, masing-masing dipilih sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang baru sehingga tamat tempoh Parlimen Kesepuluh mengikut Peraturan Mesyuarat 77(2).”

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato’ Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

11.11 pagi.

Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]: *Assalamualaikum warahmatulla hitaala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana diberi kesempatan untuk membawa usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail kerana sudi menyampaikan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Persidangan Parlimen Kesepuluh Penggal Kelima pada hari semalam, 10 Mac 2003. Usul saya adalah seperti berikut:

Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima Parlimen Yang Kesepuluh."

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, kita bersyukur kerana negara kita aman. Kita mengatakan aman dengan membuktikannya aman. Kita mengatakan stabil dengan membuktikan negara kita stabil. Kita bukan mahu mendabik dada tetapi kita membuktikan dan mengotakan apa yang kita kata.

Dalam kita berbangga, kita bukan riak. Kita mampu menganjurkan pertemuan pemimpin 116 negara membangun yang setengahnya sering dituduh sebagai negara paksi kejahatan, penganas, penyorok penganas, miskin dan hina serta banyak lagi. Kita bersyukur kerana walaupun kita dikelilingi oleh mereka yang dicap tidak baik oleh Barat, namun terbukti tidak ada sebarang kejadian tidak diinginkan berlaku. [Tepuk]

Adapun perkara penting di sini, pertama ialah tiadanya sebarang kejadian tidak diinginkan berlaku sepanjang persidangan kali ini dan kita sebagai tuan rumah mampu membawa serta mengetengahkan apa yang selama ini tidak digemari oleh rakyat negara membangun dalam mereka menghadapi perkembangan dunia *order* baru ekonomi antarabangsa.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang, ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Belum panas lagi, belum *start* lagi. [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Belum panas.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tetapi pasal Bendahari tanya, kena bagi laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, sila.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Shah Alam. Tahniah atas pelantikan sebagai Pengerusi BBC. [Disampuk] [Tepuk] Dalam kita hari ini memulakan persidangan dengan ucapan menjunjung kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tetapi hari ini kita lihat di dada akhbar *Utusan Malaysia*, bagaimana ucapan Duli Yang Maha Mulia ini seolah-olah dipertikaikan oleh pemimpin pembangkang iaitu Yang Berhormat bagi Marang.

Apakah beliau selama ini tidak memperakui Rukun Negara yang kedua iaitu kesetiaan kepada raja dan negara? [Tepuk] Ke manakah letaknya sebagai seorang pemimpin yang memperkecilkan institusi beraja di negara ini? Apakah pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tampin. Saya belum sempat membaca *Utusan Malaysia* tetapi semalam saya melihat *interview* yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Marang dalam ntv7 tetapi saya nampak ucapan itu seolah-olah seperti apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Tampinlah. Jadi kita sebagai rakyat Malaysia, bila Yang di-Pertuan Agong mencemar duli untuk bersama dengan kita dalam Dewan ini kita mesti ambil dia sebagai satu perkara yang baik, jangan kita ingat perkara-perkara yang tidak baik.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi Tuan Yang di-Pertua ... [Disampuk]

Seorang Ahli: Satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bagi saya *warm-up*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat ya. Teruskan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya pasal wanita ini, kadang-kadang kita tidak bagi laluan, susah nanti. Jadi kita bagilah dia pula. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Saya hendak menyambung sedikit, hendak mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat dalam soal mempertikaikan ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Semalam semasa majlis perasmian saya berada di sebelah sana.. *[Menunjuk ke arah tempat duduk di hadapan]* Ini tempat duduk saya di sebelah sini, saya melihat Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang semasa titah ucapan dibacakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita memukul ataupun kita bertepuk memberikan sokongan ataupun merasakan bahawa ini adalah pencapaian negara kita tetapi saya melihat ada Ahli Yang Berhormat mengetuk sehingga saya rasa kalau meja ini tidak kuat saya rasa sudah pecah. Apa pandangan Yang Berhormat dengan sikap yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang di depan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, termasuk Yang Berhormat daripada Pokok Sena, saya memang nampak dengan jelas. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak payah Yang Berhormat bagi Arau beritahu, kita semua nampak macam mana Yang Berhormat bagi Pokok Sena dok tepuk meja sampai hendak pecah *[Ketawa]* tetapi Yang Berhormat sebagaimana yang saya maklumkan tadi bahawa ini Raja kita, negara kita negara Raja Berperlembagaan. Jikalau dalam majlis bila mana Raja datang memberi persembahan untuk memberikan pandangan dan nasihat, kita terimalah dengan keadaan dada yang terbuka dan baik. Jangan dok masa itu juga hendak beri komen, tunggu. Masa, ruang, peraturan yang ada dalam Dewan ini sudah cukup hendak bagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya hendak teruskan ucapan saya. Kalau macam ini sampai besok tidak habis

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya bagi laluan nanti ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Mana sudah hilang ini. Dari dunia Oder Baru ekonomi antarabangsa – *New International Economic Order*, pada tahun 1970-an dan 1980-an hinggalah kepada era globalisasi ketika ini. Yang kedua, ketenangan yang ada di Kuala Lumpur berdasarkan rakyat kita yang berdisiplin, tahu menghormati jiran dan mesra melayani tetamu asing. Di sini kita tidak berdepan dengan tunjuk perasaan oleh pihak-pihak yang marah kepada suatu pihak yang lain dan sebagainya. Memetik kata-kata Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika bertemu wartawan asing di Putrajaya selepas sidang tidak rasmi Pertubuhan Negara-negara Islam atau OIC baru-baru ini, Dr. Mahathir berkata, Sidang Kemuncak NAM berjaya diadakan kerana rakyat kita, termasuk pembangkang, tidak gemar kepada keganasan.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Nanti sekejap, nanti sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini penting Tuan Yang di-Pertua berbanding dengan Sidang Kemuncak, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik atau APEC pada 1998 di pentas PWTC itulah seorang pemimpin yang kini tidak lagi menjadi pemimpin penting sebuah negara besar, melemparkan sangkaan buruk dan cuba memperkecilkan Perdana Menteri yang kita kasihi. Alhamdulillah, seperti yang saya nyatakan sebentar tadi, kita mampu membuktikan kepada 116 negara iaitu dua pertiga daripada keseluruhan anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan 50 daripada anggota NAM juga adalah anggota Pertubuhan Negara-negara Islam yang hadir pada Sidang Kemuncak Ke-13 NAM bahawa Malaysia memang aman dan stabil, saksi dan saksikanlah.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan? Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Ya, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ketua *Backbencher* yang baru. Berkenaan dengan Sidang NAM, anggotanya berjumlah 116 negara mengikut kata Yang Berhormat bagi Shah Alam tetapi ketua negara yang hadir dalam Sidang NAM ini hanya 62 negara, tidak sampai separuh. Bolehkah tidak Yang Berhormat bagi Shah Alam jelaskan mengapakah lebih daripada separuh yang lain ketua-ketua negara ini enggan untuk hadir dalam sidang ini?

Itu yang pertama, yang kedua penjelasan yang saya minta, ialah dalam sidang tidak rasmi OIC di Putrajaya selepas Sidang NAM, dikatakan bahawa anggota sidang ini bersetuju menggunakan minyak sebagai senjata bagi menghalang Amerika dari menyerang Iraq tetapi selepas sidang pada esok harinya kita telah melihat kenaikan harga minyak sebanyak dua sen ke atas rakyat Malaysia. Adakah ini sebahagian daripada senjata minyak ke atas Amerika dan mengapakah rakyat Malaysia yang pertama menjadi mangsa daripada penggunaan senjata minyak ini? [Tepuk]

Yang ketiga saya hendak minta penjelasan, kalau Yang Berhormat bagi Shah Alam boleh beri tahu, berapakah kereta mewah kalis peluru telah digunakan dan berapakah nilai cukai yang tidak dipungut kerana satu syarikat telah diberikan keistimewaan untuk mengimport kereta mewah kalis peluru ini sekurang-kurangnya untuk 62 buah kereta Mercedes, dan kepada syarikat manakah keistimewaan ini diberikan.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Okey, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Cukup Yang Berhormat. Nanti Yang Berhormat pula yang bawa usul ini, saya yang bawa Usul ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Itu mukadimah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Ketawa] Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat tunggu sampai saya habis. Yang pertama, Yang Berhormat hendak buat *benchmark* mengatakan bahawa persidangan NAM ini gagal sebab daripada 116 negara cuma 62 ketua-ketua negara yang hadir. Saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat, adakah itu merupakan satu *benchmark* menentukan yang persidangan itu gagal ataupun berjaya? Dan jika Ketua Negara tidak hadir, siapakah yang mewakili ketua negara - kerani diakah ataupun orang nombor dua yang mewakili Ketua Negara? Yang itu pun Yang Berhormat kena mengambil kira. Pada saya jikalau ada *consensus* mengatakan bahawa majoriti daripada kepimpinan ketua-ketua negara dengan orang nombor dua yang hadir, itu sudah cukup memberikan keyakinan bahawa sidang NAM itu satu perkara yang berjaya. Itu *argument* yang tidak boleh dijadikan sebagai satu *benchmark*. Ini yang saya sebutkan fikiran sempit, buka sedikit, luas.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan berdiri Yang Berhormat. Hendak selesaikan jawapan dahulu?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan berdiri. Hendak selesai jawapan dahulu? Dia hendak menjawab dahulu Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, perkara menggunakan minyak sebagai senjata, kita bercakap tentang minyak sebagai *resources*, sebagai satu kekuatan ekonomi yang boleh dimanfaatkan untuk menjadikan *leverage* dalam masalah yang kita hadapi, dan kalau instrumen ini boleh diterjemahkan untuk memberi kekuatan kepada kita, dengan izin, *why don't we take this option? That is always the option that we have*. Dan kita hendak supaya benda ini dijadikan sebagai satu opsyen, bukan sebagai *the only instrument* yang akan menyelesaikan masalah. Jadi Yang Berhormat dalam hal ini banyak macam strategi yang boleh digunakan. Kereta kalis peluru ...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, tentang soal berapa, berapa, saya difahamkan, yang ini kita hendak ucapkan terima kasih kepada pihak swasta bahawa mereka rasa terpenggil hendak membantu kerajaan untuk menjayakan NAM – tidak payah hendak membeli kereta yang dibeli oleh kerajaan, mana yang pihak swasta hendak bagi pinjam, selepas itu dia ada sedikit diskaun dalam dia punya duti dan cukai import dan kita gunakan untuk NAM tidak payah keluar belanja, itu pun salah? Payahlah. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan? Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat bagi Shah Alam pun maklum, kalau dibandingkan persidangan NAM di negara kita baru-baru ini dengan yang diadakan di South Africa, di mana kehadiran ketua-ketua kerajaan tidak melebihi 40 orang, dan yang jelas di Malaysia ianya sudah melebihi 60 negara, dan mungkin kita pun semua maklum bahawa hampir kesemua perwakilan delegasi NAM telah memuji negara kita berjaya dalam menganjur persidangan seumpama ini, jadi apakah ini ada lagi keraguan daripada kita semua? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja perkara yang saya hendak sebut di sini, sepatutnya tahun ini bukan Malaysia yang menganjurkan persidangan NAM, sepatutnya negara Bangladesh, ya. Bangladesh merupakan 100% negara Islam, penduduknya seramai 150 juta umat Islam, dia tidak mampu hendak menganjurkan. Jadi Malaysia *steps in, take this responsibility*, dengan izin. Dalam tempoh lapan bulan sahaja Malaysia dapat *organize* persidangan NAM ini, dan kalau ini hendak dijadikan oleh pembangkang sebagai suatu *benchmark* bahawa dengan kehadiran 62 ketua negara, tidak sampai 50 peratus, *sorry ya, I don't accept* satu *benchmark* yang tidak betul.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan ucapan saya ini, selepas 45 tahun mencapai kemerdekaan, tidak dapat dinafikan perkembangan dan pencapaian ekonomi negara boleh disifatkan sebagai gemilang dan membanggakan. Dengan melalui pelbagai iklim ekonomi dunia yang tidak menentu, ianya tidak lain dan tidak bukan, adalah atas faktor keutamaan yang diletakkan oleh Kerajaan Barisan Nasional selama ini yang menjadikan sektor ekonomi sebagai tulang belakang kepada pembangunan dan kemajuan negara. Krisis ekonomi yang melanda dunia dan serantau sebelum ini khususnya pada tahun 1997 dan 1998, diharungi dengan jayanya hasil kerja keras kerajaan melalui dasar-dasar yang dirangka dan dilaksanakan.

Hasilnya Malaysia menjadi antara negara yang berjaya menangani krisis ekonomi dunia dengan berkesan tanpa terjejas teruk seperti negara-negara lain yang masih belum pulih sehingga sekarang. Kegagalan negara jiran menangani krisis ekonomi dan mata wang misalnya, telah membawa kepada keadaan anarki dalam

negara sehingga berlaku rusuhan. Pertumpahan darah dan kejatuhan kerajaan yang memerintah seperti di Indonesia, Filipina, Argentina dan sebagainya sebaliknya semua perkara ini tidak berlaku di negara ini atas faktor kejayaan kerajaan menangani krisis ekonomi dengan baik sekali.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kemaman berdiri Yang Berhormat. Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Dalam hal ini kita bersyukur kerana kepercayaan yang diberikan oleh rakyat terhadap kerajaan tidak disia-siakan. Kerajaan membalas kepercayaan itu dengan dasar-dasar yang mengutamakan kepentingan rakyat, khususnya melalui dasar ekonomi yang cekap dan berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kemaman berdiri, hendak bagi jalan? Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Kita semua tahu bahawa pada awalnya banyak pihak mempertikaikan dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh kerajaan tetapi yang nyata kerajaan negara ini bukannya bodoh dan mudah terpengaruh dengan pujukan dan nasihat pihak yang mempunyai agenda jahat iaitu menguasai ekonomi negara ini atau dengan kata lain, mahu menjajah negara ini melalui kawalan ekonomi. Sebaliknya keutamaan kerajaan ialah untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat dan negara. Biar pun dicemuh dan diperlekehkan bukan sahaja oleh pihak luar malah pihak dalaman juga, termasuklah Yang Berhormat bagi Kemaman.

Kita tidak dapat membayangkan bagaimana jika kerajaan tidak melaksanakan dasar ekonomi seperti yang diamalkan sekarang, sebaliknya mengikut telunjuk dan nasihat pihak yang dikatakan pakar dalam menyelesaikan masalah ekonomi negara tetapi mempunyai agenda tersembunyi. Kita sebenarnya mempunyai pakar-pakar ekonomi yang bertaraf dunia yang mampu mencari penyelesaian setiap masalah yang timbul. Masalah ekonomi yang kita hadapi itu sebenarnya hasil perancangan jahat pihak spekulator mata wang yang tidak beretika, iaitu mahu merampas kekayaan ekonomi kita.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kemaman berdiri Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap. Kita harus sedar bahawa penguasaan ekonomi sekarang dianggap sebagai penjajahan bentuk baru oleh negara-negara tertentu, khususnya yang memperjuangkan dasar ekonomi atas nama globalisasi dan liberalisasi. Seperti yang kita sedia maklum, Perdana Menteri kita Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah pemimpin yang paling lantang bersuara supaya semua pihak meneliti dan melihat secara halus dasar globalisasi dan liberalisasi. Beliau awal-awal lagi sudah nampak dengan jelas akan kesan buruk dasar yang diperkenalkan oleh negara Barat itu yang dilihat mempunyai agenda sulit iaitu untuk menguasai dan menjajah negara-negara lain melalui kawalan ekonomi.

Dalam hal ini adalah ditegaskan bahawa kita perlu memperkasa kekuatan dalaman kita sendiri dalam menghadapi iklim ekonomi yang semakin mencabar, berikutan pelbagai usaha negara-negara kuasa ekonomi dunia yang begitu rakus untuk menguasai ekonomi negara-negara lain. Dengan kekuatan dalaman sahajalah maka kita dapat memastikan ekonomi kita berdaya tahan dengan segala krisis yang melanda termasuk percubaan Barat untuk menguasai ekonomi kita.

Sejarah telah membuktikan bahawa negara-negara yang tidak mempunyai kekuatan dalamannya sendiri dengan mudah dikuasai oleh negara lain dalam erti kata dijajah secara tidak langsung. Peranan penjajah itu juga dimainkan oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa atau IMF yang menjerat negara peminjam supaya mengikut telunjuknya. Contohnya Filipina, Korea Selatan, Indonesia, Mexico dan beberapa negara lagi yang terpaksa mengikut telunjuk IMF dalam menjalankan dasar ekonomi negara mereka selepas meminjam dari IMF ketika krisis mata wang melanda.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan tidak?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak beri cakap tidak beri, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya amat tertarik dengan saranan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam ucapan Tuanku semalam supaya negara kita tidak perlu terlalu bergantung kepada perkembangan luar untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Saranan itu merupakan satu lontaran cabaran daripada Tuanku kepada kerajaan dan juga kepada kita semua untuk sama-sama bertindak ke arah memastikan ekonomi negara terus mantap. Kita tidak seharusnya merasakan segala usaha memantapkan ekonomi yang sedang dilaksanakan cukup setakat itu sahaja. Dalam teori ekonomi tidak ada istilah 'noktah terakhir', maknanya di sini perkembangan ekonomi tidak ada hadnya dan jika kita berusaha meneruskannya, mengembangkannya tanpa had.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam dan saya mengucapkan tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat sebagai ketua pembangkang

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, tidak apa.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Ketua *Backbencher*... [Ketawa] Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa ekonomi telah pulih. Saya hendak *quote* akhbar daripada akhbar media perdana kepunyaan kerajaan *Utusan Malaysia* bertarikh 28 Januari bertajuk besar "*Jumlah Muflis Semakin Meningkat*" yang menunjukkan bahawa muflis telah meningkat sehingga 12,000 setahun dan jumlah muflis yang berada di dalam negara kita sekarang lebih daripada 104,000 dan juga surat khabar *Business Times* bertarikh 10. Januari bertajuk "*Money that was once there in the capital market has vanished. The answer is not taking this fault on consumer economy.*"

Ini akhbar-akhbar media perdana sendiri menyatakan bahawa ekonomi tidak pulih, macam mana Yang Berhormat mengatakan ekonomi pulih. Jadi saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Itu sahaja? Ini yang menjadi masalah Yang Berhormat. Kita bercakap tentang perkara yang makro, kalau bercakap tentang segi yang muflis, saya hendak bertanya berapa ramai orang yang muflis di Indonesia, berapa ramai orang muflis di Thailand, berapa banyak syarikat dalam bursa saham yang tertekan yang menghadapi kecairan kewangan. Kalau itu menjadi *benchmark*. Kita bercakap dari segi apa *benchmark* yang menentukan ekonomi dan kedudukan negara mempunyai daya tahan. Pertama dari segi imbalan bayaran luar, berapa jumlah tanggungan import yang patut kita jelaskan.

Yang kedua dari segi *percapita income*, kita punya produktiviti, kita punya *growth*, yang itu menjadi asas kepentingan utama. Tetapi Yang Berhormat hendak main politik mengambil perkara yang kecil-kecil macam tadilah. Kita kata NAM berjaya 116, dia kata tidak, tidak berjaya sebabnya 60 orang sahaja ketua negara yang ada, itu sebagai satu *benchmark*. Kalau itu sebagai satu *benchmark* sampai bila pun kita akan berada dalam ruang lingkup kesempitan pemikiran.

Ini yang saya maksudkan supaya terbuka minda kita, ini bukan gelanggang politik Yang Berhormat, ini gelanggang untuk membina bangsa, agama dan negara. Kita gunakan kesempatan ini untuk kita membina dan memperkasakan kekuatan dalaman kita. Jangan kita lihat benda yang kecil, dengan izin, *we have to have a big picture*. Kalau kita masih lagi *deliberate* tentang *small picture* ini payah kita nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading, sila.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ketua saya yang baru, ketua *backbencher* Yang Berhormat bagi Shah Alam. Dua tiga tahun ini pembangkang *knock-out*, K.O., kerana manusia seperti Dato Seri Dr. Mahathir ini

hebat! Dia dikagumi oleh seluruh dunia dan Dato Seri Dr. Mahathir ini pemimpin UMNO, pemimpin kerajaan, kegemilangan ini menyedarkan rakyat bahawa tidak ada pilihan lain. Saya ulang sekali lagi Yang Berhormat Shah Alam, tidak ada pilihan lain, Barisan Nasional akan menjadi pilihan rakyat kerana terbukti pemimpinnya membawa kebaikan-kebaikan. Persidangan NAM umpamanya, persidangan NAM..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: 100% hadir di Kuala Lumpur dan pencapaian Kuala Lumpur sebagai tuan rumah NAM yang ke-13 ini menakjubkan dunia... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat? Persoalannya Yang Berhormat, cukuplah mukadimah.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, kalau hal muflis berniaga goreng pisang tidak payah hutang pun boleh muflis. Tapi inilah pembangkang cuba mencari perkara-perkara yang remeh-temeh, modal besar tidak ada, modal besar yang hendak menggoncang hati rakyat tidak ada, carilah yang alahai...carilah bawah seluar, bawah kain astaghfirullah [Ketawa]. Saya mengucapkan tahniah di atas ucapan Dato'.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sejak krisis kewangan serantau melanda negara, Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur atau BSKL mengalami kejatuhan dan sehingga kini masih belum mencapai angka yang meyakinkan pasaran. Sebelum krisis mata wang, indeks BSKL berada pada paras memberangsangkan iaitu sekitar 1,000 mata pada awal tahun 1997. Namun ia mencatat kejatuhan paling buruk dalam sejarah BSKL iaitu 262 mata pada bulan September 1998. Sementara nilai mata wang kita pula yang asalnya berada pada paras RM2.50 sen bagi USD1 meningkat sehingga menghampiri RM4.00 bagi USD1 sehinggalah kerajaan memutuskan untuk mengikat nilainya kepada RM3.80 sen seperti nilai sekarang.

Begitu juga dengan kadar pinjaman tidak dibayar atau NPL, dengan izin, *Non Performing Loans* yang hanya sekitar 4.7% telah meningkat sehingga 13.2% pada hujung tahun 1997. 46 pada masa itu, Tuan Yang di-Pertua, institusi perbankan pula mencatatkan kerugian berjumlah RM2.3 juta.. Dengan situasi ekonomi yang seburuk itu maka kerajaan telah bertindak bijak dengan penubuhan pelbagai badan khusus bagi mengawal keadaan daripada menjadi lebih buruk. Antaranya Danamodal, Danaharta, Majlis Tindakan Ekonomi Negara atau MTEN, Pelan Pemulihan Ekonomi Negara dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat. Yang terbaru pula kerajaan menubuhkan sebuah syarikat pemegang pelaburan iaitu Valuecap Sendirian Berhad yang mula beroperasi pada 10 Januari lalu dengan dana sebanyak RM10 bilion telah berjaya merangsang pasaran saham tempatan.

Valuecap yang dimiliki bersama oleh Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad dan Kumpulan Wang Amanah Pencen ditubuhkan dengan tujuan khusus sebagai jentera rangsangan pasaran saham tempatan yang amat lemah ketika ini. Selain itu, ia mengambil peluang memasuki pasaran menerusi kaunter berkualiti pada harga pasaran semasa yang rendah serta kaunter yang mempunyai kepentingan kerajaan. Sememangnya langkah yang diambil oleh kerajaan melalui Valuecap ternyata berhasil apabila pasaran tempatan seolah-olah mendapat nafas baru dengan indeks komposit melonjak lebih 40 mata ke paras lebih 670 mata selepas beberapa minggu Valuecap beroperasi. Malah jumlah dagangan juga mencatatkan peningkatan dari sekitar 100 juta saham kepada lebih 400 juta saham sehari.

Pasaran saham tempatan juga mencatat lonjakan selama lapan hari berturut-turut sejak kehadiran Valuecap pada 10 Januari lalu. Selepas enam hari beroperasi menyaksikan kekayaan negara menerusi permodalan di BSKL meningkat sebanyak RM30 bilion. Ia meningkat dari RM461 bilion pada 9 Januari kepada RM491 bilion pada 16 Januari dalam tempoh hanya beberapa hari sahaja.

Secara umumnya kita melihat kehadiran Valuecap di BSKL adalah sejajar dengan saranan kerajaan untuk menggalakkan kecekapan lebih meluas dalam bursa saham tempatan dengan mewujudkan kumpulan pelabur institusi yang lebih besar. Penyertaan Valuecap juga dapat menyuntik dana institusi tambahan ke dalam pasaran, seterusnya meningkatkan kecairan pasaran. Dengan saiz dana yang besar, Valuecap

bukan sahaja bersedia memainkan peranan aktif dalam bursa saham tempatan malah ia mampu menambah kecergasan minat dan juga kegiatan pasaran.

Malah kehadiran Valuecap dianggap oleh kebanyakan pelabur sebagai memberi nafas baru kepada pasaran saham tempatan. Kemasukan Valuecap juga telah menarik minat pelabur terutama pelabur runcit yang sebelum ini berada di luar pasaran. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa dana yang disuntik oleh Valuecap berjumlah RM10 bilion itu hanya sebahagian kecil daripada nilai permodalan pasaran tempatan yang berjumlah hampir RM400 bilion.

Dato' Mohd Sarit bin Haji Yusoh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Temerloh berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sementara prestasi indeks komposit pula masih lagi bergantung kepada penyertaan dana asing. Terdapat dua persepsi dan reaksi yang berbeza apabila Valuecap menyertai pasaran saham tempatan. Pertama, pelabur jangka pendek mengalu-alukan langkah itu kerana ia membuka peluang untuk membuat keuntungan jangka pendek.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Temerloh berdiri lagi, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Manakala pelabur jangka panjang kembali melihatnya sebagai lantunan sementara sekiranya tiada peningkatan dari segi fundamental ekonomi dan perolehan syarikat. Walau apa pun yang jelas Valuecap telah berupaya menyuntik kecairan ke dalam pasaran tempatan dan merencanakan semula aktiviti pasaran yang sebelum ini dikatakan sunyi sepi. Syabas kerajaan dan Valuecap!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Temerloh.

Dato' Mohd Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Shah Alam, ucapan yang begitu bernas, ucapan sulung sebagai Ketua *Backbencher* [Tepuk] Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, peranan ataupun penubuhan Valuecap ini begitu *timely*, ertinya tepat pada ketikanya.

Saya ingin mendapat penjelasan ataupun pandangan Yang Berhormat, pasaran modal yang terlalu dikawal tidak akan membantu pertumbuhan sesebuah pasaran modal itu. Saya difahamkan di Singapura *element of speculation* ini dibenarkan sekarang, ada kelonggaran di pasaran saham Singapura sekarang dengan syarat angka-angka ataupun unjuran yang dikemukakan oleh sesebuah syarikat untuk mendapat *listing status* mesti tepat dan benar. Saya nampak pasaran saham kita ini terlalu dikawal. Adakah Yang Berhormat berpandangan perlu agaknya kerajaan melonggarkan sedikit, membenarkan sedikit *element of speculation* ini di pasaran saham kita supaya kita dapat memastikan pertumbuhan yang lebih segar di pasaran saham kita.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat bagi Temerloh lebih pandai dan bijak daripada saya mengenai perkara-perkara yang berhubung kait tentang perniagaan kerana dia memasuki korporat lebih awal daripada saya. Saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Temerloh tentang jikalau pasaran saham itu hendak berdaya maju ia mesti ada *dynamism*. Bila ada *dynamism*, kalau ada sekatan dan kawalan ia akan terikat tetapi sebagai industri yang kadangkala tidak menentu, kita perlu ada kawal selia daripada segi perniagaan ini. Justeru kerana itu pihak Suruhanjaya Sekuriti yang menjadi *overseer* ataupun yang menjadi kawal selia kepada pasaran yang mana ia tentu ada kriteria dan *benchmark* untuk menentukan setiap peraturan yang dapat dilakukan.

Seperkara lagi yang saya ingin sebutkan di sini bahawa untuk kita mengumpulkan kekayaan ini yang dinamakan *market capitalization*. *Market capitalization* ini akan menjadi satu perkara yang penting kerana ia akan mengukur

benchmark sama ada negara kita ini berdaya maju atau berdaya tahan, bukan macam Kemaman dok fikir mengambil nama orang yang muflis itu sebagai satu *benchmark*.

Justeru kerana itu kita beritahu langkah-langkah dan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan supaya dia punya *dynamism*, dia punya dinamik dalam *market* itu dapat diunjurkan. Tadi kita menyebut Valuecap ada RM100 bilion ia punya *capital, the whole market capitalization* saya sebut RM400 bilion tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan dia kata lebih kurang RM500 bilion.

Jadi ia tidak boleh *corner* mana-mana punya *market*. Itu sebabnya garis panduan, dia kata maksimum 5% sahaja dalam setiap kaunter dan ia *across the board*. Lagipun kita mesti faham bahawa Valuecap ini *owner* dia, PNB, Kumpulan Amanah Pencen, dia menjaga kepentingan awam, dia tak boleh ada *contradictory stake*. Jadi kalau tuduhan ini nak selamatkan *crony*, ini yang payah Yang Berhormat, dia tak ada....

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ha, ini lagi pandai, cuba dulu [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan Datok ya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, silakan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ini jiran baru saya, kebanyakan jiran saya semua dah pergi ke sebelah sana,

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya saja yang belum lagi... [Ketawa]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya sahaja yang tertinggal [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalan Yang Berhormat. Tengoklah kalau ada rezeki, bila-bila. Sabar sahajalah. Teruskan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...Saya prihatin [Ketawa]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, ada pandangan yang selalu negatif terhadap usaha-usaha kerajaan terutamanya untuk memulihkan situasi pasaran khususnya apabila perwujudan Valuecap ini diumumkan bagi menyuntik sedikit modal bagi memperlihatkan kecairan di dalam pasaran saham di negara kita. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebanyakan kaunter termasuk kaunter *blue chip* yang ada tersenarai di Bursa Saham kita sebenarnya *undervalue*, dengan izin ataupun di bawah harga par, sedangkan pulangan melebihi daripada unjuran yang sepatutnya dibuat pada tahun sebelum belanjawan sesebuah syarikat itu.

Dan keduanya, adakah Yang Berhormat juga sedar bahawa pegangan ekuiti kurang daripada lima peratus dalam satu-satu syarikat adalah merupakan satu instrumen untuk mengawal Valuecap ini daripada mencampuri yang pertama, soal pengurusan, yang kedua soal membuat keputusan dalam sesuatu syarikat; yang ketiga bagi mengelakkan jika sesuatu kaunter itu berada dalam situasi yang membimbangkan maka Valuecap akan terselamat. Apa pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tapi secara konsepnya, kita kena lihat bahawa apa yang disebut oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bagan Datok bahawa banyak kaunter *blue chip* yang *undervalued* tetapi bila ia menghadapi tekanan dari segi pasaran, kalau apa pun yang hendak berlaku di New York Stock Exchange ataupun di pasaran yang lain, dia ada kesannya dan sebelum hendak perang, *market* sudah *down*. Maknanya *buyer* dia *start* dengan izin *heading future market*. Sebenarnya apa yang berlaku dalam pasaran saham ini *future market*. Apa pun yang hendak berlaku di depan mereka *heading*. Jadi sampai bila pun keadaan menjadi tertekan tetapi saya fikir bahawa pihak PNB dan juga pihak KWAP dia ada tanggungjawab sebagai pemegangnya. Nanti kalau tidak bagi dividen yang tinggi, tidak bagi *returns*, jadi masalah pula.

Jadi macam mana dia hendak *protect interests* dia kalau dia ada dia punya *market*, dia boleh mainkan peranan untuk *prop market* ini kerana *market* ini ada *value* dan akhirnya dia akan *protect*. Itu satu perkara yang lumrah tetapi yang penting sebagaimana yang Bagan Datok sebut bahawa 5% itu dia tak boleh hendak menentukan segala keputusan yang berhubung kait dengan Lembaga Pengarah dan

perjalanan serta operasi syarikat itu. Jadi dia tidak ada kepentingan secara terus-menerus tetapi dari segi untuk menentukan kalau syarikat itu boleh bagi dividen dalam hujung tahun, yang itu dia boleh dapat dia punya ulangan.

Jadi saya rasa bahawa soal Valuecap ini adalah satu langkah yang bijaksana yang dibuat oleh kerajaan dan saya dan rakan-rakan mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam menguruskan Valuecap. Tidak ada orang politik yang terlibat Yang Berhormat, ini semua *professional people* yang terlibat dalam menguruskan Valuecap ini untuk menyelamatkan dan menentukan bahawa pasaran BSKL kita ini...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman berdiri Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Satu lagi yang berlaku yang perlu diingatkan bahawa pihak-pihak tertentu....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman berdiri Yang Berhormat, hendak bagi? Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...Khususnya yang tak memahami dasar dan tindakan kerajaan. Yang ini Yang Berhormat bagi Kemaman dengar sikit ya. Dalam menangani isu ekonomi, seharusnya berdiam diri dan tidak menunjuk pandai dengan hanya tahu membuat tohmahan dan dakwaan yang tidak berasas khususnya yang berkaitan dengan penubuhan Valuecap. Hakikatnya penubuhan Valuecap tidak dapat lari daripada kritikan sehingga ada yang memberi gambaran negatif.

Sebenarnya dakwaan kononnya penubuhan Valuecap tidak telus, tidak beretika dan beroperasi dengan melanggar undang-undang adalah bayangan kekecewaan pengurus dana asing. Kita juga melihatnya sebagai satu pengakuan daripada mereka bahawa Valuecap sememangnya amat berkesan membendung penyangak pasaran saham yang mengamalkan strategi keluar dan masuk ke pasaran secara mengejut. Dengan dasar perlindungan yang dilaksanakan oleh kerajaan, penyangak berkenaan terpaksa membayar harga yang lebih tinggi bagi saham mewah yang ingin dimiliki.

Dengan kata lain penyangak pasaran saham kini sudah tewas dalam permainan yang mereka cipta sendiri dengan kehadiran Valuecap. Justeru itu tidak hairanlah Valuecap dikritik hebat. Kenaikan dagangan di BSKL juga bukanlah bersifat rekaan semata-mata melalui kemasukan Valuecap. Ini kerana kemasukan Valuecap dan membeli beberapa kaunter saham telah memberi kesan di mana ramai pelabur memasuki pasaran dan turut membeli sekali gus memberi kesan yang baik kepada pasaran saham. Serentak dengan kemasukan Valuecap ke BSKL kita mengharapakan pelabur tempatan mengubah sikap mereka dengan tidak lagi mengamalkan budaya pak turut khususnya menjadikan pelabur asing sebagai bahan rujukan dalam membuat sebarang keputusan membabitkan soal belian dan jualan saham di pasaran. Keadaan itu menyebabkan pasaran saham menerima kesan negatif kerana pada masa yang sama, pelabur asing sering bertindak mengikut faktor-faktor luaran yang tiada kaitan dengan ekonomi negara ini contohnya pelabur asing keluar dari pasaran disebabkan faktor keseimbangan berlakunya peperangan di Iraq.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK bagi tahun 2002 yang dilaporkan adalah sebanyak 4.2% berbanding 10.4% pada tahun 2001. Pencapaian itu juga menepati sasaran pertumbuhan antara 4% hingga 5% yang diunjurkan dalam Bajet 2003. Pertumbuhan pada suku pertama, kedua dan ketiga bagi tahun 2002 masing-masing pada kadar 1.3%, 4.1% dan 5.8%. Ini berbanding dengan pencapaian tahun 2001 di mana suku pertama, kedua, ketiga dan keempat masing-masing mencatat pertumbuhan 3%, 4%, -0.9% dan -0.5%. Ia jelas menunjukkan strategi kerajaan menjana pertumbuhan ekonomi melalui Pakej Rangsangan terbukti berjaya dan ianya memperlihatkan daya tahan ekonomi Malaysia meminimumkan kesan luaran. Pencapaian itu juga membanggakan kerana banyak negara lain masih melalui masa-masa yang sukar dalam usaha menstabilkan ekonomi mereka.

Bagaimanapun pencapaian itu tidak seharusnya melekakan kita semua kerana masih terdapat banyak kelemahan yang boleh diperbaiki dalam sistem ekonomi kita.

Pasaran modal di Malaysia pula kini dilaporkan mendahului pasaran lain di kalangan negara-negara ASEAN. Ia lebih besar daripada gabungan permodalan Thailand, Indonesia dan Filipina. Permodalan pasaran saham Malaysia hari ini berjumlah RM481.6 bilion berbanding hanya sebanyak RM245.8 bilion pada akhir tahun 1992. Bilangan syarikat yang tersenarai di Malaysia juga adalah yang terbesar di ASEAN mengatasi bilangan gabungan di Singapura dan Thailand. Jumlah syarikat tersenarai di negara ini adalah 868 buah berbanding 369 buah pada hujung tahun 1992. Manakala pasaran bon pula sejumlah RM199.2 bilion telah dijana di pasaran Bon Malaysia antara 1993-2002. Berbanding hanya RM13.8 bilion yang dijana dalam tempoh sepuluh tahun sebelum penubuhan.

Suruhanjaya Sekuriti, Pasaran Modal Malaysia telah muncul sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi dengan nisbah dana yang dijana kepada KDNK sebanyak 17% pada akhir 2002 berbanding 12% pada 1992. Kekuatan pasaran yang terhasil itu sebenarnya dibina di atas kerjasama erat antara pengawal selia pasaran modal dengan industri. Selain itu wawasan dan galakan kerajaan telah membantu negara melalui krisis ekonomi yang rumit.

Kita turut merasa bangga apabila Pelabuhan Tanjung Pelepas atau PTP di Johor tersenarai di tempat ke-21 oleh Senarai Lloyd bagi pelabuhan kontena utama dunia bagi tahun 2002. PTP sebelum itu menduduki senarai ke-26 pada tahun 2001. PTP juga disifatkan sebagai pelabuhan paling pesat berkembang dari segi pengendalian kontena iaitu daripada 418,218 TEU atau *twenty equivalent units* ataupun unit bersamaan 20 kaki kontena pada tahun 2000 kepada 2.05 juta TEU pada tahun 2001. PTP kini mengendalikan kira-kira 2.6 juta TEU. PTP disifatkan satu daripada antara sebilangan kecil pelabuhan yang meningkat dengan drastik dalam tempoh yang singkat. Dalam tempoh hanya tiga tahun sejak ia dibuka, PTP kini berada hampir di dalam senarai 20 pelabuhan terbaik di dunia...

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan Datok ya, sila

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dilontarkan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam tadi memperlihatkan bahawa usaha oleh Kerajaan Malaysia khususnya Kementerian Pengangkutan adalah satu usaha yang cukup baik hingga merisaukan negara jiran. Pelabuhan Singapura umpamanya menerima kurang jumlah TEU dari pelabuhan mereka. Ini menyebabkan mereka mengambil beberapa langkah drastik umpamanya menambak pelabuhan untuk menohorkan laluan kapal ke PTP.

Yang keduanya tidak bersetuju dengan pembinaan jambatan atau Tambak Johor yang kedua sebagaimana yang telah dipersetujui awal oleh bekas Perdana Menteri Singapura yang kini menjadi Menteri Kanan sekarang ini. Adakah Yang Berhormat bagi Shah Alam bersetuju bahawa konsep *prosper thy neighbour* ertinya memakmurkan jiran adalah sesuatu yang harus diterima oleh negara-negara jiran kita. Kita menghormati apa yang dibuat oleh Singapura tetapi mereka harus menghormati juga apa yang kita buat. Kejayaan PTP adalah merupakan kejayaan jiran yang mereka harus faham bahawa barangan yang dibawa ke Singapura adalah barangan daripada kita dan hak kita, Malaysia untuk mewujudkan PTP kita sendiri bagi mempertingkatkan TEU dan PTP telah menduduki senarai yang terbaik mengikut lonjakan yang dibuat oleh Lloyd.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa falsafah *prospering your neighbour* ini mesti menjadi satu perkara yang kita pegang dalam hubungan dua hala antara Singapura dengan Malaysia dan saya harap supaya kemajuan PTP ini yang amat memberangsangkan ini jangan dilihat oleh Singapura sebagai satu ancaman kerana ini adalah sebagai satu perkara yang harus kita ambil sebagai satu ingatan. Saya yakin dan percaya bahawa PTP mampu mengembalikan kegemilangan sejarah Pelabuhan Melaka satu ketika dahulu iaitu sebelum Melaka jatuh ke tangan kuasa asing pada kurun ke-14. Ini kerana pelabuhan itu berada di lokasi strategik di Barat Daya Johor dengan masa lencongan minimum daripada pertemuan laluan perkapalan antarabangsa utama serta mempunyai perairan yang dalam, teluk yang terlindung dan laluan masuk yang amat besar. Ini yang tadi disebut oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datok, ada usaha-usaha hendak mencetekkan ini. Jadi kita harap supaya perkara ini,

jiran kita di Singapura mengambil ini sebagai satu perkara yang boleh kita bekerjasama untuk mencapai pencapaian matlamat bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bersyukur dan cukup kagum dengan pemulihan prestasi Sistem Penerbangan Malaysia atau MAS yang kembali mencatat keuntungan sebelum cukai iaitu sebanyak RM333.6 juta bagi suku ketiga berakhir pada Disember 2002. Ia sekali gus membuktikan bahawa pelan pemulihan yang diusahakan oleh kerajaan untuk menyelamatkan syarikat penerbangan yang membawa bendera negara ke serata dunia kini berhasil. Syarikat penerbangan nasional itu juga dilaporkan dapat mengatasi masalah hutang sebanyak RM9.2 bilion yang terkumpul ketika di bawah pengurusan lama.

Ternyata perancangan dan kegigihan semua pihak yang menjayakan langkah pemulihan MAS khususnya melalui skim *Widespread Asset Unbundling* (WAU) tidak sia-sia. Skim WAU yang menyaksikan penjualan dan sewa semula kapal terbang telah selesai pada bulan November lalu dan dilaporkan MAS akan memperoleh keuntungan luar biasa sebanyak RM450 juta, sekali gus bakal menyaksikan MAS menjadi sebuah syarikat bebas hutang. Buat pertama kali sejak 1998 kedudukan terkumpul sebelum cukai sehingga 31 Disember 2002 menyaksikan keuntungan sebanyak RM260 juta berbanding kedudukan terkumpul tahun lalu sehingga....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...31 Disember 2001 yang mencatat kerugian sebanyak RM882.3 juta. Husam, sorry, Kubang Kerian. [*Ketawa*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Zin, *sorry* Shah Alam. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tak perlu sebut nama, nama kawasan sahaja.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini adalah *misleading* sekali lagi. MAS, mana-mana syarikat penerbangan dan apa-apa syarikat sekalipun boleh dikatakan bebas daripada hutang apabila semua hutang itu diambil alih oleh kerajaan melalui syarikat penerbangan kebangsaan yang dianggotai oleh Kumpulan Wang Amanah Pencen, duit rakyat sekali lagi, sama sekali tak hairan.

Sama dengan kereta tadi, bukan masalah kita besarkan kereta itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan.

Tuan Husam bin Haji Musa: ...tetapi soalan saya ialah jika dikatakan bahawa kereta ini diberi percuma oleh syarikat, ini tidak betul. Mereka beri percuma kerana mereka mendapat pengecualian cukai dan mereka jual dengan harga yang besar, untung besar, RM500,000 untuk satu kereta dengan pengecualian cukai bagi 62 buah kereta dan syarikat tersebut memperoleh untung begitu lumayan. Ini bukan *free*, ini *misleading* kalau kata *free*. Itu yang saya hendak bangkitkan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya sebut sekali lagi dan saya ingat Yang Berhormat kalau tak setuju boleh bangkit dan ajar kepada saya. Apa yang kita maksudkan dengan *Widespread Asset Unbundling* ini, kalau kita tahu bahawa MAS ada kapal terbang, ia ada aset, dengan izin, *at the same time* ia *provides the services* daripada segi domestik dan juga internasional. Jadi, aset ini kalau dahulu diberi dengan harga yang tertentu tetapi oleh kerana beban hutang ini yang terkumpul, jadi kita *spread* kan aset yang ada dalam syarikat itu kepada satu entiti dan servis kepada satu entiti yang lain dan aset ini sebenarnya kita boleh *unbundle* kannya, dan kalau kita jadikan entiti ini sebagai entitinya yang baru dalam kumpulan yang sama, ia juga boleh dimasukkan dalam pasaran saham. Cuma syarikat yang berhubung kait dengan *services* ini ia akan lebih menumpukan kepada servis. Ini yang berlaku dalam apa yang dilakukan dalam korporat *restructure* yang kita lakukan di masa ini.

Ini satu pendekatan yang bukan hanya dibuat di Malaysia, tetapi yang sudah dilakukan di negara kita, cuma kita sahaja yang terlambat. Jadi, bila kita lakukan benda ini, kalau ada yang dalam proses untuk *volunteer separation scheme* (VSS), ada pegawai-pegawai yang tidak puas hati, ada *restructure* yang tidak mengerti bila dia rasa kedudukan dia itu, dia beri maklumat yang tidak tepat dan salah kepada Yang Berhormat. Ini berasaskan kepada kekecewaan yang berlaku. Itu yang sebenarnya

yang berlaku tetapi kalau kita lihat daripada segi matlamat yang utama, ini dia supaya kita dapat maksimum dan *capitalise* kan apa aset yang kita ada.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tadi Shah Alam kata kita sudah tengok dalam gambaran yang lebih besar. Gambaran yang lebih besar ialah bahawa RM9 bilion wang rakyat telah dihanguskan oleh mengambil alih hutang daripada MAS. Ini gambaran yang lebih besar, mengapakah ini tidak disebut. Hanya disebut bahawa MAS telah *free* daripada *loan*, *yes of course*, pasal kerajaan sudah ambil *loan* itu. Jadi, perspektif yang sebenar mesti digambarkan. Jadi, apa yang berlaku dengan penyiasatan terhadap MAS yang Perdana Menteri sendiri - sekarang bercuti, dan insya-Allah, betul-betul letak jawatanlah supaya ahli-ahli *backbenchers* lain yang berharap hendak menjadi menteri di bawah Timbalan Perdana Menteri akan datang betul-betul jadi menteri.... [Ketawa]

Saya tak habis lagi soalan saya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Menyampuk]

Tuan Husam bin Haji Musa: Soalan, soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya lah, soalan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sedang bercuti berkata bahawa MAS telah disiasat...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, dia sedang kemukakan soalan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sudah tiga tahun siasatan berjalan, tak ada apa berlaku. Jadi, Perdana Menteri sendiri sebut bahawa penyelewengan telah berlaku dalam MAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat yang membenarkan beliau meminta penjelasan. Yang Berhormat, soalan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya masih bertanya, saya bukan bersyarah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan berucap.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak berucap. Pertanyaan saya ialah adakah Shah Alam sebagai *backbenchers* mengambil inisiatif untuk memastikan penyiasatan ini sampai ke penghujungnya dan pendakwaan dilakukan. Jangan datang di sini hanya hendak puji kerajaan sahaja, ini semua orang boleh buat, tak payah *backbenchers* puji pun tidak apa. Ketua *backbenchers* peranannya ialah untuk memastikan perjalanan kerajaan... [Menyampuk] Jadi, saya hendak tanya dia apa yang dia telah buat sebagai Ketua *backbenchers*.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasihlah Kubang Kerian mengajar saya macam mana hendak berfungsi sebagai pengerusi BBC. Saya ambil dia sebagai satu ingatan. Hendak jawab soalan spesifik, saya belum jadi kerajaan lagi. Kita tunggulah jawapan daripada pihak kerajaan tetapi apa yang saya hendak terangkan saya minta Yang Berhormat beri sedikit peluang, buka minda sedikit, tengok kepada benda yang besar, *the big picture*. Jangan kita terperangkap dalam pemikiran yang Datuk Zahid kata 'yang jumud'. Saya tidak hendak pakai kata-kata dia tetapi yang inilah saya minta... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, ingin saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa dalam kesibukan kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara dengan menumpukan kepada pemulihan kepada prestasi pasaran saham, pemulihan syarikat-syarikat gergasi dan korporat serta pengukuhan institusi perbankan, kita sebenarnya terlupa terhadap agenda ekonomi bumiputera. Kita seolah-olah terlupa untuk bertanya berapa banyakkah syarikat milik bumiputera yang terpaksa ditutup ekoran krisis ekonomi yang melanda negara. Kita terlupa bertanya berapa banyakkah nilai ekuiti bumiputera dalam sistem ekonomi negara yang telah susut sejak krisis ekonomi.

Mengikut satu laporan dalam buku bertajuk Dasar Ekonomi Baru - Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu yang ditulis oleh Dr. Jas Falen, Jack Parkinson dan Dr. Rais Saniman, pada tahun 1990 sehingga 1999 nilai ekuiti korporat ialah 12.4% iaitu 1/3 lebih rendah berbanding dengan dekat pertama. Ini

adalah disebabkan oleh harga ekuiti yang jatuh akibat krisis ekonomi 1997. Pemegang harta bumiputera pula telah menurun 2.3 berbanding dengan apa yang dicapai semasa Dasar Ekonomi Baru (DEB). Hasilnya modal ekuiti bumiputera yang mula berkembang pada 1990an dengan kadar 12.3% berbanding dengan bukan bumiputera iaitu sebanyak 10.6%. Namun, kurang daripada pemegang harta asing iaitu sebanyak 15.4%. Data juga menunjukkan pegangan ekuiti bumiputera pada tahun 1999 hanya 19.1%, jauh tersasar daripada angka yang ditetapkan dalam matlamat DEB iaitu 30%.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Penguasaan Ekuiti Bumiputera Dalam Pembahagian Kek Ekonomi Negara - buku ini juga menyebut bahawa secara keseluruhannya Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menunjukkan penurunan tidak lebih 7.5% pada tahun 1998 diikuti dengan pemulihan dengan kadar 5%...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...dan kurang pada tahun 1999 dan 2000.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat bangun.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Persoalannya apakah matlamat 30% pencapaian ekonomi bumiputera yang diletakkan semula dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (OPP3) menjelang 2010 akan tercapai, sedangkan dalam tempoh 1970 hingga 2000 perangkaan menunjukkan kaum bumiputera telah mendapat perolehan ekuiti korporat kurang daripada apa yang telah diperolehi oleh bangsa lain dan warga asing.

Saya merasakan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mendapatkan maklumat yang lebih jelas mengenai ketidakseimbangan ekonomi di antara bumiputera dan bukan bumiputera, eloklah Ahli-ahli Yang Berhormat melapangkan masa untuk membaca buku ini.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya kira buku ini sarat dengan maklumat tentang kedudukan sebenar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:...ekonomi bumiputera sejak merdeka sehinggalah sekarang. Saya berpendapat bahawa inilah masa dan ketikanya bagi kerajaan untuk meletakkan keutamaan yang khusus terhadap agenda ekonomi bumiputera. Selepas tumpuan sebelum ini lebih terarah kepada agenda pemulihan terhadap sektor korporat dan perbankan. Jika kerajaan tidak bertindak dari sekarang, saya khuatir jurang ekonomi antara kaum di negara ini akan menjadi semakin melebar.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kedudukan ketidakseimbangan itu saya kira boleh menggugat kestabilan dan perpaduan yang ada pada hari ini. Kita tentunya tidak lagi sanggup untuk sekali lagi berhadapan dengan situasi seperti pada 13 Mei 1969.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kita harus ingat bahawa peristiwa hitam dalam sejarah negara itu adalah berpunca daripada ketidakseimbangan ekonomi kaum.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai kenaikan harga petrol baru-baru ini. Kita harus menerima hakikat bahawa kerajaan tidak lagi mampu menanggung...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak berikah laluan. Ada empat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak. Saya minta hendak teruskan ucapan ini kerana saya ada, sampai pagi ini tidak habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Nanti dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sila duduk. Nanti sampai pagi tidak habis, Yang Berhormat. Adalah berpunca daripada ketidakseimbangan ekonomi kaum.

Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai kenaikan harga petrol baru-baru ini. Kita harus menerima hakikat bahawa kerajaan tidak lagi mampu menanggung subsidi terhadap bahan itu yang mana penggunaannya di kalangan pengguna tempatan terus meningkat di negara ini. Dalam hal ini, kita harus bersikap realistik dan tidak hanya tahu menyalahkan kerajaan apabila berlakunya kenaikan harga petrol. Saya beranggapan bahawa kenaikan harga bahan itu bukan bermakna kerajaan tidak melaksanakan tanggungjawab sosialnya. Sebaliknya rakyat harus melihat kepada situasi ekonomi semasa. Saya kira kenaikan sebanyak 2 sen seliter bagi petrol dan diesel dan 2 sen bagi gas petrol cecair LPG adalah tidak membebankan berasaskan taraf hidup dan taraf pendapatan rakyat hari ini. Kita juga jangan merasa gawat dengan ramalan bahawa harga petrol harus meningkat berikutan ancaman peperangan antara Amerika dengan Iraq. Kenaikan itu tidak dapat dielakkan ekoran kekurangan bekalan minyak mentah di pasaran jika berlaku peperangan.

Kita patut sedar bahawa kerajaan selama ini menanggung subsidi RM1.6 bilion bagi mengawal kenaikan harga yang mendadak bahan itu. Sementara harga minyak mentah dunia naik daripada RM116.66 setong kepada RM131.86 setong. Kerajaan juga sebenarnya kehilangan hasil kutipan cukai daripada penjualan petrol jenis RON 97 sebanyak RM217.6 juta sebulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Shah Alam, inginkah beri laluan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah beri tadi tetapi dia bercakap, nanti saya minta dia duduk, Tuan Yang di-Pertua tidak bagi, jadi saya tidak beri laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay baik.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

RON 92 sebanyak RM27.5 juta dan diesel sebanyak RM124.2 juta. Pemberian subsidi kepada penjualan diesel pula ialah sebanyak RM136.6 juta dan gas petrol cecair LPG sebanyak RM99.4 juta. Statistik yang saya sebutkan tadi bukannya sedikit, malah kalau kerajaan dapat menyelamatkan wang itu, ia boleh digunakan untuk lain-lain keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan aliran wang dalam pusingan tempatan melalui perbelanjaan rakyat menjadi asas dan *synergy* bagi perkembangan ekonomi negara ini. Kerajaan sedar bahawa perbelanjaan oleh rakyat adalah satu-satunya senjata yang membolehkan ekonomi negara terus dirangsang. Jika rakyat takut berbelanja dan hanya mengambil sikap menyimpan wang, aliran mata wang akan menjadi lemah sekali gus menyebabkan pertumbuhan ekonomi negara lembap kerana tidak adanya rangsangan dari dalam untuk memberi *synergy* kepada perkembangan ekonomi negara.

Menyedari aspek perbelanjaan dalam negara itu penting bagi menjana ekonomi negara, kerajaan sebelum ini telah menyuntik RM7.3 bilion pada tahun 2001 bagi merangsang ekonomi negara melalui beberapa pakej rangsangan ekonomi yang diperkenalkan. Langkah itu dilihat amat tepat sekali dan tidak perlu dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Rancangan fiskal itu sememangnya berjaya menggerakkan dan

memacu ekonomi di atas landasan yang betul sehingga membolehkan kerajaan menjangkakan pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun ini adalah di antara 5% hingga 6% suatu jangkauan yang dikira memberangsangkan dalam suasana dan iklim ekonomi dunia dan negara-negara serantau yang masih tidak menentu.

Dalam pada itu, kita seharusnya mengambil serius atas saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini agar dunia diberi pilihan untuk menggunakan mata wang selain Dolar Amerika Syarikat. Kita sebenarnya mempunyai pilihan yang lebih adil terhadap mata wang seperti Euro, Yen Jepun dan juga dinar emas. Adalah amat memeritkan apabila sistem ekonomi dan kewangan kita terlalu bergantung kepada Dolar Amerika yang hakikatnya dominasi Dolar Amerika itu sejak sekian lama telah menjejaskan ekonomi dunia. Antara kesannya ialah seluruh dunia terdedah kepada manipulasi. Yang jelas, kebergantungan terhadap Dolar Amerika telah mewujudkan sistem ekonomi yang tidak adil dan saksama.

Nilai Dolar Amerika itu sendiri sebenarnya sudah jauh susut dan tidak ada apa lagi yang boleh menyokong mata wang itu, tetapi mengapa seluruh dunia masih menetapkan nilai yang tinggi terhadapnya? Pada masa yang sama, Amerika sebenarnya terus mencetak dolar tanpa terikat dengan rizab emas apabila memerlukannya. Hakikat bahawa Amerika terus mengalami defisit sejak 10 tahun lalu adalah bukti jelas bahawa kedudukan nilai dolar tidak lagi boleh dijadikan sandaran perdagangan dunia. Saya percaya satu hari nanti tidak mustahil Dolar Amerika akan menjadi seperti 'Duit Pokok Pisang' seperti di zaman pemerintahan Jepun di negara ini.

Penggunaan Dolar Amerika dilihat sebagai sesuatu yang boleh menjejaskan kestabilan ekonomi sejagat kerana ketika ini nilai mata wang utama dunia tidak lagi bersandarkan rizab emas negara berkenaan. Tindakan Amerika Syarikat dan beberapa sekutunya pada tahun 1971 telah menamatkan amalan Sistem Kewangan Dunia berasaskan model Bretton Woods yang menilai mata wang sesebuah negara berdasarkan rizab emas yang disimpannya.

Model itu sebenarnya baik jika semua negara mematuhi. Bagaimanapun, model itu gagal kerana Amerika dan beberapa negara lain mencetak wang lebih daripada rizab emas yang dimilikinya sehingga wujudnya sistem kewangan baru yang dinamakan 'Wang Fiat' iaitu wang yang tidak mempunyai nilai sandaran emas. Justeru kita berharap usaha agresif terus dijalankan untuk mempelopori penggunaan dinar emas bagi menyekat dominasi Dolar Amerika. Satu hal yang perlu kita sedar bahawa segala perancangan pelan ekonomi dan juga usaha keras kita meningkatkan perdagangan akan menjadi sia-sia dan tidak akan bertahan lama jika sekiranya dominasi Dolar Amerika tidak disekat mulai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, keupayaan Malaysia menghasilkan produk Islam sama ada perkhidmatan kewangan mahupun dalam bentuk produk yang lain tidak bercanggah dengan syarak, wajar dilihat sebagai satu pencapaian penting negara. Semua pihak perlu menerima hakikat ini kerana pencapaiannya digunakan oleh kita semua, tidak kira orang Islam ataupun bukan Islam, penyokong Kerajaan UMNO, pembangkang atau PAS. Pencapaian itu termasuklah keupayaan negara mengadakan perkhidmatan perbankan Islam, takaful dan pajak gadai Islam Skim Al-Rahnu serta produk halal dan produk lain untuk faedah masyarakat. Yang pasti, berkat usaha kita semua yang dimulakan sejak awal 1980-an membolehkan rakyat negara ini menikmati pelbagai kemudahan produk Islam.

Dalam membuat cadangan hendaknya janganlah Ibarat rumah siap pahat berbunyi. Yang penting semua pihak perlu menyumbang. Kita hanya jangan tahu menerima sahaja atau tahu pakai sahaja tetapi tidak mahu menyumbang. Yang penting, semua pihak perlu membuktikan kepada diri sendiri bahawa negara mampu menjadi pengeluar dan peneraju kepada penghasilan produk serta perkhidmatan Islam yang baru serta setanding dengan produk dunia. Hakikatnya keupayaan negara menghasilkan rangkaian produk Islam bukan sahaja akan menjadi tarikan kepada umat Islam terhadap tuntutan agama, malah boleh menjadi pilihan kepada bukan Islam jika terbukti ia memberi manfaat kepada mereka. Yang pasti perkembangan ini akan membawa segala usaha yang memberangsangkan untuk semua sektor khususnya perkhidmatan kewangan di Malaysia seperti sektor perbankan, takaful dan Skim Al-Rahnu.

Terbukti sudah dalam Sistem Perbankan Islam jumlah pembiayaan melalui sub-produk yang diperkenalkan telah mencecah RM33.164 bilion selaras dengan

jumlah aset yang kini mencapai angka RM64.16 bilion dan jumlah deposit sebanyak RM52.29 bilion. Yang menarik kini lebih 890,000 adalah pemegang Sijil Takaful Keluarga dengan jumlah yang diinsuranskan secara terkumpul RM57.87 bilion. Selain itu, melalui Skim Al-Rahnu pula, berupaya membantu 777,825 anggota masyarakat terutama terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana bagi keperluan modal perniagaan secara kecil-kecilan dan keperluan pendidikan anak-anak mereka dengan sejumlah pembiayaan bernilai RM707 juta.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bagan Datok, Bagan Datok.

Seorang Ahli: Sebelah sini tidak bagi!

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, ini satu penjelasan yang cukup baik oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam kerana projek Al-Rahnu ini sesuatu yang boleh membantu masyarakat Islam. Akan tetapi Terengganu ini sejak diambil alih oleh PAS, saya telah dimaklumkan bahawa Al-Rahnu pun banyak tetapi sistem pajak gadai cara konvensional bertambah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Oh!

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Jadi, apa yang mahu dimanifestasikan daripada keadaan di Terengganu itu?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tak apalah, kita bercakap tentang pajak gadai cara Islam Skim Al-Rahnu ini dia orang hendak buat skim konvensional di Terengganu, nanti kita bagi tahu statistik berapa banyak yang bertambah.

Dato' Mustafa bin Ali: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Dungun bangun.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang ini kena bagilah, *chief* jawab.

Dato' Mustafa bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Shah Alam berkait dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Bagan Datok yang sebenarnya tidak dijawab, sama ada tidak tahu, ataupun soalan itu sendiri, yang bertanya pun tidak tahu sebenarnya. Soalan saya

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini, ini, Yang Berhormat hendak bagi soalanlah ataupun hendak bagi ceramah kat saya ini?

Dato' Mustafa bin Ali: Soalanlah, saya hendak tanya Shah Alamlah ini.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bagi *specific field*lah.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kita kata Skim Al-Rahnu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:yang diamalkan

Dato' Mustafa bin Ali: Pertama saya suka.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Nanti kejap Yang Berhormat, tetapi tadi ada Yang Berhormat bagi Bagan Datok bagi tahu bahawa di Terengganu ada skim ini tetapi Kerajaan Negeri Terengganu luluskan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kerajaan Negeri Terengganu luluskan pajak gadai konvensional. Apa jawapannya? Adakah atau tidak ada? Benarkah atau tidak benar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Itu benarkah atau tidak benar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Shah Alam....

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat,.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau benar, cakap benar, kalau tidak benar, tidak benar. Itu aja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat,....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi laluan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:supaya dia bagi spesifik....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:senang sahaja. Sama ada Yang Berhormat benarkan atau tidak memberikan laluan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi. Kalau dia hendak bagi ceramah, saya tidak bagi, hendak bagi soalan, tunggu besok saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia hendak berikan laluan, Yang Berhormat terpaksa keluarkan soalan sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Errr.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bagi spesifiklah!

Dato' Mustafa bin Ali: Soalan saya, berapa sebenarnya yang dikatakan pajak gadai yang konvensional, sedangkan tidak ada pertambahan pun yang diberikan oleh kementerian ini. Bagan Datok tidak tahu, Shah Alam pun tidak tahu!

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya, itu nanti kita akan bagi tahu statistiknya. Tunggulah, sabarlah! Saya sudah bagi tahu kita akan maklumkan kemudian. Kalau tidak setuju, datang! Jangan tidak datang Dewan!

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja. Kerajaan akan memperkenalkan sistem pajak gadai berlandaskan syarak yang dipelopori oleh Malaysia ke negara-negara di rantau ASEAN. Usaha itu juga adalah antara langkah memperluaskan peranan Al-Rahnu sebagai satu Program Mikro Kredit dan instrumen kewangan golongan berpendapatan rendah. Usaha ini perlu di lihat sebagai salah satu cara bagi membantu umat Islam terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang pasti antara negara ASEAN yang telah menunjukkan minat untuk menggantikan sistem pajak gadai konvensional dengan Al-Rahnu ialah Indonesia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi, saya tidak bagi! Sebelah petang, sebelah petang! Sudah banyak dah saya bagi dia. *[Disampuk]* Kubang Kerian sahabat saya, sebelah petang kalau dia minat ikuti ucapan saya, suruh tunggu sebelah petang. Yang setakat ini, cukup setakat ini.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, perbankan dan kewangan Islam yang sudah diterima umum, apa lagi bank-bank antarabangsa turut menerima pakai perbankan Islam yang kita perkenalkan. Ini bermakna produk ini sedia untuk terus berkembang dalam masa terdekat. Ia tidak lain dan tidak bukan kerana

kedudukan semasanya yang kukuh sebagai komponen yang berdaya maju dan bertenaga dalam Sistem Perbankan Negara.

Di peringkat antarabangsa Sistem Kewangan Islam berkembang pesat dan dana-dana yang kini diuruskan oleh institusi perbankan dan kewangan Islam menguasai USD180 bilion di seluruh dunia. Sebaliknya pertumbuhan di Malaysia agak menggalakkan sejak ia bermula pada 1983. Sehingga kini perbankan Islam menguasai kira-kira 8.2% iaitu RM58.9 bilion daripada industri perbankan tempatan yang menyaksikan pertumbuhan yang ketara pada 2001. Hakikatnya tidaklah sukar bagi perbankan Islam untuk menguasai 20% daripada aset industri perbankan tempatan menjelang 2010.

Bagi mencapai ke arah itu sudah pasti banyak yang perlu dilaksanakan termasuk memastikan perkembangan perkhidmatan kewangan Islam yang teratur seperti membangunkan struktur bagi tadbir urus, pembangunan produk dan pemasaran serta mengukuhkan rangka kerja syariah dan perundangan. Selaras dengan kehendak syariah, produk perbankan Islam mempunyai pasaran yang besar di kalangan pelabur orang Islam dan bukan Islam. Seperti disebut oleh Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, perbankan Islam di Malaysia kini di ambang untuk memasuki peringkat kedua perkembangannya untuk berkembang atas dasar global.

Bagi mendapat penerimaan yang lebih luas sebagai cara perantaraan yang lebih efektif dan cekap serta menyumbang kepada keseluruhan ciptaan kekayaan, kini ada lebih 600 saham yang berasaskan syariah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur yang meliputi 76% daripada semua saham yang didagangkan di bursa saham tersebut. Selain itu, Kerajaan Malaysia memainkan peranan penting dalam pembangunan perbankan Islam dengan merumuskan polisi-polisi dan langkah-langkah kepada bukan hanya meningkatkan kapasiti dan kemampuan perbankan Islam tetapi juga menyediakan ruang bagi Malaysia untuk menjadi peserta yang aktif dalam pembangunan global perbankan dan kewangan Islam.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dipilih sebagai Sekretariat Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam berdasarkan kepada pembangunannya dalam sistem perbankan dan kewangan Islam yang kompetitif di peringkat dalam negara dan antarabangsa. Kini terdapat 30 dana Islam beroperasi dalam negara dengan nilai aset bersih sebanyak RM2.88 bilion dan 282,214 akaun sehingga pada Jun 2002. Berbanding dengan 105 dana Islam beroperasi di beberapa pusat kewangan seluruh negara dengan nilai aset bersih sebanyak RM11.4 bilion.

Tahun lepas Malaysia mengambil satu langkah ke hadapan apabila ia dengan jayanya menerbitkan Sijil Amanah Islam Global atau SUKUP Berdaulat pertama di dunia bernilai USD600 juta. SUKUP lima tahun itu yang matang pada 2007 disenaraikan di Bursa Saham Luxembourg dan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (ALEFAX) menarik penyertaan meluas para pelabur dari Asia terutamanya di Timur Tengah Amerika Syarikat dan Eropah.

Sebagai dasar praktikal Islam yang bukan mementingkan slogan melalui ceramah-ceramah politik yang mengkhayalkan rakyat dengan janji manis syurga, kerajaan mengharapkan kepada kemampuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Islam Dunia yang terkenal dalam masa beberapa tahun lagi. Usaha ini dilakukan dengan menawarkan lebih banyak produk Islam bukan hanya kepada orang Islam tetapi juga kepada bukan Islam di peringkat antarabangsa. Langkah berkenaan yang diketuai oleh Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) yang akan menyediakan galakan yang diperlukan untuk memajukan perniagaan perbankan Islam melalui penubuhan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (IIFM) dan perniagaan insurans di pulau tersebut.

Hasilnya ialah dunia Dana Islam berjumlah kira-kira ASD 1.5 trilion, menunggu-nunggu produk pembiayaan secara Islam. IIFM yang menempatkan sekretariatnya di Bahrain telah diasaskan oleh Malaysia, Bahrain, Sudan, Indonesia, Brunei serta Bank Pembangunan Islam (IDB) kini mempunyai wang yang mencukupi untuk menyamai pasaran konvensional. Memetik kata-kata Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan, Noor Azman Abdul Aziz, negara-negara Islam seperti Libya, Mesir, Ameriah Arab Bersatu, Kuwait dan Qatar telah melahirkan minat untuk menyertai IIFM.

Tuan Yang di-Pertua, bioteknologi akan menjadi pemaju baru ekonomi selepas era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ramalan dunia mengatakan dalam tempoh satu atau dua tahun akan datang bioteknologi akan mengambil alih ICT. Dijangkakan bidang bioteknologi di negara ini akan menempuh era baru selepas dasar bioteknologi kebangsaan dilancarkan tahun ini.

Nilai permintaan ke atas bioteknologi dijangka akan mencecah sehingga ASD 50 bilion menjelang tahun 2005. Ia merupakan satu peningkatan sebanyak 150% berbanding permintaan 10 tahun yang lalu. Pada tahun 1995, ia bernilai sebanyak ASD 20 bilion. Bayangkanlah sekiranya 1% daripada perdagangan bioteknologi global pada tahun 2010 nanti dianggarkan mencecah kira-kira ASD 17.6 bilion. Pertukarnya dalam Ringgit Malaysia ialah RM 66 bilion tetapi persoalannya apakah kita hanya berpuas hati setakat 1% sahaja.

Malaysia merupakan sebuah daripada 12 negara di dunia yang diakui sebagai pusat biodiversiti mega. 11 negara lain ialah China, India, Indonesia, Zaire, Brazil, Columbia, Equador, Mexico, Peru dan Australia.

Selain itu, masyarakat tempatan mempunyai akal tradisi yang kuat dalam dunia perubatan berasaskan herba. Satu daripada lapangan yang menjanjikan masa depan yang cerah dalam bidang bioteknologi.

Berdasarkan kepada kedudukan Malaysia sebagai antara 12 negara di dunia yang dikategorikan sebagai mega biodiversiti, ia menjadi aset penting kepada pendidikan dalam hala tuju bidang tersebut. Bidang-bidang penting bioteknologi di Malaysia membabitkan kekayaan tumbuh-tumbuhan serta bahan komoditi. Sekali gus meningkatkan kualiti pengeluaran bahan komoditi berkenaan. Sementara itu, bioteknologi perubatan dapat memanfaatkan tumbuhan herba sama ada untuk penghasilan ubat-ubatan atau makanan kesihatan.

Usaha hebat dilakukan oleh kerajaan apabila diadakan penganjuran Bio-Malaysia 2002 pada 14 Oktober tahun lepas yang dirasmikan oleh Perdana Menteri kita. Melalui Bio-Malaysia 2002, jaringan perniagaan antara syarikat yang terlibat dengan bioteknologi dengan para penyelidik dapat diwujudkan dan pada masa yang sama banyak buah fikiran dapat dikumpulkan bagi meningkatkan lagi bagi kemajuan pembangunan bidang berkenaan.

Selain itu sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Abdullah Ahmad Badwi yang dikenali sebagai Jawatankuasa Bioteknologi dan Biodiversiti Kebangsaan (NBBC) sudah merangka dasar tersebut yang akan dikajikan garis panduan ke arah menjana pembangunan bidang bioteknologi negara.

Dato' Mustafa bin Ali [Dungun]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Dungun bangun.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Hah, hendak bagi laluan? Heh!

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam. Kalau kita bercakap tentang biodiversiti ini, yang banyak berhubung kait dengan soal *environment*, tumbuhan-tumbuhan dan sebagainya.

Apa yang berlaku di negeri Pahang misalnya, penggondolan bukit-bukit Cameron Highlands, pembalakan secara haram dan sebagainya, adakah ini membantu biodiversiti yang kita rancangkan bagi Malaysia?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini yang saya maksudkan, kalau hendak bagi kritik, biarlah kritikan yang membina. Ini cerita panjang benar. Saya sokong, saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat supaya masalah *environment* ini bukan hanya kita yang kawal, pihak pembangkang boleh kawal. Jadi kalau hendak gondolkan bukit, yang itu kita tidak setuju. Kita tentang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Gondol kepala?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kita ada *common denominator*. Kita pertahankan. Jadi Yang Berhormat pun sebagai EXCO Kanan di negeri Terengganu, jaga *environment* Terengganu itu baik-baik kerana kita melancong ini. Baru-baru ini

kita melancong tidak juga bersih. Bersihkanlah sedikit Kuala Terengganu itu! *[Ketawa]*
Lain kali kita pergi, kita telefon Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Penyu, penyu, penyu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Penyu pun kita dimaklumkan sudah tidak naik dekat Terengganu ini. Macam mana Yang Berhormat? *[Ketawa]* Dia lari, Apa sebab ini?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Penyu punya patung, dibuang tetapi sotong punya patung ada lagi. Agaknya dua orang kata dahulu, pasal dia berjanggut, macam ketua dia, jadi yang itu tidak buang. *[Ketawa]* Saya pun tidak tahu pasal apa. Jadi Yang Berhormat, kita bergurau tetapi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sewajarnya menyokong usaha ini kerana jawatankuasa tersebut berjaya menghimpunkan kira-kira 50 pakar dan penyelidik tempatan bagi memberi input cadangan

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya sudah cakap, sebelah petanglah. Tadi sudah tiga dah. Minta tolong, minta tolong

Tuan Husam bin Haji Musa: Cadangan okey. Ini tentang biodiversiti bagaimana?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Pandangan serta buah fikiran bagi menghasilkan satu dasar yang komprehensif dan mengambil kira keperluan semasa. Pelaksanaan dasar-dasar tersebut akan membabitkan

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini duduk sedikit.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat, saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk, duduk, duduk. Ini kuasa, kuasa dia.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau hari bagi lagi tunggu sebelah petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak beri laluan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tunggu lepas *lunch*. Saya bagi, insya-Allah tidak ada hal punya *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan dasar-dasar tersebut akan membabitkan enam kementerian iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian.

Tugas mereka ialah untuk menjamin bahagian-bahagian tertentu dalam kementerian menjalankan tugas mereka dengan berkesan membabitkan:

- (i) Pembangunan Sumber Manusia,
- (ii) Penyelidikan dan Pembangunan (R&D),
- (iii) Infrastruktur,
- (iv) Pembangunan Industri,
- (v) Rangka Kerja,
- (vi) Kesedaran dan penggalak biotek,
- (vii) Pengurusan dan pengawasan bioteknologi, dan akhirnya
- (viii) Gabungan kerjasama strategik.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, yang ini kalau tidak bagi nanti payah. Degil juga, bagi dia.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam sekali lagi. Saya ucapkan terima kasihlah tentang pelan bioteknologi ini. Harap-harap jadilah biodiversiti dan bioteknologi ini. Harap dibentangkan dalam Parlimen jangan jadi dengan pelan induk IT yang telah dijanjikan oleh kerajaan dua tahun lalu. Enam bulan kerajaan janji hendak bentang dalam Parlimen ini.

Perdana Menteri berjanji, Menteri Kewangan, pun sudah tukar dah. Dapat dengan Ahli Yang Berhormat bagi Rompin (menunjukkan ke arah Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis. Alhamdulillah jugalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, apakah soalan itu?

Tuan Husam bin Haji Musa: Mana pelan itu? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, apakah soalan itu?

Tuan Husam bin Haji Musa: Pelan induk IT itu mana dia? Ini datang pelan induk bioteknologi pula dah. Dua-dua tidak jalan punya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak ada soalan untuk Yang Berhormat yang berucap.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau Yang Berhormat sabar, tunggu, bila saya masuk bahagian ICMT ini, saya akan sentuh tentang MSC dan pelan induk. Kalau Yang Berhormat sabarlah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan merangka lapan strategi bagi melaksanakan pembangunan bidang bioteknologi agar ia dapat dijanakan dengan lebih pesat. Langkah ini sebenarnya sejajar dengan hasrat Malaysia untuk meletakkan bioteknologi sebagai pemacu pembangunan negara. Bagi menjayakan usaha murni ini, tiga institusi baru akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Ketiga-tiganya menjadi penggerak penting meningkatkan usaha-usaha penyelidikan. Ia akan dibina dalam lingkungan kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC). Ketiga-tiga institusi itu ialah:

- (i) Institusi Agrobioteknologi Kebangsaan,
- (ii) Institusi Genomik dan Biologi Molekul Kebangsaan,
- (iii) Institusi Farmaseutikal dan Nutrasetikal Bioteknologi.

Tuan Yang di-Pertua, biar pun tiga institusi berkenaan sedang ditunggu pembinaannya, tetapi makmal sementara sudah diwujudkan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putera Malaysia dan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI). Apa yang menarik dalam usaha ini ialah tumpuan akan diberikan kepada tujuh bidang utama membabitkan:

- (i) Bioteknologi tumbuhan diselaraskan oleh MARDI,
- (ii) Bioteknologi haiwan diselaraskan oleh UPM,
- (iii) Bioteknologi makanan diselaraskan oleh UPM,
- (iv) Bioteknologi perubatan diselaraskan oleh Institusi Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Universiti Malaysia Sarawak (Universiti Malaysia Sarawak),
- (v) Biofarmasi diselaraskan oleh Universiti Sains Malaysia,
- (vi) Bioteknologi Industri Alam Sekitar diselaraskan oleh SIRIM Berhad, dan
- (vii) Biologi Molekul diselaraskan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang menarik ialah mengenai penggunaan Dinar Emas, bukan Dinar Islam. Dinar Emas bukan baru tetapi cadangan untuk menggunakan Dinar Emas bukan untuk menggantikan mata wang tempatan, sebaliknya untuk perdagangan luar antara negara peserta dalam konteks persetujuan pembayaran dua hala dan persetujuan pembayaran pelbagai hala atau *bilateral payment agreement* dengan MPA atau *Multilateral Payment Agreement*.

Dengan kata lain, Dinar Emas tidak akan wujud dalam bentuk fizikal. Ianya hanya ditakrifkan dalam bentuk emas. Sebagai contoh, sekiranya satu Dinar Emas, bersamaan dengan satu *ounce* Emas dengan harga satu *ounce* emas hari ini ialah pada USD1,000. Jadi nilai satu Dinar Emas ialah USD1,000 atau bersamaan dengan mata wang lain atas dasar kadar tukaran biasa. Ini bermakna penyelesaian sebenar perdagangan boleh melalui cara pemindahan bersamaan jumlah emas.

Apa yang sedang diusahakan oleh Malaysia ini sebenarnya penting untuk urusan perdagangan antarabangsa dan bank-bank pusat negara yang berminat khususnya di kalangan anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu menimbang untuk mengenakan BPA atas asal Dinar Emas sebagai langkah pertama memudahkan perdagangan. Selepas ini, barulah beralih ke MPA.

Usaha ini mempunyai cabaran besar kerana ia bergantung kepada bagaimana kejayaan kita dalam dua bidang boleh membawa mekanisme Dinar Emas ke hadapan bagi memainkan lebih banyak peranan. Lebih menarik mengenai penggunaan Dinar Emas ini ialah ia tidak terhenti kepada perdagangan membabitkan dua hala kerana Malaysia sedang menimbang untuk menubuhkan sekretariat bagi menjelaskan konsep menggunakan Dinar Emas untuk pembayaran perdagangan antarabangsa.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Pada hakikatnya gagasan menggunakan Dinar Emas itu, kini berada di tahap penjelasan konsep dan perbincangan masalah berkaitan cadangan pelaksanaan. Dengan kata lain, negara-negara yang merancang menggunakan Dinar Emas mungkin perlu meminda undang-undang mereka serta memastikannya ia sejajar dengan rejim kewangan antarabangsa sedia ada.

Sekretariat berkenaan bukan hanya menyediakan Buku Kecil yang mengandungi maklumat Dinar Emas tetapi juga menghantar seseorang ke luar negara untuk menjelaskan konsep dan untuk mengkaji undang-undang di negara lain bagi melihat sama ada undang-undang negara itu boleh dibuat sejajar dengan penggunaan Dinar Emas.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam yang sudah menjadi pakar Dinar Emas pagi ini. Jawapan yang baik, cuma saya hendak tahu, kita ada beberapa konsep wang:

- (i) *Paper Money*
- (ii) *Gold Money*
- (iii) *Cyber Money*

Paper money, ialah wang daripada kertas yang tidak ada *gold standard*. Wang Emas ialah emas itu sendiri adalah wang. Yang ketiga ialah *Cyber Money* tidak dalam bentuk kertas, tidak dalam bentuk emas. Saya fikir Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam sudah *confuse* apa yang dia cuba sebutkan tadi.

Yang Berhormat sebutkan tadi ialah tentang *Cyber Money*. *Is nothing to do* dengan *Gold Money*. Walaupun memakai *standard equivalent to gold* persamaan dengan emas tetapi ia adalah dalam bentuk cyber dalam alam cyber. Cuma *equivalent to gold*. Dengan sistem ini, premis yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam tadi, ialah pengenalan Dinar Emas ialah untuk menggantikan US Dolar bagi *instrument of exchange*.

Itu premis penggunaan pengenalan *gold money* ataupun dinar emas. Tetapi bila kita balik kepada *cyber money*, *equivalent to gold* masih kita terpaksa menggunakan *dolar* sebagai standard bagi menukarkan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, ya, saya hendak bertanya adakah Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam betul-betul faham ataupun kita sekarang dikelirukan di antara *gold money* dengan *cyber money*.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasihlah Yang Berhormat yang mengajar saya tentang ini tetapi apa yang kita maksudkan ialah dengan penggunaan Dinar Emas ini, untuk *for clearing house for terms of payment*. Kalau kita berniaga, kita berniaga pertama antara 'A' dengan 'B'. *That one is bilateral of payment* tetapi kalau kita berniaga dengan 'A', 'B', 'C', 'D'. 'E', 'F' itu *multilateral payment*. Jadi kalau kita hendak gunakan emas secara fizikalnya, Yang Berhormat hendak angkut ke sana, angkut ke 'B', ke 'C' macam mana hendak ada sistem yang boleh memberi manfaat. Dia *must be certain arrangement terms of payment*. Ini yang kita maksudkan bahawa proses untuk menubuhkan ini banyak lagi dia punya *limitation*. Banyak lagi perkara-perkara yang harus diselesaikan dari segi *terms of payment* supaya undang-undang yang digunakan daripada A, B, C dan D itu boleh diseragamkan dan diterima pakai.

Ini suatu usaha yang dijalankan oleh Malaysia. Jadi, saya tidak faham kenapa Yang Berhormat tidak suka. Yang Berhormat hendak beritahu yang Yang Berhormat hebat, tahu apa dia wang kertas, apa dia wang siber, apa dia wang fizikal. Yang Berhormat ini bekas *money changer* ataupun *currency trader* ini? [Ketawa] Ataupun Yang Berhormat

Jadi, kadang-kadang itulah dia, dengarlah apa yang orang hendak cakap, jangan.....

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bagilah saya habis, Yang Berhormat. [Ketawa] Minta maaf, ya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam pada itu kerajaan melihat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) termasuk sektor pembuatan, makanan dan perkhidmatan sebagai tulang belakang kepada ekonomi negara.

Tuan Husam bin Haji Musa: Faham tidak faham, baca sahajalah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ia terbukti apabila kebanyakan negara-negara lain seperti Korea, Jepun dan Thailand mampu bertahan dan bersaing dengan adanya sektor IKS yang menjadi tulang belakang kepada ekonomi mereka.

Justeru, atas dasar kerajaan akan kepentingan IKS, kerajaan telah memberikan perhatian yang khusus terhadap sektor itu. Contohnya, baru-baru ini dilaporkan banyak sektor IKS mengalami kesukaran untuk mendapat pinjaman daripada institusi perbankan tempatan. Ia berpunca daripada kurangnya keyakinan pihak bank terhadap pengusaha IKS sehingga bank tempatan begitu culas untuk mengeluarkan pinjaman modal kepada IKS.

Keengganan institusi perbankan mengeluarkan pinjaman kepada IKS itu amat mendukacitakan kerana usaha kerajaan untuk membina kekuatan dalaman melalui pengukuhan sektor IKS seolah-olah disabotaj oleh pihak dalaman sendiri iaitu institusi perbankan tempatan.

Adalah diharapkan institusi perbankan tempatan lebih memahami hasrat dan usaha murni kerajaan dalam mengukuhkan ekonomi negara. Mereka seharusnya bertindak sebagai pemain utama dalam membantu mengembang dan mengukuhkan sektor IKS di negara ini. Pada masa yang sama juga, sektor IKS diharap mengubah paradigma mereka dengan mengikut peredaran masa. Perubahan itu perlu bagi memastikan IKS kekal relevan dan terus berdaya saing dalam era globalisasi dan liberalisasi perdagangan dunia.

Ada kemungkinan sektor IKS Malaysia tidak akan mampu bertahan jika mereka tidak berubah atau enggan membuat anjakan paradigma dalam perusahaan yang diceburi. Ini kerana amalan-amalan sebelum ini seperti perlindungan daripada kerajaan, di mana barangan import dikenakan cukai sekali gus, menjadikan ianya lebih mahal daripada barangan tempatan, perlu dihapuskan hampir sepenuhnya tidak lama lagi. Ia adalah selaras dengan komitmen Malaysia yang menjadi salah sebuah negara

yang menandatangani peraturan yang ditetapkan oleh Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Perubahan yang harus diambil kira oleh pengusaha IKS termasuklah kualiti produk yang memenuhi standard dan piawai antarabangsa, peningkatan penggunaan teknologi serta produktiviti. Dalam hal ini paling penting pengusaha IKS perlu menetapkan sasaran dengan berusaha mendapatkan sijil pengiktirafan kualiti seperti ISO 9001 2000 bagi memastikan kualiti produk yang dihasilkan mencapai mutu yang diiktiraf antarabangsa. Malangnya, sekarang ini tidak ada satu pun pengusaha IKS memberi tumpuan untuk memperuntukkan dana untuk mendapatkan sijil pengiktirafan ISO. Dengan kata lain, pengusaha IKS langsung tidak meletakkan keutamaan untuk mendapatkan pengiktirafan kualiti produk mereka. Kawalan Perdagangan Bebas Asean atau AFTA semakin hampir dilaksanakan sepenuhnya tetapi IKS tempatan masih ketinggalan daripada mendapat pengiktirafan kualiti yang diperakui di peringkat antarabangsa.

Pada masa yang sama banyak negara kini telah menetapkan perlunya sesuatu produk itu mempunyai pengiktirafan ISO sebelum ianya boleh diterima masuk ke negara tersebut. Bayangkan apa akan terjadi kepada sektor IKS Malaysia apabila produk mereka tidak diterima oleh pasaran antarabangsa kerana kealpaan pengusaha IKS sendiri terhadap aspek kualiti dan pengiktirafan produk mereka. Tidak keterlaluan jika dikatakan IKS Malaysia akan berkubur atau gulung tikar satu masa nanti andai pengusahanya gagal mengubah paradigma perusahaan mereka.

Satu aspek lagi yang perlu diberi perhatian oleh pengusaha IKS ialah dari segi cara mereka beroperasi. Cara mereka beroperasi di belakang rumah didapati tidak begitu praktikal, ini kerana ianya mewujudkan budaya kerja yang tidak produktif. Adalah disarankan operasi mereka ditempatkan di lokasi-lokasi yang disediakan khusus agar segala inisiatif, insentif dan tunjuk ajar boleh disalurkan secara berkesan. Statistik menunjukkan lebih 30% kawasan yang disediakan untuk penempatan IKS tidak dihuni. Lebih malang lagi didapati lebih 10,000 pengusaha IKS beroperasi tanpa mendaftarkan premis perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kehadiran IKS di lokasi-lokasi yang telah disediakan akan membolehkan mereka

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Masa sentiasa ada. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Soal sikap pengusaha-pengusaha IKS ini satu perkara. Kita boleh membuat komentar kelemahan-kelemahan tertentu termasuk peningkatan untuk ISO 9000 dan sebagainya - soal bengkel di belakang rumah.

Soal yang penting ialah soal modal. Siapa yang tidak mahu kemajuan? Siapa yang tidak mahu peningkatan? Siapa yang tidak mahu kekayaan dan sedikit sebanyak kepakaran yang mereka ada dalam IKS ini? Mereka mahu tingkatkan. Macam mana yang saya katakan, semua orang hendakkan kemajuan, kebaikan, kekayaan dan sebagainya, tetapi kadang-kadang keupayaan.

Kita menggesa pengusaha-pengusaha kecil ini minta itu, minta ini tetapi pertolongan yang sebenar-benarnya dalam erti kata yang sebenar-benarnya, apakah sudah kita sampaikan, kita beri pendidikan, modal, kemudahan-kemudahan dan sebagainya. – Pelbagai kelemahan yang Yang Berhormat bagi Shah Alam nyatakan. Saya memang bersetuju kelemahan itu berlaku di atas tanah di kalangan IKS.

Tetapi kalau kita hanya mengeluh dan kemudian kita mengkritik mereka kerana tidak ada perubahan paradigma mereka, kekuatan mereka, jadi, kita kena cari punca masalah ini berlaku. Jadi, saya minta Yang Berhormat, kalau ada cadangan yang baik untuk disampaikan kepada kementerian. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Hebat ya, ingatkan bab-bab agama, bab politik sahaja cakap tetapi bab ekonomi dan usahawan ini pun kira handal juga dia bercakap.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, program ini pada pandangan saya disabotaj dan kita kena tengok siapa yang sabotaj. Saya hendak sebutlah dalam Dewan yang mulia ini bahawa dahulu semasa bank menghadapi keadaan gawat, kita tolong bantu dengan beberapa penstrukturan semula tetapi masa ini mereka bantulah golongan IKS ini supaya pinjaman itu dipermudahkan.

Jadi, kalau ada kapitalnya, dia hendak buat *expansion* dia hendak buat apa. Jadi, saya minta sangat, merayu ini, pihak perbankan ini lebih sensitif dan melihat ini sebagai satu segmen yang *viable* untuk dibantu.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: [*Bangun*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Silakan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan ini cuma hendak tahu daripada Yang Berhormat bagi Shah Alam. Beliau menyatakan tadi bahawa sektor perbankan tidak begitu membantu pengusaha-pengusaha IKS ini. Soalnya, pihak bank menghadapi satu jebakan yang melibatkan peraturan kepada mereka sendiri.

Jika mereka memberikan pinjaman tetapi tidak dapat dibayar maka mereka akan jatuh dalam NPL. Kalau mereka tidak beri, mereka tertakluk kepada peraturan Bank Negara atau kalau tersalah beri pinjaman maka mereka dikenakan denda, secara individu, sebagai pemegang jawatan, sebanyak RM1 juta.

Persoalannya sekarang, bagaimanakah kaedah terbaik untuk memajukan supaya pihak bank akan memperolehi kembali pinjaman yang diberikan di samping memperolehi sedikit keuntungan, pada waktu yang sama pengusaha IKS akan memperolehi keuntungan dengan kerjasama daripada kerajaan melalui perbadanan IKS sendiri.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perbadanan IKS harus diaktifkan, proaktif diletakkan orang-orang politik yang progresif untuk menerajui. Bukan saya kata yang menerajui sekarang tidak baik tetapi saya fikir usaha-usaha untuk memajukan Perbadanan ini dengan langkah-langkah proaktif harus diterajui oleh usahawan, bukan oleh orang yang tidak berlatarbelakangkan keusahawanan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, saya amat setuju pandangan daripada sahabat saya Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Kalau kita lihat, hendak membantu kerja IKS ini, yang menjadi *generator*, tulang belakang, dinamo yang akan memacukan pembangunan ekonomi negara, banyak program yang telah pun diadakan, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datok, Perbadanan IKS ini.

Kalau perbadanan yang diberi amanah dan tanggungjawab untuk mengerakkan perkara ini tidak dapat dilaksanakan mengikut macam-macam ketegangan yang ada, saya ingat satu rombakan harus dilakukan supaya ia lebih dinamik, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, yang ini saya bersetuju supaya Perbadanan ini dapat diubah untuk membantu IKS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di antara sebab saya tertarik hati apa yang disebut bahawa ada 10,000 pengusaha IKS yang beroperasi di *backyards* atau di belakang-belakang rumah bahawa mereka sebenarnya menghadapi tekanan juga daripada birokrasi kerajaan, mereka takut untuk berhadapan dengan percukaian kastamnya, dengan KWSP dan dengan elektrik yang kalau dibuat secara *proper* terpaksa membuat *substation* dan seumpamanya. Ini juga sudah tidak membantu IKS.

Adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya kita perlu *review* semua termasuk soal banknya, soal birokrasi Kerajaan yang banyak menyusahkan IKS sebenarnya? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih dan tahniah Yang Berhormat. [*Ketawa*] Yang Berhormat minta supaya kita *review*. Boleh saya ambil iktibar bahawa saranan Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading, dan juga Yang Berhormat bagi Bagan Datok, dengan izin, supaya kita ada *holistic*

integrated approach bagi kita menyelesaikan masalah IKS. Kita sudah *identify*, salah satu dari segi sumber utama ialah kurang keupayaan untuk mereka mendapat modal pusingan kerana pihak bank mempunyai pelbagai syarat yang diperketatkan.

Yang kedua, kita hendak minta dia *relocate*, dia hendak dibangunkan, hendak memindah kepada premis yang ada, itu memerlukan perbelanjaan. Jadi, kalau tidak ada modal, macam mana, apa hendak jadi, kalau itu dia tidak boleh hendak pertingkatkan produknya, jadi produknya tidak akan jadi produk yang *competitive* dan *viable*.

Tetapi yang saya tidak setuju dengan Yang Berhormat, kita hendak mengajar usahawan ini supaya menipu cukai, lari daripada kastam. Yang itu tidak boleh Yang Berhormat kerana kalau dia hendak kena pindah kerana dia hendak kena bayar cukai *exempt*, yang itu saya tidak setuju. Tetapi kalau hendak kena bayar cukai, bayar cukai. Kerana kita hendak supaya ada *approach* yang tersusun. Jadi, *argument*, yang kata dia hendak pindah kerana dia orang takut hendak kena bayar cukai dan kita hendak galakkan. Yang itu pihak BBC, saya tidak setuju.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya bukan mencadangkan untuk menipu. Cuma saya cadangkan supaya *review* supaya

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ha! Jadi, yang Yang Berhormat cadang supaya dia orang menipu ini, salahlah, tanggapan saya salah? [*Ketawa*]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Kemudian satu lagi.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tanggapan saya salahkah itu?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Saya salah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat salah atau saya salah?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Yang Berhormat bagi Shah Alam salah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Mana boleh salah! Yang tadi Yang Berhormat sudah sebut, kalau tidak kita semak *Hansard*, siapa cakap bohong, siapa cakap betul. [*Ketawa*]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Cuma saya hendak sebutkan – saya tidak bermaksudkan untuk menipu, cuma saya

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak masuk. Jadi, saya punya takrifan itu tidak salahlah.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Apa yang saya maksudkan ialah supaya IKS ini diberi kesempatan untuk *review* balik bahawa sebenarnya apa yang mereka buat di belakang rumah itu kerana pertamanya, terdapat tekanan birokrasi terlalu kuat. Yang keduanya, mereka boleh menggunakan *substandard*, sedangkan apabila mereka berpindah ke tempat-tempat yang sebenarnya, kalau Yang Berhormat bagi Shah Alam sedar, kawasan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan, mereka lebih berminat untuk menjadikan tempat itu tempat yang cukup – semacam *luxury* dan dari segi *business*nya lebih berbentuk *property business*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu cukuplah itu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Dan saya ingin

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak apa, nanti petang saya bagi lagi.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Nanti, saya

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya hendak habiskan on IKS ini sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang saya hendak sebut ini, akan menjawab soalan daripada Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Saya hendak jelaskan soal.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini yang payah, bagi laluan tidak
 [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Setiu, nanti boleh sambung.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak. Saya hendak habiskan ini sahaja. On IKS. Saya pun lapar, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagi, Yang Berhormat? Yang Berhormat sudah berucap sejam 47 minit.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap, sekejap. Saya hendak cakap cepat tetapi kalau kacau-kacau ini macam mana

Tuan Husam bin Haji Musa: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sila duduk.

Yang Berhormat, tidak apa, masa sudah cukup, Yang Berhormat perlu rehat. Nanti kita balik, Yang Berhormat boleh sambung.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan diteruskan semula. Sila Yang Berhormat bagi Shah Alam meneruskan ucapan.

2.32 ptg.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kehadiran IKS di lokasi-lokasi yang telah disediakan akan membolehkan pelbagai perkara seperti penggunaan teknologi diterapkan secara sistematik. Langkah ini yang disusuli dengan peningkatan produktiviti akan memastikan IKS Malaysia bukan sahaja mampu bersaing dan mempunyai daya ketahanan malah mencatat pertumbuhan. Adalah juga diharapkan pertumbuhan IKS yang mantap akan melahirkan pengusaha IKS yang akan bertukar menjadi syarikat-syarikat yang disegani seperti yang telah dibuktikan oleh IKS di Taiwan dan Korea Selatan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya daripada Shah Alam. Saya ingin membangkitkan kembali berhubung dengan isu IKS yang saya rasa perlu diberi penekanan supaya industri yang dianggap sebagai *backbone industries* kepada negara kita khususnya dan negara-negara maju perlu kita beri perhatian khusus sebab IKS di Malaysia kalau tidak diberi penekanan akan menghadapi kegagalan dan ini boleh menyebabkan Malaysia tidak lagi menjadi negara yang *competitive* dari sudut industrinya.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perlu diadakan satu *review* secara menyeluruh berhubung kenapa terdapat 10,000 IKS yang terpaksa beroperasi di kawasan yang dianggap sebagai kawasan *backyard industries*. Daripada pengalaman saya, saya berpendapat bahawa sebahagian daripada mereka bukan lah mereka tidak hendak berpindah ke tempat yang disebut sebagai kawasan perindustrian tetapi kadang-kadang yang berlaku ialah kawasan perindustrian ini lebih mengutamakan dari sudut pembangunan harta tanah daripada membangun industri itu sendiri menyebabkan kos operasi atau *capital costs* yang terlibat ataupun yang dihadapi oleh pihak IKS akan menjadi begitu tinggi, itu satu.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar di samping tekanan bank bahawa dasar ataupun beberapa peraturan kerajaan termasuklah mungkin soal perlindungan

hanya diberikan kepada syarikat-syarikat gergasi kroni sahaja, sedangkan syarikat-syarikat kecil ini dibiarkan begitu sahaja? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak sebut kroni tidak sah, ini hendak gulung ucapan ini [*Ketawa*] Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa satu pendekatan hala cara baru harus diambil dan lihat bagaimana untuk kita sama-sama berusaha untuk menentukan IKS kita ini menjadi *backbone* dan daya saingnya boleh diperkuat dan dipertingkatkan. Justeru itu, saya fikir mana-mana pihak yang bertanggungjawab, sama ada pihak yang menyediakan modal, pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan dan pengusaha sendiri mesti ada anjakan paradigma, *new mind set*, bagaimana perkara ini boleh dicapai dan kita harap supaya usaha murni ini akan..., saya punya pandangan jikalau IKS ini kita tidak pelihara dan kita tidak terjemaah betul-betul, bila datang AFTA ini, bila kita tidak boleh *market* produk kita dan ia tidak diterima di pasaran antarabangsa, maka pada masa itu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, akan menghadapi dia punya *backlash*.

Jadi sebelum *backlash* ini timbul kalau ada kesempatan untuk kita susun balik, saya cadangkan supaya kita tingkatkan usaha ini dan kita yakin di peringkat Kerajaan Persekutuan dan di kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan melalui agensi dan kementerian yang sedia ada ataupun badan-badan lembaga yang diteruskan harus memfokuskan ini sebagai satu agenda utama sebelum kita berhadapan dengan AFTA.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Bharu bangun.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Perkataan Shah Alam...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila, Kota Bharu, ya.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih, saya tertarik hati dengan anjakan paradigma IKS ini terutama sekali dalam menghadapi AFTA akan datang. Saya hendak minta pandangan Shah Alam mengenai sebab..., *problems* yang dihadapi oleh IKS ini ialah termasuk IKS bumiputera. Apakah ada satu rancangan yang agak konkrit dari pihak kerajaan untuk mengatasi masalah adanya hambatan-hambatan berlakunya perubahan anjakan pemikiran dan paradigma IKS bumiputera yang saya rasa golongan inilah paling banyak sekali menghadapi masalah untuk maju ke hadapan, menghadapi cabaran yang disebut oleh Shah Alam, globalisasi dan macam-macam ini.

Apakah langkah-langkah yang agak konkrit supaya hal ini tidak lagi menjadi masalah yang kita bincang berkali-kali, bincang tetapi kenyataan yang sama juga bahawa IKS bumiputera sedang menghadapi masalah besar. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, atas saranan dan pandangan Yang Berhormat betapa dalam menentukan IKS secara keseluruhan bila kita hendak melihatkan dia boleh bertahan dan berdaya maju, IKS yang berhubung kait dengan penyertaan bumiputera yang itu pun kita kena tingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharap kerajaan memberi tumpuan yang lebih terhadap sektor peruncitan khususnya di kalangan bumiputera. Setakat ini projek usahawan bumiputera dalam bidang peruncitan atau dikenali sebagai PROSPER telah berjaya melahirkan sebanyak 123 peruncit bumiputera dalam pelbagai bidang dalam tahun 2002 iaitu tahun kedua selepas skim itu dilancarkan pada Ogos 2000. Sejumlah 76 peruncit juga berjaya menjalankan perniagaan mereka sehingga tahun 2001 di bawah projek berkenaan.

PROSPER juga mencatatkan sejumlah 199 peruncit bumiputera berjaya beroperasi sejak dilancarkan. Namun jumlah itu didapati masih tidak menepati sasaran awal PROSPER yang menjangkakan sejumlah 250 peruncit dapat beroperasi setiap tahun. Pada masa yang sama kerajaan juga digesa supaya mencari jalan untuk melahirkan lebih ramai peruncit bumiputera yang berwibawa melalui skim latihan dan sokongan yang sesuai. Menurut sumber, sejumlah 13, 305 orang peserta menghadiri program keusahawanan yang dikelolakan oleh Pemodenan Usahawan Nasional Berhad yang diadakan sebelum ini.

Selepas menjalani sesi, 6036 cadangan perniagaan disenaraipendekkan sebagai berisiko rendah dan boleh diberi pertimbangan lanjut. Daripada senarai pendek itu, 5054 bakal peruncit menghadiri latihan penyediaan pelan perniagaan dan seterusnya yang menghadiri klinik perundingan perniagaan berjumlah 1116 peserta, tidak sampai 10% pun. Sehingga 15 Januari lalu dilaporkan sejumlah 998 cadangan permohonan bersama rancangan perniagaan diterima PUMB di mana sejumlah 271

projek diluluskan dan 199 daripadanya sedang beroperasi. Sejumlah 37 cadangan perniagaan yang diluluskan itu sedang dalam proses penyediaan manakala 18 terbatal, 9 menolak tawaran, 8 ditunda dan 4 lagi berhenti beroperasi.

Dari perangkaan tersebut adalah jelas bahawa skim PROSPER mendapat sambutan menggalakkan daripada usahawan bumiputera. Justeru kerajaan wajar mencari kaedah yang lebih kemas agar lebih ramai peserta yang berminat dapat merealisasikan hasrat mereka untuk mencari peruncit yang berjaya. Ini memandangkan sektor peruncitan amat berdaya maju dan mampu memberikan pulangan ekonomi yang baik kepada pesertanya seperti yang telah terbukti di kalangan peruncit bukan bumiputera yang dikatakan menguasai hampir 90% bidang peruncitan di negara ini.

Bagaimana pun satu hal yang dikesalkan ialah kemunculan pasar-pasar raya besar atau dengan izin, *giant market* dilihat sedikit bercanggah dengan usaha kerajaan melahirkan peruncit bumiputera. Ini kerana kemunculan pasar raya besar yang dikendalikan oleh syarikat peruncitan antarabangsa telah memberi kesan kepada peruncit berskala kecil, khususnya di kalangan bumiputera. Adakah kerajaan mempunyai statistik jumlah peruncit bumiputera yang gulung tikar akibat kesan kemunculan pasar raya besar itu.

Apakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna boleh memberi jaminan bahawa tidak akan ada lagi syarikat dari luar negara membuka pasar raya besar di negara ini. Saya berharap kerajaan dapat mengambil satu ketetapan berhubung isu ini supaya peruncit bumiputera yang ada ibarat 'hidup segan mati tidak mahu' kerana dihimpit saingan oleh pasar raya besar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan iklim ekonomi yang semakin baik, sektor pembinaan di negara ini dijangka mengalami pertubuhan sebanyak 4.1% tahun ini. Jangkaan kadar pertubuhan itu dianggap baik berbanding tahun lalu yang hanya mencatat pertumbuhan 3.3%. Perkembangan baik yang dijangkakan ini adalah berikutan pakej tambahan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Pada masa yang sama juga, pemulihan sektor pembinaan ini sedang berlaku di mana ia mencatat pertumbuhan sebanyak 2.9% bagi 9 bulan pertama 2002 berbanding 2.3% untuk tempoh yang sama pada tahun 2001. Antara projek utama yang sedang dilaksanakan termasuklah fasa kedua pembinaan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor yang bernilai RM3 bilion. Empangan Bakun RM1.8 bilion dan Projek Landasan Berkembar Rawang-Ipoh RM1.5 bilion. Selain itu beberapa projek mega juga dijangka dilaksanakan hujung tahun ini atau tahun depan atau sekurang-kurangnya tender diluluskan ialah Projek Landasan Berkembar Elektrik, RM12 bilion, Koridor Selatan RM7 bilion, Lebu Raya Pantai Barat RM4.5 bilion, Projek Pemindahan Air Mentah Pahang-Selangor RM3.8 bilion dan Projek Tebatan Banjir Kuala Lumpur RM2.2 bilion.

Menurut penganalisis ekonomi, walaupun perbelanjaan pembangunan kasar berjumlah RM35 bilion yang diperuntukkan oleh kerajaan pada tahun ini berkurang sebanyak 1.1% berbanding peruntukan bagi tahun 2002, jumlah itu dianggap masih lagi besar bagi membolehkan sektor pembinaan terus memaju ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading bangun Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mengikuti tentang peruncit ini, boleh 'gostan' sedikit Shah Alam?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...Pasar peruncit balik?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan, soal pasar raya besar ini, persaingan, persaingan kepada peruncit-peruncit? Kalau sekali imbas seolah-olah pasar raya-pasar raya besar ini menjadi persaingan kepada pekedai-pekedai runcit. Cuma saya sebagai pelanggan ataupun pengguna kita hendakkan kualiti barang, *service* atau pun perkhidmatan. Sebagai contoh *7-Eleven* dia kecil tapi ia boleh hidup, jadi ini macam mana sebenarnya? Dari satu segi mungkin Shah Alam mohon kerajaan melindungi peruncit-peruncit tetapi dari satu segi kepentingan pengguna. Jadi pengguna hendakkan mutu barangan, dia tidak mahu tertipu, dia tidak maknanya dianiaya dan sebagainya. Jadi apakah masalah peruncit-peruncit tentang kualiti barang, cara perkhidmatan dia. Jadi di mana, di mana, di mana...hendak di celah ini?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Faham, faham, faham. [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak benarkankah yang lain-lain lagi bangun mendapat penjelasan ya?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tengok keadaan Tuan Yang di-Pertua. Tengok keadaan. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ramai lagi yang akan berucap ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau Tuan Yang di-Pertua tak izinkan saya tak izinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Kalau saya tidak izinkan tidak akan sesiapa membantah ya, kerana dalam peraturan mesyuarat pengerusi boleh tak mengizinkan kerana Yang Berhormat sudah berucap ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya, saya ambil peringatan daripada Tuan Yang di-Pertua saya tak mengizinkan sebarang pertanyaan. Saya akan cuba habiskan ini secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tapi sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi hendak tanya kena jawablah. Saya maksudkan dengan *giant supermarkets* ini, *giant markets* ini sebenarnya dia patut buat *wholesale* dia bukan buat *retail*. Tetapi nampaknya sekarang ini kerana ada *competition* daripada *giant markets* ini, jadi mereka pun menawarkan harga sebagai *retail* market. Apabila dia menawarkan harga *retail markets*, jadi kalau sesiapa hendak berniaga runcit ini dia punya margin sudah jadi kecil. Bila margin sudah kecil dia sudah tak untung. Jadi, dia terpaksa gulung tikar. Jadi, soal kualiti yang itu saya ingat jawapan kepada Sri Gading.

Selain bajet tahunan, kerajaan turut merangka pelan jangka panjang dan memberi peruntukan untuk projek air dan projek kereta api. Kerajaan memperuntukkan RM52 bilion bagi projek air yang akan dilaksanakan dalam tempoh 50 tahun. Manakala projek kereta api pula akan menerima peruntukan berjumlah RM4.5 bilion bagi tempoh lima tahun. Walaupun jauh daripada yang diinginkan, kadar pengeluaran dana yang lebih baik merupakan petanda positif bagi pelaksanaan projek yang lebih cepat. Dari itu diyakini akan memberi kesan berganda kepada ekonomi secara keseluruhan. Bagaimanapun terdapat sedikit kelemahan dikesan dalam pembinaan projek-projek sederhana seperti pelaksanaan projek kerajaan. Antaranya projek sekolah bestari, makmal komputer, kediaman kakitangan kerajaan dan beberapa projek lagi yang didapati masih perlahan berbanding projek penswastaan. Kerajaan seharusnya memberikan perhatian yang lebih terhadap proses pelaksanaan projek-projek terbabit kerana ianya turut membantu menjana pertumbuhan sektor pembinaan dan juga ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan kekuatan dalaman mampu menghasilkan produktiviti yang tinggi sekaligus meningkatkan jumlah eksport negara. Dua bulan terakhir tahun lalu mencatatkan pertumbuhan nilai eksport yang tinggi. Eksport bagi bulan Disember tahun lalu mencatat peningkatan sebanyak 11% berbanding 9.9% pada bulan November ekoran kenaikan harga petroleum dan minyak sawit. Peningkatan itu telah membantu Malaysia mengatasi kejatuhan eksport global dalam jualan barangan semi konduktor tahun lalu di samping kelembapan ekonomi Amerika Syarikat. Kenaikan harga komoditi juga membantu meningkatkan nilai eksport pada suku kedua 2002 ketika eksport barangan elektrik dan elektronik merosot. Sementara itu eksport Malaysia ke negara-negara Asean meningkat 10% kepada RM85.3 bilion, manakala eksport ke negara China juga meningkat 37.7% kepada RM18 bilion sepanjang tempoh Januari hingga November tahun lalu. Peningkatan eksport ke China adalah disebabkan oleh faktor pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) selain pembukaan pasaran oleh negara berkenaan sekaligus membantu meningkatkan peluang eksport keluaran Malaysia menembusi pasaran negara itu.

Dalam pada itu juga dilaporkan bahawa aliran masuk pelaburan dalam sektor perkilangan dan sektor berkaitan dengannya adalah menggalakkan dengan 841 perusahaan bernilai RM18.8 juta diluluskan sepanjang tahun lalu. Manakala perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pula kerajaan telah meluluskan 7,340 permohonan geran bernilai RM126.2 juta tahun lalu. Kerajaan juga telah meluluskan

sejumlah 533 permohonan pinjaman kepada PKS membabitkan nilai RM292.4 juta tahun lalu. Kelulusan pinjaman itu disalurkan menerusi perbadanan pembangunan industri kecil dan sederhana atau SMIDEC. Ia dibuat selaras dengan usaha kerajaan untuk mempromosikan PKS. Menurut sumber industri geran yang diluluskan adalah termasuk 3,651 kepada industri berasaskan sumber, 1,149 permohonan kepada industri elektronik dan elektrik serta 1,140 permohonan kepada industri mesin dan kejuruteraan. Sejumlah 455 permohonan atau 6.7% juga diluluskan kepada sektor pengangkutan dan kelengkapan serta 416 permohonan untuk 6.1% lagi kepada lain-lain sektor.

Selain SMIDEC kerajaan juga memperuntukkan kepada PKS menerusi Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) membabitkan gerai bernilai RM37.2 juta.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun ini. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Minta maaf. Masuk sekolah rendah agama rakyat - nanti saya bagi jalan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, saya hendak tanya sikit.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak bagi, tidak bagi jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Penjelasan kementeriankah atau perbincangan daripada *Backbencher*?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi jalan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, ini penjelasan kementeriankah apa?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya, saya tidak bagi jalan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kotlah dia berasa dia menteri dah.
[*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan. Sila, sila teruskan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat ada pilihan sama ada hendak duduk dalam atau di luar. Itu pilihan Yang Berhormat. Ini saya punya *floor*.

Selain SMIDEC kerajaan juga memberi peruntukan kepada PKS menerusi Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) membabitkan gerai bernilai RM37.2 juta. Daripada jumlah itu RM19.5 juta disalurkan kepada 13 syarikat menerusi dana pengambilan teknologi, RM9.5 juta kepada sembilan syarikat menerusi dana perkomersialan, penyelidikan dan pembangunan serta RM8.2 juta kepada lima syarikat menerusi dana pengambilan teknologi oleh wanita.

Daripada perangkaan yang dibacakan tadi, saya dapat merumuskan bahawa betapa kerajaan berusaha gigih memperkukuhkan kekuatan dalaman untuk menyaingi arus ekonomi dunia dalam era globalisasi dan liberalisasi agar negara tidak mudah tenggelam punca.

Indeks pengeluaran perindustrian (IPP) negara ini juga dilaporkan mengalami peningkatan sebanyak 8% kepada 194.6 pada Disember tahun lalu berbanding 180.2 dalam bulan yang sama tahun 2001 berbanding bulan sebelumnya IPP itu meningkat sebanyak 2.5%. Secara keseluruhannya tahun lalu IPP telah mengembang sebanyak 4.2% kepada 188 berbanding 184 yang dilaporkan dalam tahun 2001. IPP ialah satu ukuran kadar perubahan sebenar pengeluaran komoditi perindustrian bagi satu tempoh masa.

Tuan Yang di-Pertua, sumber Jabatan Perangkaan menunjukkan peningkatan IPP setiap tahun dirangsang oleh pengembangan dalam indeks semua sektor. Sektor pembuatan meningkat 9% kepada 211.3 daripada 193.8. Perlombongan naik 2.2% kepada 137.7 daripada 129.7 sementara sektor elektrik menambah 1.9% kepada 205.7 daripada 201.8. Peningkatan IPP pada bulan Disember berbanding November 2002 pula adalah didorong oleh kenaikan indeks sektor perlombongan dan pembuatan yang masing-masing meningkat 4.5% dan 2.7%. Sementara itu laporan Bank Negara

mengenai kedudukan rizab negara adalah semakin baik biar pun dalam ekonomi dunia tidak menentu. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak RM600 juta kepada RM131.5 bilion sehingga 26 Januari daripada RM130.9 bilion pada 15 Januari 2003. Peningkatan itu adalah disumbangkan oleh aliran daripada penghantaran pulang hasil eksport yang lebih besar sepanjang separa kedua bulan Januari. Aliran masuk ini mencukupi untuk membiayai pembayaran bagi import barangan dan perkhidmatan. Pelaburan luar negara yang lebih besar oleh syarikat Malaysia, pembayaran semula hutang luar dan aliran keluar portfolio kedudukan rizab kita juga mencukupi bagi membiayai 5.4 bulan import tertanggung dan sebanyak 4.2 kali hutang luar jangka pendek. Catatan itu dianggap memberangsangkan bagi negara kita dan jelas menunjukkan bahawa kerajaan dan negara berada pada landasan yang betul dalam setiap perancangan dan dasar ekonomi yang diamalkan. Keadaan itu juga membantu memulihkan keyakinan pelabur luar negara untuk datang melabur ke dalam negara.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sebelum saya hendak jawab ini, saya hendak bagi tahu, itu sebab Yang Berhormat bagi Pokok Sena dia tidak hendak dengar kita punya fakta statistik, dia hendak ambil semua ini sebagai satu retorik. Jadi, apabila kita bagi fakta dia letih hendak dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi, kalau ada - itu yang ada tanggapan bahawa soal mufliis yang itu jadi *benchmark* hendak ukur ekonomi berdaya tahan. So, bila bagi fakta tidak hendak dengar. Saya mintalah Yang Berhormat bagi Tumpat ini orang yang bijak pandai. Mungkin dia boleh nasihatkan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tumpat ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Yang Berhormat bagi Shah Alam menyebutkan bahawa pelaburan asing dan pelabur-pelabur asing masih gemar dan suka untuk melabur di Malaysia. Beberapa minggu yang lalu kita membaca laporan bahawa salah sebuah pelabur terbesar di dunia, California Public Employees Fund (CALPERS) yang setahun yang lalu menarik diri daripada melabur di Malaysia. Gembur-gembur beberapa minggu yang lalu ialah kerana sudah cukup setahun maka CALPERS lembaganya akan bermesyuarat dan digembur-gemburkan akan membuat keputusan bahawa keputusan dulunya salah, maka mereka sebenarnya patut melabur di Malaysia dan diramalkan bahawa CALPERS iaitu pelabur yang terbesar di Amerika Syarikat akan melabur kembali di Malaysia. Tetapi rupa-rupanya CALPERS bermesyuarat dan membuat keputusan tidak akan melabur di Malaysia. Jadi, adakah ini selari dengan pandangan Yang Berhormat bahawa pelabur asing cukup gemar untuk melabur di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat mengikuti ucapan saya, saya sebut bahawa kadang-kadang kita tidak boleh hendak kawal apa yang berlaku di luar. Begitu juga dengan *foreign direct investment*, kita boleh menyediakan prasarana, iklim, suasana yang sihat serta aman damai, *human resources* yang bagus, pandai, boleh bertutur tetapi dia orang juga ada pilihan Yang Berhormat sama ada hendak melabur di Malaysia atau di dalam negara-negara Asean ataupun sekarang ini masing-masing berlumba hendak pergi China. Yang itu kita tidak boleh hendak kawal. Tetapi apa yang kita boleh kawal ialah faktor dalaman kita bagaimana untuk kita memperkasakan kekuatan dalaman yang kita ada. Tetapi kalau kita hendak *pick up, bit by bit* dan dia sebagai satu *benchmark* hendak katakan bahawa kita punya ekonomi merudum, kerana orang luar tidak hendak datang melabur akhirnya dia melibatkan banyak perkara. Itu satu *presumption* yang saya rasa tidak boleh diterima pakai kalau kita hendak itu. Tetapi kita kena lihat sebagai satu benda yang total. Yang Berhormat sedia maklum kalau dalam *final account* apa dia asas pertimbangan utama, *benchmark* dia, dia punya *bottom line*. Jadi, kalau *bottom line* dia, dia punya parameter itu betul untuk mengatakan bahawa ekonomi kita ini berdaya maju kita kena terima itu sebagai satu hakikat.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi yang melanda Amerika Syarikat sedikit sebanyak telah menjejaskan ekonomi dan pasaran saham di seluruh dunia. Ia

juga telah memberi kesan ke atas ekonomi Malaysia, kerana Malaysia mempunyai nilai perdagangan yang tinggi dengan Amerika Syarikat. Bagaimanapun kerajaan negara itu telah mengambil langkah segera dengan melancarkan pakej rangsangan ekonomi jangka panjang pada 7 Januari lalu. Presiden Amerika Syarikat telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi untuk sepuluh tahun bernilai 2.56 trilion yang antaranya beliau mencadangkan pemotongan cukai berjumlah sehingga 349.6 juta daripada pembayar cukai.

Sehubungan itu, penganalisis ekonomi menjangkakan Malaysia akan hanya merasai kesan pakej rangsangan ekonomi itu tahun depan. Pakej rangsangan ekonomi Amerika akan memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi global terutama sekali rantau ini kerana Amerika Syarikat merupakan pasaran terbesar untuk produk Asia dan Amerika Syarikat merupakan rakan dagang utama Malaysia serta negara-negara Asia yang lain. Pakej rangsangan itu juga dijangka memberikan kesan positif kepada BSKL memandangkan Amerika Syarikat menggalakkan perbelanjaan pengguna di bawah pakej berkenaan dan Malaysia mengeksport banyak produk ke negara itu. Pada masa yang sama pakej rangsangan ekonomi Amerika Syarikat itu bersama dengan pakej rangsangan ekonomi domestik yang diperkenalkan oleh kerajaan sebelum ini dijangka mampu meningkatkan indeks komposit BSKL menjelang tahun depan. Pendekatan yang digunakan oleh Amerika Syarikat dan Malaysia melalui pakej rangsangan ekonomi itu diyakini memberi kesan positif kepada ekonomi global.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengalu-alukan cadangan untuk menggabungkan biro perantaraan bank dengan biro pengantaraan insurans untuk diletakkan di bawah satu entiti baru. Kita berharap Bank Negara Malaysia segera menyemak cadangan itu dan membuat satu ketetapan berhubung perkara ini kerana entiti baru hasil penggabungan itu akan berfungsi sebagai penimbang tara pertikaian terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank dan syarikat insurans. Entiti baru itu juga menimbang tara perkhidmatan lain yang ditawarkan institusi di bawah seliaan Bank Negara termasuk perbankan Islam Takaful dan institusi kewangan pembangunan.

Cadangan penggabungan itu juga dikatakan merangkumi kemungkinan melebarkan lagi skop aduan dan had yang boleh ditimbangtara entiti yang baru itu nanti. Adalah tepat pada masanya bagi Biro perantara bank yang sudah lapan tahun beroperasi untuk dikaji semula fungsi serta skop kegiatannya. Ia ditubuhkan oleh pengusaha industri perbankan dan perkhidmatan kewangan bagi mewujudkan senario lebih baik dalam urusan perkhidmatan kewangan di negara ini.

Biro itu boleh menyelesaikan tuntutan tidak lebih 25,000 sementara biro perantaraan insurans ditubuhkan pada tahun 1991 oleh peserta industri insurans bagi menyelesaikan aduan dengan tuntutan tidak lebih 300,000.

Sektor berasaskan pelancongan menyumbangkan pendapatan yang cukup yang besar kepada ekonomi negara ini, melalui pertukaran asing. Langkah kerajaan meletakkan sektor pelancongan sebagai sektor keutamaan dalam menyumbangkan pendapatan kepada negara adalah tepat, walaupun sektor pelancongan dikatakan mengalami kejatuhan berikutan kebimbangan terhadap risiko berlakunya keganasan khususnya selepas kejadian serangan 11 September di New York. Ia dilihat hanya bersifat terpilih dan mungkin hanya untuk tempoh jangka waktu sahaja.

Ini terbukti apabila tahun lalu negara mencatat jumlah kedatangan pelancong dengan angka tertinggi iaitu 13.29 juta, meningkat lebih 4% berbanding tahun sebelumnya. Tahun 2001 bilangan pelancongan ke negara ini hanya berjumlah 12.77 juta orang. Peningkatan itu adalah satu pencapaian bagi negara selepas hanya 5.5 juta pelancong melawat negara ini pada tahun 1998, berikutan kegawatan ekonomi dan publisiti negatif daripada media asing terhadap negara ini.

Peningkatan jumlah pelancong itu juga disebabkan oleh promosi yang lebih berkesan yang dijalankan terutama di kalangan negara di Asia Tenggara dan di Asia. Mengikut statistik Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, bilangan pelancong tertinggi terdiri daripada pelancong Singapura iaitu seramai 7,547,721 orang. Ia diikuti oleh pelancong Thailand seramai 1,166,000 orang; Indonesia seramai 769,000 orang; China, 557,000 dan Jepun, 354,000 orang.

Selain kehadiran pelancong ke negara ini, terdapat kira-kira 7.5 juta pelawat harian yang datang ke negara ini tahun lalu, dengan warga negara Singapura dicatat paling ramai iaitu 5,700,000 orang. Dilaporkan juga Malaysia mula menjadi tarikan bagi

pelancong dari Timur Tengah kerana beberapa faktor termasuk kesukaran mereka mendapatkan visa untuk negara-negara Eropah khususnya selepas peristiwa 11 September.

Tahun lalu negara mencatat kedatangan pelancong dari Timur Tengah seramai 1.3 juta orang. Pada tahun 1999 bilangan pelancong dari Timur Tengah hanya seramai kira-kira 20,000 orang meningkat kepada 50,000 pada tahun 2000 dan meningkat lagi kepada 114,000 pada tahun 2001.

Dalam hal ini saya mencadangkan agar kerajaan memberi keutamaan kepada usaha meningkatkan kemudahan pengangkutan udara dari destinasi tertentu ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih. Berikutan minat dan kecenderungan yang tinggi di kalangan pelancong Timur Tengah untuk ke negara ini, adalah wajar kerajaan mencari jalan memperbanyakkan lagi perkhidmatan udara ke negara ini. Selain itu, usaha untuk menggabungkan semua syarikat dan agensi-agensi pelancongan yang beroperasi secara berasingan perlu digerakkan dengan segera. Ia bagi memastikan usaha

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, hendak beri jalan kepada dia atau tidak?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sekejap sahaja lagi. Ia bagi memastikan usaha mempromosikan produk pelancongan Malaysia di peringkat global dapat dijalankan secara lebih berkesan. Langkah penggabungan itu adalah mengambil konsep seperti kerajaan mengarahkan penggabungan institusi perbankan tempatan dengan menetapkan jumlah syarikat atau agensi pelancongan teras. Langkah itu juga dilihat mampu memberikan kesan positif kepada industri pelancongan di negara ini, selain memudahkan pihak kerajaan memantau kegiatan syarikat atau agensi pelancongan yang beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, ketika kegawatan ekonomi melanda negara pada tahun 1997/1998 yang lalu, kerajaan telah mengamalkan dasar berjimat cermat dan berhemah dalam berbelanja. Semua agensi kerajaan diarah supaya mengawal perbelanjaan dan keutamaan mengelakkan pembaziran. Walau bagaimanapun,, langkah itu dilihat hanya diamalkan dalam tempoh tertentu sahaja, sebaliknya selepas ekonomi kembali pulih dan stabil, langkah kawalan dan penjimatan di semua agensi kerajaan tidak begitu dititikberatkan lagi.

Kita melihat dasar perbelanjaan berhemah di semua agensi kerajaan wajar diamalkan setiap masa tanpa mengambil kira situasi ekonomi negara. Ianya adalah selaras dengan tuntutan agama Islam yang menganjurkan amalan berjimat cermat dalam segala hal.

Sementara itu banyak juga sumber-sumber ekonomi negara ini tidak dijaga dengan baik sehingga membawa kerugian kepada negara. Contohnya, baru-baru ini dilaporkan negara mengalami kerugian sumber perikanan kira-kira RM1 bilion setahun berikutan pencerobohan kapal-kapal nelayan asing di perairan negara.

Pihak Jabatan Perikanan menjangkakan angka kerugian itu akan terus meningkat jika langkah-langkah pencegahan awal tidak dilakukan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kerugian dalam jumlah yang begitu besar dari segi perikanan negara itu perlu

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan dahulu.

Kerugian dalam jumlah begitu besar dari segi sumber perikanan negara itu perlu dipandang serius kerana masalah pencerobohan kapal-kapal nelayan asing, itu bukan sahaja mendatangkan kerugian kepada ekonomi negara ...

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat, ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: malah boleh mengancam keselamatan nelayan tempatan.

Justeru selain berharap kerajaan mengambil langkah proaktif menangani masalah kerugian sumber ekonomi negara itu, kerajaan juga disaran akan mengenakan hukuman yang lebih keras termasuk meningkatkan hukuman denda ke atas mereka yang menceroobh perairan negara.

Saya juga mencadangkan agar kerajaan mewartakan sumber perikanan sebagai harta negara dan pada masa yang sama, nelayan asing yang menangkap ikan di perairan kita dianggap bukan sahaja sebagai penceroboh

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:sebagai penceroboh negara, malah dianggap sebagai perompak khazanah negara. Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ya terima kasih. Saya macam bertuah Tuan Yang di-Pertua, dapat pilihan ini. Laju sangat, saya tadi hendak masuk tentang pelancongan, sudah sampai kepada perikanan ini. Fasal saya tertarik fasal orang Arab ini 22 buah negara. Kalau kita tumpukan kepada Arab, kita tumpukan kepada India, kita tumpukan kepada China, orang Indonesia kata: "Lumayan Pak," fasal dia punya hasil.

Tetapi perikanan ini saya masuk juga, saya bersetuju dengan Shah Alam ini menyentuh tentang khazanah kekayaan negara yang berada di perut atau yang berada di lautan. Yang di darat itu sudah fahamlah kita, di lautan itu minyak itu satu perkaralah, minyak yang kita punyalah yang di pantai Terengganu itu kita punya, bukan Terengganu punya, itu okaylah.

Dari segi perikanan ini, Malaysia sebuah negara yang mempunyai pantai yang terpanjang, lautan yang luas, kalau hendak dibandingkan dengan Thailand. Yang pelik, Thailand boleh sapu kita punya ikan dan dia jadi kaya raya kerana hasil lautan kita. Ini pelik bin ajaib punya kerja! Saya tidak tahu macam mana serius yang kita sepatutnya

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nantilah dahulu Shah Alam! Lailahailallah *[Ketawa]* Sudahlah hendak masuk tidak dapat, lepas dapat pun Yang Berhormat potong. Kalau pendek-pendek ini tidak berapa syok sangat, hendak panjang sedikit kita bercakap ini, hah. Tidak puas pendek ini dia punya ucapan ini. *[Ketawa]*

Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bolehkan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, boleh ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: You rehatlah, minum airlah, *mineral water* sudah dua botol itu, saya lihat separuh pun belum lagi ini, boleh sampai besok dia punya ucapan, saya ucap tahniahlah Pengerusi BBC ini memang hebat orangnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nama pun Shah Alam, nama pun hebat, orang pun hebat, jawatan pun hebat, ucapan

Beberapa Ahli DAP: Elehhh!

Seorang Ahli: Apa ini? Apa yang kecoh-kecoh ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya dapat kebenaran Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun tidak kacau saya, you kacau apa dah? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, ini serius, ini serius! Ini soalan. Kita mempunyai pantai yang paling panjang termasuk Sabah dan Sarawak. Dan lautan kita memang mempunyai kekayaan yang hebat sebenarnya. Sepatutnya kalau kita manfaatkan harta ataupun khazanah perikanan kita, lautan yang di tepi pantai Timur Barat Semenanjung dan juga di Sabah, Sarawak, saya rasa kita pun dapat hasil yang lumayan, tambahan kepada tabung perbendaharaan kita daripada hasil ini. Jadi saya tengok kita tidak begitu sangat serius. Soalanlah ini.

Jadi, macam mana pandangan Ahli Yang Berhormat untuk kita dapat menimba, mengambil, mengumpul dan mengaut keuntungan daripada khazanah, daripada kita dirompak atau diambil. Saya tidak hendak menuduhlah, tetapi nelayan-nelayan daripada negara-negara lain mendapat faedah keuntungan yang luar biasa dia punya jumlah.

Jadi, saya harap pihak kementerian dan pihak-pihak yang berkenaan harus mengambil kira khazanah kekayaan ini, supaya jangan kita terus rugi, saya rasa berbilion setiap tahun ini. Jadi, saya minta pandangan ketua sayalah, Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya. Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita rugi setiap tahun hampir RM1 bilion juta, tetapi apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, satu perkara yang relevan, kadang-kadang tidak masuk di akal. Daripada segi keluasan laut negara Thailand dengan Malaysia, Malaysia punya lebih luas tetapi kadang-kadang kita kena beli ikan daripada Thailand Tuan Yang di-Pertua. Hah, yang itu kita kena jawab.

Jadi, adakah kerana kita tidak jaga khazanah negara ini, bukan hanya milik kerajaan, pembangkang juga pun ada hak kepada khazanah negara ini dan saya rasa yang terutama negeri pembangkang ini, di Terengganu, di Kelantan, dia lebih terdedah kepada ini. Jadi, kalau usaha kerajaan, kalau saya ketengahkan perkara ini, yang ini semua kena sokong.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia, kita berasa cukup bangga, ini Menteri Luar Negeri ada di sini dengan pencapaian negara di peringkat antarabangsa. Sebagai sebuah negara kecil yang dahulunya tidak dikenali di mata dunia, Malaysia hari ini berdiri megah sebaris dengan negara-negara besar, malah lebih membanggakan apabila pandangan yang dikemukakan oleh pemimpin negara ini di peringkat antarabangsa sama ada melalui forum atau sebagainya sering mendapat perhatian dan didengari oleh negara lain.

Pada masa yang sama juga pandangan negara khususnya daripada Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sering dinanti-nantikan dan dirujuk oleh pemimpin-pemimpin negara lain sama ada di peringkat serantau mahu pun di luar rantau.

Beberapa Ahli Pembangkang: Hooo!

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang tidak hendak dengar di sebelah sini sahaja. *[Sambil menunjuk di Blok F]* Sejak lebih sedekad lalu, Malaysia banyak menjadi tuan rumah kepada persidangan dan acara-acara besar membabitkan pertubuhan peringkat antarabangsa termasuk acara sukan bertaraf dunia dan benua. Antaranya sidang kemuncak negara-negara Komanwel (CHOGM), Sukan Komanwel, Kejohanan Hoki Piala Dunia Lelaki dan yang terbaru menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

Tidak lama lagi Malaysia sekali lagi bakal mencatat sejarah di peringkat antarabangsa apabila menjadi Pengerusi Mesyuarat Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) Oktober depan.

Kejayaan negara mengendalikan Sidang Kemuncak NAM dengan lancar amat membanggakan. Marilah kita memberikan satu penghargaan kepada rakyat, petugas-petugas, sukarelawan, kerajaan dan juga negara di atas kecemerlangan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading bangun pula itu ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Nanti sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak? Ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kita juga mengucapkan syabas dan tahniah di atas ucapan perasmian persidangan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang disifatkan begitu lantang. Sememangnya apa yang diucapkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir itu adalah menyuarakan apa yang benar untuk dilakukan oleh masyarakat dunia, jika mahukan keamanan dan kemakmuran dunia dikecapi sepanjang masa.

Kita berharap seruan bernas Perdana Menteri itu supaya mengharamkan peperangan diambil kira secara serius dan jangan sekali dipandang remeh, kerana itulah atas sebenar untuk mewujudkan situasi kehidupan aman dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang benar tetap benar, Tuan Yang di-Pertua, yang baik tetap baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak menyeru dengan penuh keikhlasan, sebagai pemimpin negara yang ulung, 23 tahun memerintah negara ini, membawa pembangunan dan kemajuan yang luar biasa, mendapat sanjungan dan pujian seluruh dunia, ucapannya dinanti-nantikan di pentas antarabangsa dan ia memberikan kesan yang mendalam. Boleh atau tidak Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam, macam mana caranya dan macam mana kaedahnya supaya seluruh rakyat Malaysia ini menghormati dan menyanjung jasa dan segala kebijaksanaan Dato' Seri Dr. Mahathir termasuk pembangkang?

Hai, pembangkang kata memperjuangkan Islam, Islam yang benar tetap benar, yang baik tetap baik dan Islam juga ialah satu agama yang menganjurkan kita berterima kasih dan menghargai. Boleh atau tidak agaknya macam mana dengan kebijaksanaan Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam mengajak pembangkang sedarlah hakikat sebenarnya, yang baik pujilah, ini kutuk sepanjang masa, takkanlah tidak ada hati perut yang begitu murni dalam tubuh badan pembangkang-pembangkang sehingga tidak dapat hendak membezakan antara yang baik dengan tidak baik. Macam mana Ahli Yang Berhormat? Cuba saya minta sedikit komen dari Ahli Yang Berhormat sementara yang pembangkang ini boleh mendengar nampaknya ucapan Ahli Yang Berhormat yang sulung kali ini. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Parit Sulong ini. Kadang-kadang kita kena ada....

Beberapa Ahli: Sri Gading, Sri Gading!

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sri Gading. Kita kena ada minda yang terbuka. Kalau benda itu baik, kita katakan baik. Kalau benda itu tidak baik, kita bagi kritikan dan kita cari formula bagaimana hendak menyelesaikannya. Takkanlah dalam diri kita ini semuanya yang baik ataupun yang dalam diri kita ini semua yang tidak baik. Tentulah ada kebaikan daripada kita. Kalau hendak katakan ada kelemahan, mesti ada kelemahan. Manusia mana yang tidak ada kelemahan. Pentadbiran kerajaan mana yang tidak ada kelemahan.

Tetapi kalau kerajaan pentadbiran itu memberikan kebaikan kepada umat, kita wajib memberikan sokongan dengan bersuara di pentas dunia menentang peperangan. Bukankah itu satu ibadah? Kalau itu pun hendak dianggap sebagai satu retorik politik, payahlah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Duduklah Syed Azman.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Daripada seruan mengharamkan peperangan itu juga....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kita boleh mengambil....

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu, dia tidak bagi jalan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi jalan. Daripada seruan mengharamkan peperangan itu juga, kita boleh mengambilnya sebagai iktibar bahawa dalam semua perkara kita perlu mengelakkan konfrontasi untuk mencapai satu kejayaan yang bermakna. Contohnya untuk membangunkan negara, kita tidak perlu bertelagah atau membangkang atas dasar politik sempit. Biarlah kita membangkang dengan cara yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak, kerajaan mahupun pihak pembangkang.

Dalam bahasa moden, berniaga, Tuan Yang di-Pertua, dia panggil *win-win situation*. Kita tidak hendak *lose-lose situation*. Kalau perang, *lose-lose situation*.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Terengganu bangun ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *Later, later, later.*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini hendak *win-win* kah, hendak *lose-lose*?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *Win-win.*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ha?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak, saya hendak tanya dia. Dia hendak *win-win situation* kah, hendak *lose-lose* itu?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *Win-win.*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, sudah Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya bagilah, saya bagilah....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari segi konsistensi kita. Adakah kita konsisten dari segi keamanan sejagat yang diuar-uarkan ini kerana saya difahamkan Malaysia telah mengadakan latihan ketenteraan yang dinamakan Kerjasama Latihan Persiapan Laut ataupun dengan kata karat yang dihadiri oleh 1,400 orang tentera marin Amerika, tentera darat Amerika dan tentera elit Amerika, mengadakan latihan di Malaysia dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa Malaysia juga membenarkan ruang udara Malaysia digunakan oleh tentera dan kapal-kapal terbang perang Amerika dan sekurang-kurangnya 1,000 kali setiap tahun, kapal-kapal perang ataupun kapal-kapal terbang Amerika terbang melalui ruang udara Malaysia dan saya yakin serangan ke atas Iraq ini, Malaysia juga akan dijadikan *launching pad* untuk latihan... [*Disampuk*] Dan juga ruang udara itu sendiri.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini yang hebatnya pembangkang, Tuan Yang di-Pertua. Dia pandai buat *pre-emptive* ini. Dia punya *pre-emptive* dalam pemikiran. Kita bercakap tentang keamanan. Dia bercakap kita buat latihan pula. Kita ada *defense back*, perjanjian pertahanan di antara Malaysia dengan Singapura, Australia, New Zealand dan UK. Ini bukan perkara yang baru. Sudah lama benda ini wujud dan ia bukan pertama kali ada latihan. Askar kita semasa aman pun, dia kena berlatih, masa perang apatah lagi.

Jadi, kalau ini merupakan satu perkara yang berhubung-kait dengan latihan, yang hendak dikaitkan dengan kita tidak konsisten memperjuangkan keamanan, ini satu, orang kata yang tidak logik, yang saya tidak boleh hendak terima *argument* ini sebab ini, saya ingat Yang Berhormat kena balik jadi profesor balik di universiti. Kalau profesor di universiti, dia pandai sebab dia dapat benda yang fakta dalam akademik itu

dia ajar yang baik tetapi bila dalam politik, tambah lagi politik pembangkang, rosak. Jadi, saya ingat Dr. Syed Azman ini tukar profesion balikkah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, masih tidak.....

Beberapa Ahli: Kuala Terengganu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ha, Kuala Terengganu ini. Minta maaf. Kemaman dia tadi semua cekap. Kalau tengok muka dia, *handsome*, lawa, cuma..... Semua lawa, semua cukup, lengkap. Macam tadilah kalau kita cakap tentang ekonomi kita semua lengkap tetapi dia dok cari yang tidak lawa juga. Yang tidak lawa dekat rambut dia sedikit, belum tumbuh lagi. *[Ketawa]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Apa lawak? Saya kata Kemaman *handsome*....

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak, tidak, saya kata Kemaman *handsome*. *[Disampuk]* Saya tidak kata Kemaman tidak *handsome*. *[Menyampuk]* Tidak, saya kata Kemaman *handsome*. Tidak ada sebut pun saya kata

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:Kemaman tidak *handsome*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila, sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya cakap tentang ekonomi yang cantik...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Dia dok cerita beberapa orang mufliis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Macam saya cakap.... *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Shah Alam, sila teruskan ucapan Yang Berhormat ya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ha, Menteri Luar Negeri pun *handsome*.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tanya Menteri Luar Negeri, dia *handsome* atau tidak *handsome*? *Handsome* tetapi atas dia *handsome* berkilat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, sudah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Itu yang hebat dia itu. *[Ketawa]* Ha, itu yang hebat itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah, cukuplah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Menteri Luar Negeri kita hebat. Orangnya cukup hebat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya ikut beliau, Tuan Yang di-Pertua, di New York, memang hebat. Lain kali saya cerita dalam Dewan betapa kehebatannya....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:Menteri Luar Negeri kita itu *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, masih tidak terlewat bagi kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas kejayaan mempertahankan kedaulatan wilayah kita di Pulau Sipadan dan Ligitan *[Tepuk]* Selepas Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau ICJ memutuskan Malaysia sebagai pemilik sah pulau berkenaan. Tahniah juga diucapkan kepada

pasukan yang dilantik oleh kerajaan bagi mengendalikan kes tuntutan itu dengan profesional sehingga meyakinkan pihak ICJ.

Kita juga merasa bersyukur kerana selepas ICJ memutuskan kes tuntutan itu, hubungan negara kita dengan Indonesia yang tewas dalam tuntutan mereka masih kekal baik tanpa sebarang ketegangan. Ini jelas menunjukkan hubungan antarabangsa kedua-dua negara sudah mencapai kematangan.

Sementara itu dalam soal hubungan diplomatik dengan Singapura, kita melalui terlalu banyak pengalaman pahit sehingga negara kita sering menjadi mangsa tohmahan dan tuduhan yang tidak berasas yang dilontarkan oleh negara jiran itu dengan pelbagai isu tertangguh yang boleh disifatkan sebagai duri dalam daging, menyebabkan negara kita terpaksa berhadapan dengan situasi ketegangan dengan republik itu. Ia termasuk keceluparan sayap kanan Pemuda Parti DAP negara itu yang mencadangkan peperangan ke atas Malaysia bagi menyelesaikan semua isu tertangguh.

Paling baru, Singapura juga bersikap celupar apabila menyifatkan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai seorang penglipur lara, ekoran pendedahan Dato Seri Dr. Mahathir mengenai rancangan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua orang bangun.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Maknanya pembangkang ini setujulah ya. Ha?

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua orang bangun di belakang.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak payahlah. Saya hendak bercakap dengan orang yang sempit pemikiran ini, tidak payahlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Belakang boleh. *[Ketawa]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ha, bagi Bung sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Ini berhubung dengan isu antara Malaysia dengan Singapura. Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ketua *backbencher* kami, pembentangannya begitu hebat. Menteri pun mungkin boleh kalah dengan pembentangan beliau *[Ketawa]*

Apakah Yang Berhormat berhasrat untuk mencadangkan kepada kerajaan untuk mengkaji hubungan dua hala antara Malaysia dengan Singapura memandangkan Kerajaan Singapura ini begitu biadab terhadap jiran mereka berhubung dengan isu-isu serantau? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Soalan dari Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini, bagi pihak Dato' Menteri ini, kalau boleh saya jawab, saya jawab ya *[Ketawa]* Tetapi sebenarnya hubungan dua hala ini adalah perhubungan dua hala yang senantiasa dikaji melalui pelbagai fasa. Sebenarnya, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, kita Kerajaan Malaysia tidak pernah bergaduh pun rakyat Singapura.

Tetapi dalam isu yang berhubung-kait dengan pelancongan, saya sebut dalam lawatan harian, rakyat Singapura yang masuk ke Malaysia hampir ke lima, enam juta satu hari dan kalau negara itu maju, maka dia akan memakmurkan kita. Apa yang kita tidak hendak terima ini ialah cara bagaimana sesetengah pemimpin di Singapura mengendalikan isu-isu yang tertangguh berhubung-kait dengan hubungan dua hala. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang kita hadapi.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak bagi jalan ini?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya melihat bahawa segala kerenah....

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:Yang dicetuskan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kena jawab tahu, kalau hendak beri jalan.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya hendak habiskan Singapura ini, selepas itu saya bagi peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya? Bagi saya sekejap. Saya minta laluan sekejap, okey. *[Ketawa]* Dulu dia minta laluan, sekarang ini saya minta laluan sekejap. Okey, Tuan Yang di-Pertua, *no problem*.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya melihat bahawa segala kerenah yang dicetuskan oleh Singapura adalah semata-mata untuk membantutkan kemajuan negara kita, sekali gus akan menyebabkan kita tidak dapat menandingi negara itu. Singapura sebenarnya amat takut akan kehilangan *status quo* mereka sebagai sebuah negara yang paling maju di rantau ini.

Singapura juga cemburu dengan kejayaan yang dicapai oleh negara kita, khususnya kemajuan yang dibawa oleh kerajaan seperti pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur atau KLIA, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Menara Berkembar Petronas, Koridor Raya Multimedia dan sebagainya. Ini semua membuatkan Singapura merasa terganggu dan amat takut jika Malaysia mengatasi ataupun menyaingi pencapaian mereka selama ini.

Dalam hal ini, kita mengharapkan agar kerajaan mengambil sikap tidak melayan kerenah yang ditimbulkan oleh negara itu. Saya beranggapan jika kita terus melayan kerenah Singapura, seolah-olah kita melayan orang yang bodoh sombong yang sememangnya susah untuk dibawa berunding. Bak kata orang tua-tua, "*Bodoh tidak boleh diajar, cerdik tidak boleh hendak diikuti*". Jadi, lebih baiklah jangan kita layan.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Macam saya tidak hendak layan Kubang Kerian. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pepatah Melayu yang begitu berkesan untuk kita teladani ialah 'burung terbang, jangan dipipiskan lada' dan 'mendengar guruh di langit, air tempayan dicurahkan'.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak ini?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya sudah tidak hendak layan, tidak bagi jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bagi jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Pepatah ini digunakan lebih kepada sinonim...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya nanti panggil Peraturan Dewan. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Apa hal? *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang ini minta ampun, Sri Gading, tidak bagi jalan. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sepatah lagi....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *This is my floor*, Tuan Yang di-Pertua. Apa pulanya? Saya bercakaplah. *You* hendak dengar, *you* hendak kacau pasal apa?

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, sila, sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat baca..... hendak jadi....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi jalan. Satu lagi pepatah Melayu yang begitu berkesan untuk kita teladani ialah 'burung terbang, jangan dipipiskan lada' dan 'mendengar guruh di langit, air tempayan dicurahkan'. Pepatah ini sering digunakan lebih kepada sinonim ekonomi dan rezeki. Tetapi hari ini saya mahu menggunakannya untuk menilai pihak-pihak yang bersikap hanya tahu memandang keluar, seolah-olah yang luar itu baik dan yang dalam itu masam, berulat dan menjijikkan.

Perkembangan di Turki hari ini menjadi rujukan atau ikutan yang begitu diberikan perhatian oleh setengah daripada rakyat kita, termasuk yang berada di Dewan yang mulia ini. Saya mendapat tahu ada sebilangan daripada kita menghadiri persidangan Parlimen di negara itu baru-baru ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya bagi Sri Gadinglah sekejap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha, terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Tentang hubungan Singapura-Malaysia....

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Biar saya cerita sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri Luar Negeri tidak ada ya. Saya ganti dialah sekejap *[Ketawa]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya cerita, saya ceritalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak jelaskan, kita sentiasa ingin terus berbaik-baik dengan rakyat Singapura...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terus soalan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, saya terus ini, saya terus. Kita sentiasa ingin berbaik-baik dan terus bermesra dengan rakyat Singapura. Yang kita

hendak kutuk ini, Kerajaan Singapura yang biadab yang tidak pernah menghormati jirannya, Malaysia. Macam-macam kerenah dia buat. Dan kita, *alhamdulillah*, pemimpin kita sentiasa berkepala dingin, sentiasa bertolak-ansur, sentiasa menghormati hak jiran, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan Malaysia yang begitu rasional...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Apa yang hendak ditanya itu ya?

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalannya, ini sampai, sampai... [Ketawa] Dua tiga bulan yang lalu memang sengaja Kerajaan Singapura dan parti DAPnya membuat perkara-perkara yang hendak memarak atau membangkitkan kemarahan kita, kita tahu, apabila kita bertindak, ada reaksi kita melawan, hari ini Singapura punya taktik kerana Singapura, kerajaannya penuh dengan taktik. Hari ini Singapura mengambil taktik dia yang 'bertenang'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalan? Soalan sampailah ini. Bertenang. Saya hendak cerita latar belakang isu Singapura ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah Yang Berhormat, sudah fahamlah tu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia bertenang. Bertenang ini sebenarnya dia hendak meredakan keadaan dan masa yang diambil dalam bertenang ini sebenarnya menguntungkan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jadi, bersetuju, bersetujulah ya Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bertenang ini sebenarnya dilihat daripada luaran seolah-olah Singapura itu sudah nampak begitu baik tetapi sebenarnya bertenang itu hendak memanjangkan masa dan masa yang digunakan dalam bertenang dan masa seluruhnya sebenarnya menguntungkan Singapura, dan saya hendak mengingatkan Kerajaan Malaysia bahawa bertenang Singapura itu sebenarnya satu taktik hendak menguntungkan mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Jadi kita jangan ikut perangai Singapura. Bertenang. Kita minta Yang Berhormat bagi Sri Gading dan saya semua supaya bertenang sedikit. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada perkembangan di Turki yang pada hari ini menjadi rujukan atau ikutan yang begitu diberikan perhatian oleh sesetengah daripada rakyat kita termasuk yang berada dalam Dewan yang mulia ini. Saya mendapat tahu ada sebilangan daripada kita menghadiri persidangan Parlimen negara itu baru-baru ini. Maka kembalinya mereka ke negara ini mereka berteriaklah ke seluruh negara bahawa Islam sudah kembali menyegar di bumi Allah ini. Malah ada yang mengatakan dalam pilihan raya Turki baru-baru ini, PAS Turki menang atau UMNO Turki kalah. [Tepuk] Ha, itulah tu, dia sambutlah tu. [Menunjukkan kata-kata kepada beberapa ahli pembangkang yang bertepuk]

Parti Keadilan dan Pembangunan (AK) yang berlandaskan Islam dikatakan PAS Turki sementara UMNO Turki ialah parti-parti sekular lain. Ini dia punya definisi. Maka bersoraklah mereka ini ke seluruh kampung bagaikan kemenangan itu kemenangan mereka sambil menghina dan mencerca orang lain. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh melarang sesiapa pun di bumi Malaysia ini tertarik dengan apa yang ada di luar. Namun satu perkara yang tidak baik ialah kita sanggup memburuk dan menuduh orang lain sebagai sekular, tidak Islam dan menentang Islam.

Berbalik kepada pepatah "burung terbang dipipiskan lada", tadi saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada apa yang berlaku sekarang. Dalam kita mengatakan tidak gemar dengan peperangan, kita menentang kuasa besar mahu menyerang Iraq dan dalam kita bersembahyang hajat memohon Allah melindungi agar

kanak-kanak, orang-orang tua serta semua rakyat Iraq tidak mendapat bala. Begitu juga laporan dalam *Berita Harian* pada 24 November 2002 yang memetik Sheikh Yusof Qardhawi: “Tindakan melawan askar Amerika yang menyerang adalah jihad yang sah di sisi undang-undang. Kematian seseorang yang mempertahankan Iraq adalah mati syahid kerana ia tindakan mempertahankan negara Islam daripada musuh-musuh yang melakukan keganasan.” Mufti Besar Al-Azhar, Sheikh Muhamad Syed Tantawi berkata “Sebarang cubaan menghalang Amerika Syarikat mengganas di Iraq, melawan kekerasan adalah satu jihad, dan perbuatan melawan kekerasan itu adalah kewajipan bagi setiap orang Islam. Adalah menjadi tugas agama menyokong Iraq melawan pihak yang mahu mengancam negara ini.”

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala apabila terlalu emosional atau dalam bahasa lebih kasar – taksud, kita tidak mampu melihat nilai-nilai murni kita sendiri yang begitu halus dan jitu yang dipancarkan oleh pemimpin kita dalam krisis penting seperti isu Iraq ini. Terserahlah kepada budi bicara mereka yang menyokong bermati-matian pemimpin Turki ini. Tetapi itulah hakikatnya. Jangan menuduh orang lain tidak mengetahui keadaan di luar tetapi bagi saya jika dalaman itu jitu dan baik, akuilah ia baik dan jangan cepat menjadi orang yang boleh diibaratkan sebagai “kacang lupukan kulit”.

Cuma agak pelik sedikit, Tuan Yang di-Pertua, *benchmark* mereka yang sekarang ini menyokong Turki ialah dulu mereka adalah penyokong Iran, segala-galanya Iran termasuk revolusinya, tetapi kini apabila Iran mula terbuka dan menerima persahabatan dengan Barat dan negara-negara Eropah, mereka berpindah sebentar ke Afghanistan. Itu pun tidak lama, mungkin kerana hangat-hangat tahi ayam, atau merasakan perjuangan mereka, yang disanjung mereka tidak ke mana-mana, kini mereka beralih angin pula ke Turki.

Sedar atau tidak sedar, Turki ini berbanding dengan sepuluh negara dari bekas blok Soviet yang sudah dan akan diterima masuk ke dalam Kesatuan Eropah (EU) tanpa banyak soal, Turki dihadang dengan pelbagai masalah hendak memasukinya. EU meletakkan berbagai syarat, dari satu syarat kepada syarat yang lain. Bekas Presiden Perancis dan kini bertugas sebagai Ketua Konvensyen Perlembagaan EU beberapa bulan lalu menyatakan bahawa menerima masuk Turki bererti terhakisnya ciri-ciri Eropah. Tetapi pemimpin Turki ini sangat mahu menyertai Eropah sedangkan pemimpin mereka mengatakan mereka Islam. Selain itu Turki sering bertindak menurut keutamaan dan kepentingan Amerika Syarikat, dan salah satu tindakan yang kita begitu sungguh mengejutkan ialah pengiktirafan terhadap negara Israel sejak awal-awal penubuhan Israel lagi. Tanpa pengiktirafan itu kenapakah tidak diubah pengiktirafan itu.

Tuan Yang di-Pertua, bulan Oktober nanti Malaysia bakal menjadi tuan rumah kepada mesyuarat Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC). Apa yang diharapkan satu kata putus dapat dicapai sebulat suara di kalangan pemimpin negara anggota dalam usaha mempertahankan umat Islam dan negara-negara Islam daripada terus dijadikan bahan mainan politik oleh kuasa-kuasa Barat. Kita amat kesal dengan rentetan sejarah keganasan oleh rejim Israel di bumi Palestin yang telah mengorbankan lebih sejuta umat Islam di negara itu walhal keganasan itu sebenarnya dinaungi dan dilindungi oleh Barat.

Kita juga kesal apabila rejim Amerika bersikap *double-standard* dalam menangani isu dua negara antara Iraq dan Korea Utara mengenai pemilikan senjata pemusnah. Dalam isu serangan ke atas Iraq, hujah kita cukup mudah dan seharusnya meyakinkan semua pihak khususnya Amerika dan sekutu-sekutunya. Sebarang serangan ke atas Iraq tanpa sebarang bukti wajar yang boleh meyakinkan masyarakat antarabangsa akan menambah rasa tidak puas hati di kalangan umat Islam di seluruh dunia. Ini seterusnya akan mencetuskan permusuhan ketara di antara dunia Islam dan Barat, lebih-lebih lagi jika kezaliman terhadap rakyat Palestin berterusan tanpa penyelesaian.

Amerika Syarikat harus melihat ancaman keganasan bukan sahaja dari sudut kepentingan nasionalnya tetapi untuk keselamatan dunia dan manusia sejagat. Sebab itu seluruh dunia termasuk negara Islam menyokong, malah bekerjasama dengan Amerika bagi membanteras keganasan. Ia bukan semata-mata takut kepada kuasa besar itu tetapi banyak negara termasuk kita di Malaysia percaya bahawa perlunya kerjasama membanteras keganasan antarabangsa. Malangnya Amerika pula menjadi paksi kepada keganasan dan mempunyai agenda sulitnya memerangi umat Islam dan dunia Islam. Justeru, sebarang tindakan ketenteraan oleh Amerika terhadap Iraq tanpa

restu PBB akan dilihat oleh umat Islam sebagai permusuhan oleh Barat, seperti kenyataan Perdana Menteri yang menyifatkan Barat sebenarnya yang bertindak memerangi Islam dan masyarakatnya.

Dalam suasana begini, kerajaan negara-negara Islam akan menghadapi kesukaran untuk meyakinkan rakyatnya tentang kerjasama mereka dengan Barat dalam memerangi keganasan. Apa yang berlaku di Afghanistan sudah cukup memilukan umat Islam di seluruh dunia. Janji-janji Barat untuk membangunkan negara itu selepas menjatuhkan kerajaan Taliban hanya bersifat janji-janji kosong. Rakyat Afghanistan kini hidup dalam keadaan amat menyedihkan dengan kekurangan makanan dan keperluan asas yang lain. Itulah hakikat yang kini dihadapi oleh rakyat Afghanistan apabila terpaksa menanggung kesusahan akibat peperangan yang dipaksakan ke atas mereka. Oleh itu peperangan tidak seharusnya berulang di Iraq atau di mana-mana sahaja di dunia ini.

Sekali lagi saya berharap mesyuarat OIC nanti menggunakan peluang sebaik mungkin untuk mendesak negara Barat menghentikan kecenderungan sikap mereka yang dilihat amat prejudis terhadap umat Islam dan negara Islam. OIC perlu meyakinkan Barat bahawa bahaya peperangan lebih besar bakal tercetus di dunia jika mereka terus bersikap demikian. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warganegara kita di atas keprihatinan mereka dengan melibatkan diri dalam "Kempen Keamanan Malaysia" sehingga berjaya mengumpul lebih sejuta tandatangan. Ia jelas menunjukkan bahawa sesungguhnya rakyat negara ini amat cintakan keamanan dunia sejagat. Bagi yang enggan, biarkan mereka dengan sikap mereka, biarlah "si Luncai terjun dengan labu-labunya, biarkan, biarkan".

Tuan Yang di-Pertua, abad ke-21 adalah era penting bagi negara. Dalam tempoh inilah Malaysia menetapkan sasaran menjadi negara membangun, bukan sahaja dari segi ekonomi dan pembangunan malah merangkumi semua aspek termasuk sosial. Dunia tanpa sempadan menuntut kita menguasai ilmu, kemahiran dan teknologi untuk bersaing dengan masyarakat negara lain. Tiada cara lain untuk mencapai matlamat ini selain meningkatkan pencapaian pendidikan negara. Justeru, kita perlu berani membuat perubahan termasuk terhadap dasar pendidikan supaya selari dengan keperluan semasa. Malangnya setiap perubahan terhadap dasar pendidikan yang dibuat sering mendapat tentangan. Lebih mengecewakan ada pihak yang cuba menanggung di air keruh dengan menjadikan isu pendidikan sebagai modal politik. Jika kita memikirkan nasib anak bangsa dan meletakkan pendidikan sebagai keutamaan, isu pendidikan tidak wajar dipolitikkan

Isu Sekolah Agama Rakyat atau SAR misalnya, menjadi bahan politik oleh pembangkang yang cetek dengan wawasan dan sering gagal merealisasikan fikiran untuk melihat anak bangsa mempunyai kekuatan dalaman dari aspek pendidikan yang sempurna. SAR adalah cabang pendidikan yang diberi tumpuan sekarang. Kini terdapat 260 SAR rendah dan menengah dengan 74,000 pelajar di dalamnya. SAR bukanlah di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan dan kebanyakannya tidak mengguna pakai kurikulum kebangsaan. Jika ada pun mungkin yang tidak berdaftar secara sah dengan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, pada awalnya SAR mungkin dilihat sebagai institusi yang menekankan pendidikan agama semata-mata kepada pelajarnya. Namun sejak lima tahun kebelakangan ini kerajaan mendapati SAR digunakan sebagai alat pihak tertentu menyemai sentimen anti-kerajaan dan pemimpin. Ia lari dari tujuan asal penubuhannya iaitu membentuk insan sejati. Bayangkan umur sekecil tujuh tahun dididik dengan budaya membenci. Apa akan jadi apabila mereka dewasa kelak, bak kata pepatah, "Kalau berguru kepalang ajar, ibarat bunga kembang tak jadi." Justeru, kerajaan berpendapat keadaan ini perlu dihentikan segera.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ramai yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tidak ada cara lain selain menghentikan bantuan per kapita SAR dan menyerap SAR ke aliran kebangsaan. Statistik Kementerian Pendidikan menunjukkan RM30 juta diperuntukkan kepada SAR sebagai

...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tapi yang sebetulnya saya tidak izinkan, saya tidak habis lagi subjek SAR ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Dia kena dengarlah apa yang saya hendak cakap tentang SAR ini, baru dia hendak ulas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Duduklah. Cukuplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih berdiri]*

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Bila orang belum habis cakap sudah hendak ulas. Itu yang masalah kita ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Saya kalau dia bagi saya bagi, tetapi dia tidak bagi. Sila duduk.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi laluan. Kalau dia dengar sampai habis, kalau dia hendak kemuka soalan, saya sedia *clarify*.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tetapi bila tak habis, dia bangun hendak bertanya soalan, dia hendak politikkan isu SARlah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh, Yang Berhormat. Tidak usah lawan dengan dialah, Yang Berhormat. Saya kata tak bagi, tak bagilah. Sebab dia tidak bagi, duduklah Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi laluan.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak usah, Yang Berhormat. Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia sudah tuduh macam-macam. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat bercakap nanti, cakaplah apa yang suka hendak bercakap.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, tidak bagi. Yang Berhormat duduklah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia kata Sekolah Agama Rakyat macam-macam *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Buat apa dengan saya? Saya hanya mempengerusikan. Dia tidak bagi, tidak bagilah Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Semua *backbenchers* *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Semua *backbenchers* [Bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tak kira apa itu, Yang Berhormat. Saya tidak berhak halang itu. Saya berhak mengengusikan mesyuarat, dia tidak bagi jalan, dia tidak bagilah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia tuduh [Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau Yang Berhormat hendak bercakap, duduk Yang Berhormat, duduk. Tak usah lawan saya Yang Berhormat. Dia tidak bagi, tidak bagilah.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak, saya tidak bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat melawan saya, tidak memberi apa-apa faedah. Itu tidak apalah Yang Berhormat cakap macam itu. Saya tidak bagi, duduklah Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kita tidak bagi dia nak bercakap juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya meminta dia, kalau dia benar, saya benarkan.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya kata saya tidak habis bercakap lagi. Dengarlah apa yang saya hendak bercakap baru hendak komen.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, duduklah. Saya tidak bagi jalan Yang Berhormat. Kalau dia bagi, saya bagi Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Ini saya tidak habis bercakap. Inilah masalahnya.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan soal dengan saya, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, usah lawan saya Yang Berhormat. Tidak ada makna, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Orang tidak habis bercakap dia hendak bertanya.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tidak ada, tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi. Dah dia tidak bagi macam mana saya hendak suruh buat soalan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia tuduh macam-macam. [Bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu bab lainlah. Saya tidak tahu yang itu.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat ada masa hendak bercakap, bercakaplah.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya tidak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak tahu Yang Berhormat. Itu bukan hak saya.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Nanti dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya bagi *warning* Yang Berhormat. Sila duduk, Yang Berhormat. Sila duduk!

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Lepas saya habis ini saya bagi peluang.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah tidak bagi hendak kata apa?

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Duduklah dulu, duduklah dulu. Apa ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya tidak bagi laluan. Saya hendak habiskan ucapan saya ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat, duduklah, dia tidak bagi Yang Berhormat. Duduk!

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih terus bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya minta maaf. Duduklah. Dia tidak bagi Yang Berhormat. Saya tidak kira yang itu Yang Berhormat. Dia tidak bagi Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sila duduk.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu pun sila duduk.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Kalau dia tidak duduk, saya panggil ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk, tak apa, tak apa.

Tuan Husam bin Haji Musa: Itulah[*Masih terus bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Masalahnya bila kita bercakap dia tak hendak dengar, dia tak dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pertikaikan apa Yang Berhormat, undang-undang mana Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Ha!!!

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia hendak guna peraturan kalau....[*Masih terus bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada. Saya tidak menggunakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini Parlimen. [*Masih terus bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak menggunakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak. Yang Berhormat Shah Alam tadi. [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, itu saya tak tahu, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Masih terus bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sikit-sikit hendak guna Peraturan Mesyuarat. Tidak boleh hendak mempertahankan hujah, guna peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk. Yang Berhormat bagi Shah Alam, sila teruskan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana berjaya mengawal keadaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bila kita hendak bercakap, dengar tidak mahu kerana perkara yang didengar tidak mahu sakit hati. Saya hendak menyebut di sini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak menentang SAR tetapi pelaksanaannya. Ia bertujuan menyedarkan SAR dan ibu bapa pelajar tentang kelemahannya. Dan yang lebih penting ia bertujuan untuk menyelamatkan pelajar Melayu yang selama ini ketinggalan dengan menawarkan mereka sistem pendidikan yang lebih baik, sistematik dan diiktiraf di sekolah kebangsaan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli dia tidak beri.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan agama. Tindakan ini bukan tindakan politik dan tidak harus dipolitikkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat, duduklah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ia bertujuan memastikan lebih 74 ribu anak bangsa ini mendapat hak mereka. Hak pendidikan yang sempurna dan berguna.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Amat rugi jika kita membiarkan pelajar yang berpotensi ini

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:...terbiar dalam satu sistem pendidikan yang tidak mampu menyediakan mereka dengan daya saing yang tinggi berbanding pelajar aliran sekolah kebangsaan.

Mengikut laporan, dalam seminggu di SAR masa pembelajaran komponen agama adalah 900 minit, manakala 1,160 minit pula di sekolah agama rakyat menengah. Di SAR rendah, mereka diajar sembilan subjek komponen agama iaitu mata pelajaran Tauhid, Fikah, Tafsir, Hadis Sirah, Bahasa Arab, Al-Quran, Akhlak dan Tulisan Jawi. Di samping itu juga subjek untuk peperiksaan seperti mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Di SAR menengah pula di samping mata pelajaran wajib untuk peperiksaan PMR dan SPM, Tauhid, Fikah, Sirah, Nahu, 'Sorrof', Khat, Tafsir Hadis, Bahasa Arab...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak pandai sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apalah Yang Berhormat duduklah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Mana ada mata pelajaran..

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk-duduk. 'Saraf' [*Dewan riu*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: 'Saraf', 'saraf'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat ini apa ini?

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli duduk lah.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: 'Saraf', 'saraf' salah sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Terengganu duduklah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sudah berapa jam ini, bila bercakap salah sebut pun Yang Berhormat hendak emosi...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kadang kita pun silap juga.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau saya tersalah sebut, saya minta maaf lah,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli, tidak usah buat perangai macam itulah. Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...Kalau itu pun Yang Berhormat hendak mengambil sebagai hendak menunjukkan orang ini lemah inilah saya katakan *typical* pemikiran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah cukuplah itu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Dengarlah dahulu kalau apa yang saya hendak cakap, kalau saya bercakap Yang Berhormat tidak setuju, saya tersalah sebut nahu, sebut apa Yang Berhormat hendak membuat satu tuduhan, hendak memberi sangkaan yang tidak betul, payah lah macam ni

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat bagi Shah Alam.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya duduk hendak bercakap Yang Berhormat ingat ini gelanggang untuk apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mata pelajaran saya tidak tahu, dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi berilah kita peluang, kalau Yang Berhormat tidak mahu memberi peluang saya bercakap masa bila lagi. Yang Berhormat ada masa hendak bercakap, esok. Saya dengar, sekarang ini saya hendak bercakap Yang Berhormat dengarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Padang Terap duduklah. Bukan berhujah cara begini Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Masalahnya berilah peluang.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Padang Terap jangan berhujah begini Yang Berhormat. Yang Berhormat semua sudah tahu peradaban mesyuarat, kalau berhujah begini serupalah di pasar membeli belah Yang Berhormat. Tidak usah buat macam inilah Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ala.. *please* lah. *come on* la! Berbeza di sekolah aliran kebangsaan terutamanya sekolah agama kebangsaan di samping memberikan pendidikan agama, pelajarinya tidak ketinggalan mengikuti subjek Sains dan Teknikal. Contohnya di peringkat menengah, subjek sains tulen seperti Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi diajar. Bagi aliran agama pula diajar Bahasa Arab Tinggi, Pendidikan Syariah Islamiah serta Al-Quran dan Sunnah.

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jika dibandingkan gabungan subjek antara kedua-dua aliran ini, jelas aliran sekolah kebangsaan mempunyai kelebihan walaupun Sijil Tinggi Agama Malaysia..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Bharu dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ..atau STAM menyelaraskan peperiksaan tinggi di dalam bidang agama dan diiktiraf pastinya keputusan SAR tidak mampu bersaing. Ini terbukti apabila lebih separuh daripada pelajar negara ini khususnya bekas SAR yang belajar di Asia Barat gagal dalam pengajian mereka. Ia berpunca daripada aspek pemikiran yang lemah dan pendidikan agama mereka di SAR masih tidak mencukupi.

Buktinya bagi Peperiksaan Menengah Rendah atau PMR tahun 2002, hanya 0.2% sahaja calon SAR yang memperoleh pangkat 'A' dalam semua mata pelajaran. Jumlah itu jauh lebih rendah berbanding Sekolah Menengah Kebangsaan Agama atau SMKA dengan peratusan 15.9%.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Pencapaian Kertas Pendidikan Islam turut menyaksikan calon SAR sebagai yang tercorot.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ..Hanya 10.1% daripada calonnya memperoleh pangkat 'A', berbanding SMKA 68.8%.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri semua Yang Berhormat. Kalau dia beri nanti lagi susah Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Calon SAR turut ketinggalan dalam semua subjek utama, seperti Matematik 3.5%, Sains 2.2%..

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat, Pokok Sena duduklah, dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:...dan Bahasa Inggeris 3%. Keputusan yang sama turut ditunjukkan dalam peperiksaan..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pagi tadi pun dia tidak beri Yang Berhormat .

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ... Sijil Pelajaran Malaysia atau SPM bagi tahun 2001. Secara keseluruhannya bagi subjek Agama pencapaian calon SAR jauh ketinggalan berbanding calon SMK. Kertas Pendidikan Islam hanya 11% calon SAR memperoleh 'A' berbanding 88.2% bagi calon SMKA.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena berdiri, hendak beri?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Begitu juga kertas Al-Quran dan Sunah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...Hanya 10.9% dari calon SAR mencapai keputusan 'A'. Dalam masa yang sama 55.3% calon SMKA memperoleh keputusan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, apabila diteliti dan dikaji, didapati terdapat tiga faktor utama prestasi SAR tidak cemerlang. Antaranya:-

- (i) kualiti guru yang rendah;
- (ii) kemudahan prasarana yang tidak bermutu; dan
- (iii) pengurusan yang lemah.

Menyentuh kepada faktor pertama, didapati..

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan yang ke berapa Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:....90% daripada gurunya tidak mempunyai latihan perguruan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat ada Peraturan Mesyuarat, duduk sekejap Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Peraturan apa ini Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan yang ke berapa Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau tidak betul, saya. Saya tidak mahu dengar perkara yang..

Tuan Husam bin Haji Musa: Mata pelajaran 'Saraf' tadi. Peraturan Mesyuarat 35(7)...[*Disampuk*] Nantilah dahulu, Tuan Yang di-Pertua boleh mengehendkan masa bagi Ahli-ahli yang berucap jika ucapannya adalah...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Nanti dahulu.. jika ucapannya.

Seorang Ahli: Bila dia hendak mengambil tugas..

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Jadi saya hendak cadangkan Tuan Yang di-Pertua mengehendkan tiga jam. Ini sudah lebih tiga jam, isi pun tidak ada..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini hak pengerusi, duduklah Yang Berhormat. Saya sudah faham.

Tuan Husam bin Haji Musa: ...Isi pun tidak ada. Kalau ada isi tidak mengapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat duduklah. Saya faham Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk... [*Disampuk*] Duduk Yang Berhormat. Ini adalah hak pengerusi oleh itu terpulanglah kepada pengerusi. Ya teruskan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Carilah perkara-perkara yang lebih baik. Menyentuh kepada faktor pertama didapati 90% daripada gurunya tidak mempunyai latihan perguruan. Bagaimana seorang guru yang diberikan amanah mengajar anak muridnya tanpa latihan yang mantap. Pengetahuan dan pengalaman sahaja tidak mencukupi. Latihan sistematik seperti maktab perguruan membekalkan pengetahuan kepada bakal guru mengenai teknik mengajar yang betul.

Di samping itu, 72.3% darinya juga didapati tidak memiliki ijazah. Dipercayai kebanyakan mereka juga tidak mempunyai kelulusan yang bersesuaian untuk menjawat jawatan itu. Ini kerana hanya..

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ramai yang berdiri Yang Berhormat Kinabatangan..

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:..26.5% memiliki kelulusan Sekolah Menengah Agama atau SMA, SPM dan Sijil Empat Thanawi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena dan Padang Terap hendak beri Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Akibat daripada tiada kelulusan.. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Semua saya tidak beri. Yang hak sana pun saya tidak beri, yang sini pun saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak beri semua itu, sila duduk. Ya teruskan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [*Ketawa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak beri saya hendak keluarlah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [*Ketawa*] Akibat daripada tiada kelulusan lebih separuh daripada guru di SAR menerima gaji kurang RM500.00 sebulan. Manakala hanya 1.23% yang diberikan gaji antara RM1,500.00 ke RM2,000.00. Isu gaji dan faedah ini dipercayai menjadi punca mengapa kualiti guru di SAR rendah. Faktor prasarana juga menjadi penting kerana ia mempengaruhi suasana dan kelancaran proses pembelajaran di sekolah. Didapati 45% SAR memiliki bangunan yang daif. Malah ada yang masih lagi beroperasi di bangunan-bangunan kayu yang sudah usang.

Kedadaan ini bukan sahaja kurang selesa malah boleh membawa bahaya kepada pelajarannya. Sebagai contoh 1 Februari lalu di Bukit Besar, Kedah, Sekolah Menengah

Agama Nazar terbakar dipercayai berpunca daripada litar pintas. Selepas diperiksa, sekolah ini tidak memiliki Sijil Kelayakan Menduduki atau CF.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Selain daripada itu, 91% sekolah SAR juga tidak mempunyai makmal sains. Keadaan ini menyukarkan pendidikan sains, satu subjek yang begitu penting sekarang. 60% sekolah SAR juga didapati tidak dilengkapi dengan padang permainan dan yang lebih menyedihkan perkhidmatan perpustakaan juga tidak diberikan perhatian. Ini kerana masih ada 25% sekolah SAR tidak dilengkapi dengan kemudahan ini.

Pengurusan sekolah yang lemah juga menyumbang kepada prestasi merosot SAR. Oleh kerana kewujudan SAR diasaskan orang perseorangan, lebih separuh atau 57.2% daripada pengetuanya tidak mempunyai skim perkhidmatan, 47% tidak berijazah dan 39% daripadanya berumur 55 tahun.

Sains dan teknologi bukannya ilmu sekular. Saya yakin semua Ahli Parlimen termasuk pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini bersetuju dengan saya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Jeli.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bukankah baik memiliki ramai pakar sains dan teknologi yang turut mempunyai asas pengetahuan agama yang tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau ganggu macam ini lagi lama dia bercakap. Duduk.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Mereka bukan sahaja pakar, malah bijak menggunakan kepakaran mereka untuk kesejahteraan insan barulah lebih ramai umat atau manusia terpuji dan terbaik dapat dilahirkan di negara ini. Umat Islam kini dipandang rendah kerana tidak mempunyai kepakaran dalam bidang sains dan teknologi. Jadi bagaimana Islam dapat dipertahankan dan disebarkan jika umatnya sendiri lemah dan untuk memastikan generasi masa depan kita memiliki ciri-ciri ini, pendidikan yang betul perlu disediakan kepada mereka. Semua ini hanya dapat ditawarkan di sekolah aliran kebangsaan sahaja.

Apa yang saya sebut tadi bukan bertujuan memperlekehkan pendidikan agama dan mengatakan ia program kelas kedua tetapi negara tidak memerlukan semua 74 ribu lulusan SAR untuk menjadi pakar terutama ke sekolah menengah agama kerana ia di sini segalanya lengkap. Atas alasan itulah akhir tahun lalu kerajaan..

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Buat apa tanya saya, tunggulah Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:... melalui seksyen 29(1) Akta Pendidikan 1966...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat bercakap nanti, bercakaplah apa yang hendak dicakapkan..

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: .. menetapkan pendidikan rendah menjadi pendidikan wajib. Warta bertarikh 8 November 2002..

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun] [Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah berikan banyak kali, kalau dia tidak beri saya hendak cakap apa.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:...yang dikeluarkan oleh Menteri Pendidikan menetapkan hanya sekolah rendah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan atau sekolah jenis kebangsaan sahaja yang wajib dimasuki pelajar untuk pendidikan rendah. *Alhamdulillah* sehingga awal Februari lalu, seramai 14 ribu pelajar telah mendaftar memasuki sekolah Kementerian pendidikan. Ia mungkin kecil berbanding 60 ribu lagi yang masih tidak lagi mendaftar. Namun ia satu perkembangan yang menggalakkan kerana tawaran kemasukan itu dibuat hanya sebulan. Saya yakin jumlah

ini akan bertambah kerana Kementerian Pendidikan bersetuju memberi peluang pelajar SAR mendaftar ke sekolah kerajaan sepanjang tahun.

Bagi Husam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Siapa Yang Berhormat?.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian ya sila.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam.

Sekolah Agama Rakyat telah dituduh dengan pelbagai tuduhan. Sebagai tapak melahirkan pengganas, tapak melahirkan penjenayah. Sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai integriti yang tinggi, kerajaan harus keluar dengan satu kertas putih dalam Parlimen ini, membuktikan semua tuduhan-tuduhan secara terperinci daripada sebilangan begitu besar sekolah-sekolah agama rakyat yang semuanya telah dituduh menanamkan kebencian kepada kerajaan dan kerana itulah tidak ada satu pun dikecualikan daripada sekatan, bantuan per kapita yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan yang kita katakan, kita mendukung dan mendaulatkan perlembagaan dan undang-undang.

Ini harus datang bersama dengan kertas putih, dibuktikan sekolah mana, berapa peratus daripada pelajar-pelajar ini terlibat dengan jenayah, apa mata pelajaran yang diajar yang telah menyelewengkan pelajar-pelajar daripada ajaran Islam yang sebenar, itu yang pertama. Sampai ke hari ini kertas putih tidak ada. Timbalan Menteri Pendidikan tidak mengeluarkan kertas putih. Hanya tuduh, tuduh, tuduh, tiada peluang membela diri. Itu yang pertama, Yang kedua...*[Terdiam seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang kedua Yang Berhormat, cepat sikit.

Tuan Husam bin Haji Musa: Selain daripada tuduhan ini tidak dapat dibuktikan. Daripada ucapan Yang Berhormat bagi Shah Alam tadi telah nyata bahawa Kerajaan Pusat telah mengabaikan Sekolah Agama Rakyat dan premis mereka ialah menutup Sekolah Agama Rakyat semata-mata bukan sekolah agama yang lain.

Ada dua perkara di sini. Perkara yang pertama ialah tentang *instrument of knowledge* iaitu sembilan mata pelajaran lain tadi, termasuk mata pelajaran Soros tadi, George Soros jadi mata pelajaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah ulang, saraf.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saraf itu adalah *instrument of knowledge*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah ulang Yang Berhormat, nama Yang Berhormat pun silap juga sebut ya, Saraf.

Tuan Husam bin Haji Musa: Itu *instrument of knowledge*, Saraf itu tadi. Kalau Saraf tidak ada, tidak lengkap. Saya sebut pasal Shah Alam sebut macam itu. Sampai sekarang dia tidak jelaskan apa mata pelajaran saraf yang dimaksudkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bila dia tidak faham ini, kita ada *instrument of knowledge*. Pembelajaran Islam memerlukan seseorang pelajar tahu alat-alat, kelengkapan-kelengkapan untuk sampai kepada peringkat mereka memahami ajaran Islam dalam bahasa Arab iaitu Al-Quran dan Hadis dalam bahasa Arab. Mereka perlu menguasai *instrument of knowledge* ini. Sebab itu mata pelajaran mereka lebih panjang, lebih banyak. Kalau dihapuskan *instrument of knowledge* ini, kita akan menghasilkan sarjana dalam pengajian Islam yang tidak mahir, yang tidak lengkap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, macam Rabbil Alamin jadi Rabbul Alamin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Adakah salah faham ini semata-mata kita menekankan untuk menyekat bantuan ini. Yang ketiga penyekatan ini adalah bermotifkan politik semata-mata, bukan bermotifkan untuk meningkatkan kebajikan Sekolah Agama Rakyat dan pelajar Sekolah Agama Rakyat. Sebab itu disekat semua sekali termasuk Sekolah Agama Rakyat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Pulau Pinang. Adakah boleh dipercayai sekolah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga mengajar ajaran Islam yang salah, anti kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu berucap...

Tuan Husam bin Haji Musa: Siapa yang kata cukup ini, Shah Alam kata cukupkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:..bukan minta penjelasan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya sudah bagi peluang....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya yang boleh mengatakan cukup Yang Berhormat, bukannya Shah Alam.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya yang boleh.

Tuan Husam bin Haji Musa: Shah Alam, boleh sedikit lagi?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Hendak cakap lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak jawab Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat ada masa lagi Besok boleh berucap panjang, saya boleh tanya panjang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini bukan soalan, hendak berucap panjang. Ya, sila jawab.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya harap kita ada satu *common denominator* sini. Soalnya, bagaimana kita hendak jaga harta anak bangsa kita, masalah 74 ribu anak-anak yang berada di SAR. Secara realitinya iklim dan suasana persekitaran di kawasan yang mereka berada itu tidak sihat. Kita tidak boleh berikannya sebagai satu padang permainan yang sama, boleh kita bagi bantuan. Kalau kerajaan pada hari ini turut bersubahat mengambil keputusan untuk meluluskan bantuan per kapita RM60 setahun Yang Berhormat, RM60 setahun. *It is just nearly RM5 a month.* Bukan satu benda yang besar pun, dia tidak besar, *only RM5 a month.* Saya percaya kerajaan yakin kita boleh bantu *but the principle is* kita hendak bersubahat atau tidak dengan perkara yang tidak betul. Yang kita hendak buat ini, kita hendak buat *technical correction* dan kita minta supaya mereka masuk balik ke dalam pendidikan arus perdana dan katakan kalau dalam arus perdana ini belajar tidak cukup dari segi ilmu, yang apa Yang Berhormat sebut dia hendak perlekeh-lekehkan orang-orang di sini, kita terima, kita belajar kalau tidak betul. Yang itu kita hendak buat. Kalau katakan bahawa pelajaran agama tidak cukup masa hendak diperpanjangkan, kita perpanjangkan. Tetapi hari ini Yang Berhormat yang jelas dan nyatanya, 14 ribu atau 15 ribu anak-anak murid ini dah sedia masuk, itupun mereka yang terlepas dari hasutan-hasutan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Tetapi kalau Yang Berhormat terus memberikan sokongan, saya percaya bahawa angka ini akan boleh meningkat lagi dengan lebih, 17 ribu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak jawab.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya hendak jelaskan di sini Yang Berhormat, tidak ada niat untuk kita mengharamkan SAR ini, tidak ada niat. Tetapi apa yang kita buat ialah kita tidak mahu bersubahat dalam terus memberikan bantuan kepada per kapita RM60 setahun. Maknanya RM5 satu bulan. Saya percaya hari ini kalau kita buat keputusan hendak terus besar.....Timbalan Menteri Pendidikan ada di sini, *any time* boleh lulus sekarang ini *but that is not the principle. The principle* ialah untuk kita susun balik benda ini.

Ha, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ramai yang berdiri Yang Berhormat, empat orang, hendak beri jalan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya, bagi Pokok Sena, kawan rapat saya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini hendak bercakap kepada saya atau kepada penyokong.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Hendak cakap kepada saya atau kepada penyokong?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak ada siapa penyokong saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kalau hendak bagi, bagi Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau hendak cakap kepada penyokong, pergi ceramah kat luar, jangan kat dalam. Saya hendak tanya sahaja, kalau hendak bercakap dengan saya, saya dengarlah. Kalau hendak bercakap kepada penyokong, saya berehatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dengar, pasang telinga elok-elok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi, bagi Yang Berhormat, tidak bagi cakap tidak bagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Suruh dia pasang telinga, korek telinga elok-elok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah, cakaplah Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baik Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Shah Alam. Pertama saya hendak sebut pasal dia mengatakan RM60, RM60 itu sekolah rendah. RM90 untuk tingkatan satu sampai tingkatan tiga. Tingkatan empat sampai tingkatan lima RM120, kena perbetul maklumat fakta. Yang Berhormat kata sikit, kecil sahaja. Kalau kecil apa salahnya bagi, apa hendak berkira benda kecil, yang besar pun "dok perabih". Pulun, balas ikut "dan" semua mak nenek, harta-merda UMNO, Barisan Nasional semua, takkan benda hak sikit tidak boleh?

Baik, soal tuduhan. Masalahnya sekarang ini tuduhan mengatakan bahawa sekolah ini mengajar agama yang salah. Sekarang kita hendak bukti sebab rakyat hendak berkongsi maklumat dengan kerajaan, sekolah mana? Guru mana? Kalau sekolah tersebut yang melakukan kesalahan, apakah wajar kita mengambil tindakan kepada semua sekolah? Sedangkan seorang guru di kawasan saya, di kawasan Pokok Sena, Sekolah Menengah Jabi dulu - Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Soalan yang dibuat yang berkaitan dengan soal politik, dia diambil tindakan disiplin ditukar ke kawasan Kepong. Guru di Terengganu membuat soalan yang berkaitan dengan politik didakwa di mahkamah, itu yang betul. Bukan kita menutup sekolah, bukan kita mengambil tindakan kepada semua guru di semua sekolah.

Apakah seorang pegawai polis yang melakukan rasuah, satu balai kita hendak tutup? Seronoklah kawan dengan pencuri. Ini satu *argument* yang tidak masuk akal, yang tidak pernah orang buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sebab itu saya katakan tadi bahawa saya minta spesifikkan sekolah mana, guru mana, kami pun hendak menumpang kalau itu guru yang mengajar salah, ustaz itu mengajar salah, sekolah itu mengajar salah, kita kena beritahu kepada semua orang bahawa jangan belajar di sekolah tersebut, jangan berguru dengan guru tersebut. Apakah sekolah yang pemangku Perdana Menteri yang sedang menjalani tempoh percubaan dua bulan ini, yang menjadi penaung Sekolah Daratul Maarif Al-Wataniah, Kepala Batas, Yang Amat Berhormat menjadi penaung. Adakah ini bermakna bahawa kalau sekolah tersebut mengajar agama yang salah bermakna bahawa Yang Amat Berhormat tidak layak untuk jadi Perdana Menteri sebab Yang Amat Berhormat tidak layak untuk memantau sekolah yang beliau menjadi penaung. Apakah begitu kita hendak kata, apakah Yang Berhormat setuju mengatakan bahawa....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...Yang Amat Berhormat juga terlibat dalam penyebaran agama yang salah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Pokok Sena cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baik, akhir sekali. Yang Berhormat membuat perbandingan yang tidak betul. Keputusan peperiksaan, PMR dan SPM antara Sekolah Agama Rakyat dengan SMK. Itu tidak tepat sebab SMK sekolah asrama penuh. Yang masuk ke sekolah asrama penuh ialah 5A, kerana terpilih. Yang masuk ke Sekolah Agama Rakyat 5E, miskin. Sebab itu perbandingan harus dibuat antara Sekolah Menengah Agama Rakyat dengan sekolah dalam kawasan yang sama, dalam kawasan luar bandar.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Itu yang

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya bagi contoh Sekolah Menengah Agama Darul Saadah dalam kawasan saya. Pencapaian SPM dan STPM adalah lebih baik daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Kepala Batas yang berdekatan, empat kilometer [*Tepuk*] lebih baik keputusannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan kuat Yang Berhormat pecah meja nanti.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, Yang Berhormat, okey, okey.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sebab itu seharusnya memberikan fakta yang betul supaya orang tidak melihat Yang Berhormat ini tidak mempunyai *knowledge*, tidak mempunyai maklumat yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, cukuplah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okeylah, okeylah Yang Berhormat sahaja yang pandai dalam dunia ini, tidak apa,

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tetapi *argument* Yang Berhormat ketengahkan saya fikir bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan pada hari ini terhadap Sekolah Agama Rakyat bukan perkara baru, sudah lama. Kalau Yang Berhormat semak di Terengganu, berapa banyak dulu yang sekolah agama rakyat sudah masuk dalam aliran pendidikan perdana akhirnya dia memberikan kejayaan. Saya ingat sebahagian besar daripada produk yang masuk ke KUSZA dulu daripada sekolah rendah agama rakyat bila pergi kepada sistem yang diurus tadbir oleh Kementerian Pendidikan yang akhirnya menjadi produk kepada KUSZA. Jadi Yang Berhormat *dok seriau* sangat ini, kenapa mereka tidak hendak masuk kepada sekolah kebangsaan ini....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Nantilah, bagilah saya bercakap, saya baik hati, saya bagi Yang Berhormat cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat dia hendak jawab Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau Yang Berhormat cakap, *I'll be very patient, I will listen. Sometimes* Yang Berhormat, *it's better to be a good listener, sometimes we have to listen.* Pembangkang pun kadang-kadang kena listen juga, ini belum kita habis cerita, *dok terjah* macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Macam mana hendak selesaikan masalah? Bila hendak cakap, dia sudah hilang point sikit... [Ketawa] Dia bukan perkara yang baru, sudah lama dan dulu pun perkara ini sudah dipersembahkan secara *step by step*, secara proses yang betul. Ini kalau dalam bahasa sainsnya Tuan Yang di-Pertua, dia kata, *this is an upgradation*, satu proses penyuburan semula terhadap Sistem Pendidikan Kebangsaan kita, ini yang penting. Ini yang Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sebut kita tidak lihat secara *total*, secara pembinaan insan yang seluruh. Kalau Yang Berhormat kata sebutkan tentang soal benci-membenci, Yang Berhormat ingat perkara ini tidak berlaku dalam umat Islam dan umat Malaysia pada hari ini? Ini satu realiti. Saya yang terdekat ini, anak saudara saya sendiri. Bila tengok gambar Dr. Mahathir, maaf bercakaplah, ini orang jahat, budak umur tujuh tahun. Apa dia punya persepsi dia? Ya, yang itu kita hendak buat *correction*. Jadi kalau kita asah benci...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dulu Yang Berhormat, nanti sekejap, dia hendak jawab.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Nanti Yang Berhormat, kalau anak-anak umur tujuh tahun atau lapan tahun, kalau kita hendak buat kita punya perkaderan, jangan ambil budak-budak tujuh atau lapan tahun, bagi dia peluang. Sudah dapat 18 tahun, 21 tahun, Yang Berhormat sebagai Ketua Pemuda PAS, ambillah dia, buatlah mereka sebagai perkaderan. Jadikanlah dia sebagai *hard core*, jadikanlah dia hulubalang perang, tidak apa, yang itu kita boleh terima tetapi kalau budak-budak umur 13 atau 14 tahun kita letakkan di dalam satu *environment*, satu training yang akhirnya dia akan menjadi kader kepada kita dengan tidak bagi peluang mereka berfikir minda, ini satu penganiayaan terhadap bangsa. Ini saya sebut, ini *politic-associated but this is* satu penganiayaan terhadap anak bangsa. Yang kita hendak buat ini, kita hendak selamatkan anak bangsa Yang Berhormat. Apa hendak jadi kalau dia keluar, dia pergi *graduate*, dia pergi ke Mesir, saya tidak tahulah, difahamkan Yang Berhormat bagi Marang tidak diizinkan masuk Mesir, betul ataupun tidak? Jadi saya tidak tahu. Dia pergi ke Mesir lepas itu duduk di sana tidak boleh *graduate*. Bila tidak boleh *graduate* balik hendak salahkan kerajaan lepas itu dia simpati dengan Yang Berhormat. Yang Berhormat pun taruk minyak lagi, apa lagi, bubuhlah dia satu kampung. Jenuhlah kita hendak menjawab.

Ya Yang Berhormat. Jadi kalau Yang Berhormat ada cetusan pemikiran dan keinginan hendak melihat ini sebagai satu peluang, Yang Berhormat punya *argument* buat apa RM30 bayarlah, RM90 bayarlah, RM120 bayarlah tetapi sekarang ini kalau ada tawaran daripada kerajaan untuk menyerapkan mereka balik ke dalam sistem

pendidikan, adakah ini satu *opportunity* yang kita boleh ambil dan kita jadikan - kalau Yang Berhormat kata takut mereka ini tidak jadi penyokong PAS, dulu dok kata *gegah* semua sekolah dan kakitangan kerajaan semua sudah sokong PAS, yang takut hendak masuk sekolah kebangsaan ini pasal apa? Dulu dok kata depa ini semua sudah geng hangpa, la ni hendak takut pasal apa?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Jimmy Lim Donald: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Yang Berhormat bagi Shah Alam, bagi Jeli sekali, Jeli sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kita beri Sri Aman, dia pun orang yang bukan Islam tetapi ada kepentingan dalam masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Silakan Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Lim Donald: Saya ingin bertanyakan kepada *boss* saya, Presiden *Backbencher* ini. Apakah sebab Yang Berhormat bagi Marang menjadi *persona non grata* di Mesir tadi?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tidak tahulah Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bagi Marang ini *persona non grata* di Mesir tetapi saya dapat maklum, sejak Yang Berhormat bagi Marang ini keluar dari Mesir, dia tidak pergi lagi ke Mesir. Saya tidak tahu kot dia ingat tidak pergi. Yang itu nanti Yang Berhormat capak besok, Yang Berhormat jelaskanlah. Ha, ini Pokok Sena.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jeli sekali.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Dato'. Yang Berhormat masih belum menjawab persoalan yang saya bangkit dan juga rakan saya bagi Kubang Kerian tadi. Jadi, sekolah mana saya tanya, sekolah mana? Guru mana? Apakah kita hendak ambil *overall*, umpamanya saya tunjuk satu contoh sekolah seperti mana sekolah Pemangku Perdana Menteri. Satu lagi sekolah ialah Maahad Mahmud, Alor Setar. Ia di bawah Kebawah Duli Tuanku Raja. Begitu juga sekolah di Ibni Syiah di bawah Paduka Seri Sultan Perak, sekolah ini *direct* di bawah istana. Adakah kita hendak katakan bahawa kedua-dua Tuanku ini mengajar ajaran sesat dan juga menanam bibit-bibit penganas, merupakan kepala *terrorist* di dalam negara kita? *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan babitkan saya dengan Tuanku ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Cukuplah, cukuplah, saya faham Yang Berhormat punya *argument*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, yang Maahad Mahmud tadi...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak, yang itu biar Menteri jawablah, tetapi saya faham Yang Berhormat punya *argument*.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Maahad Mahmud itu dipengerusikan Lembaga Pengarah, Pengerusi Lembaga.....

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Duduklah, duduklah, hang tidak ada Sekolah Rakyat, Pokok Sena banyak Sekolah Rakyat. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pengerusi Lembaga Pengarah Maahad Mahmud ini ialah Exco Kerajaan Negeri Kedah yang dilantik oleh Kebawah Duli Tuanku Sultan Kedah. Jadi kenapa sekolah ini juga kalau hendak dikatakan yang lain itu sekolah PAS, kenapa sekolah ini juga, yang sekolah di bawah Tuanku sendiri menerima nasib dan menjadi mangsa kepada pemberhentian per kapita ini.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang kedua saya hendak sebutkan di sini ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, dia tidak bagi Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Hujah Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa soal-soal akademi. Apakah di sekolah kebangsaan ini semua pelajar dapat semua A dalam semua mata pelajaran?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Oh! kerana kata bila kita pindahkan ini maka kita akan dapat pendidikan yang cemerlang. Apakah semua sekarang ini keputusan peperiksaan ini, UPSR, PMR, SPM dan STPM semua pelajar, semua A dalam mata pelajaran?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak apalah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Apakah tidak ada yang dapat E? Adakah begitu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena, Yang Berhormat, sudah cukup Yang Berhormat. Pokok Sena.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okey, sudah, cukup.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tolong bagi hujah saya hendak tengok, pelajar mana yang dapat semua A?Kebangsaan kalau itu yang lebih baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, saya merayu kepada Yang Berhormat, dalam isu ini kita kena lihat kepentingan. Saya cakap tadi tanggungjawab kita kena menjaga khazanah kita. Ini semua kita punya aset. Sama ada bila dia sudah dewasa nanti, dia hendak jadi penyokong PAS kah, penyokong UMNO kah itu saya tidak peduli...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [Bangun]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Itu saya tidak peduli tetapi kalau mereka boleh diberi peluang untuk berada di dalam satu persekitaran yang lebih sihat, dia boleh mendapat ilmu yang lebih baik dengan kemudahan asas infrastruktur dan prasarana, dengan dia punya *software*, *then we have to give them a chance...*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kalau macam itu bukannya pasal sekolah agama rakyat!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena, jangan cakap macam itu Yang Berhormat, jangan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi saya hendak beralih kepada perkara yang lain, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Bagi *chance* lah, satu sahaja, Shah Alam ini pun!

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Adalah...adalah, bagilah pada 'Apani' ini, nanti marah saya pula tu! [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Baik, 'Apani' sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta maaf saya tersebut nama tadi. Yang Berhormat bagi Jeli, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Dan sahabat saya, kakanda saya daripada Shah Alam, sekarang ini telah diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada sistem pendidikan negara kita terutama sistem pendidikan sekolah-sekolah kebangsaan. Masalah-masalah yang berlaku sebab itulah menyebabkan rakan-rakan kita kaum Cina mengeluarkan anak-anak mereka *instead of* menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan mereka menghantar anak-anak mereka di sekolah Cina. Begitu juga teman-teman kita daripada bangsa India, juga menghantar anak-anak mereka di sekolah Tamil.

Begitu juga sebahagian daripada masyarakat Melayu mereka tidak berkenan untuk menghantar anak-anak mereka di sekolah kebangsaan dan mereka lebih rela untuk menghantar anak-anak mereka di sekolah agama ini. Kerana apa? Kerana mereka melihat semenjak 25 tahun sudah sampai sekarang ini kesan daripada sistem pendidikan yang ada dalam negara kita menyebabkan lahirnya tiap-tiap 33 minit seorang penagih dadah yang baru. Ini kesan pendidikan yang harus diterima oleh Kementerian pendidikan. Ini laporan daripada agensi dadah kebangsaan. Tiap-tiap 33 minit, lahir satu penagih dadah yang baru. Itu satu.

Yang kedua, kalau hendak mengatakan sekolah agama rakyat prestasinya tidak baik, saya mengambil satu contoh. Di Kelantan, yang mengambil peperiksaan PMR atau Penilaian Menengah Rendah daripada 6,000 calon yang mendapat 9'A', 222 orang daripada 6,000 calon tetapi daripada sekolah menengah kebangsaan yang menjadi calon PMR, seramai 33,000 orang tetapi yang mendapat 9'A' hanyalah 136 orang. Macam mana hendak dikatakan sekolah agama rakyat ini tidak betul.

Satu lagi fakta, ini fakta benar. Saya bercakap di depan Timbalan Menteri Pendidikan. Dipanggil Exco Kerajaan Negeri Kelantan untuk berbincang. Antara kandungan *gist of the* perbincangan itu ialah pertama; supaya sekolah-sekolah agama rakyat ini tidak menggunakan kampus-kampus mereka untuk kegunaan politik sama ada dewan sebagai ceramah politik parti PAS dan juga di kelilingi pagar-pagar sekolah tersebut dengan bendera parti PAS dan Exco Kerajaan Negeri Kelantan bersetuju untuk tidak menggunakan premis-premis sekolah untuk tujuan politik dan insya-Allah Kementerian Pendidikan akan menghulur balik bantuan tetapi setelah persetujuan diberi sehingga sekarang, 5 sen pun belum lagi diberikan oleh Kementerian Pendidikan walaupun persetujuan telah diberikan oleh Exco Pendidikan Kerajaan Negeri Kelantan. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, apa Yang Berhormat bagi Jeli mengenal pasti segala punca-punca daripada segi polarisasi kaum yang kata anak-anak orang Cina dan orang India dia tidak hendak masuk ke sekolah kebangsaan *mainstream* dan anak orang-orang Islam itu satu realiti yang berlaku, polarisasi kaum dan saya sudah beritahu dalam ucapan saya tema saya memperkasa kekuatan dalaman dan hasil daripada kekuatan dalaman ini kita ada perpaduan kaum yang harus diperkuat dan di..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Timbalan Menteri bangun ya, sila.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan, berapa orang daripada anak daripada Yang Berhormat Jeli itu, memang susah. Ataupun anak-anak Yang Berhormat yang lain ini memang susah?

Tuan Mohamad bin Sabu: Ada empat, empat orang...

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih banyak. Mudah-mudahan mereka sihat tetapi saya hendak tanya Jeli ini. Saya hendak tanya Jeli, saya tidak minta daripada Yang Berhormat lain...ya, yang Jeli ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih banyak....

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Kalau hendak membuat *comparison*, memang pandai, memang pandai Yang Berhormat pandai, saya hendak tanya itu sahaja. Niat kita ialah untuk menentukan anak-anak kita ada masa depan tapi kalau marah....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Bawa buat sendiri, tidak ada masalah. Soalnya ...jangan buat tuduhan melulu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Husam bin Haji Musa: Nanti dulu!

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Seorang, seorang lah!

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:RM90 dan RM120...dia hendakkan itu Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: So, apa yang dia hendak? Apa yang dia hendak *from that question?*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahnmad Nawawi: Memperalatkan Kementerian Pendidikan!

Tuan Husam bin Haji Musa: Adakah di bawah Perlembagaan kita bila kita tidak hantar sekolah agama, sekolah agama ini boleh tutup? *This is nonsense!*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahnmad Nawawi: Ya, ya. *Substandard* punya Timbalan Menteri!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan cakap macam itu Yang Berhormat!

Dr. Syed Azman bin Syed Ahnmad Nawawi: Ya, memang betul!

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini siapa punya *floor* ini? *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *Nonsense, nonsense!.....*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak jawab saya punya lagi!

[Dewan menjadi riuh seketika]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Kenapa Kementerian Pendidikan dihancurkan oleh orang-orang yang macam ini?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, Kuala Terengganu, Kubang Kerian, Kuala Kedah....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahnmad Nawawi:....Kementerian Pendidikan dihancurkan oleh orang-orang yang macam ini. Orang-orang macam inilah yang menghancurkan pendidikan di Kuala Terengganu...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Inilah dia 'Azman', Kuala Terengganu, duduklah. Inilah dia Kuala Terengganu!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, duduk Yang Berhormat, tidak usah cakap macam itu! Cukuplah, tidak ada apa Yang Berhormat, cukup, cukup!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ini teruskan Shah Alam, Shah Alam teruskan.

[Dewan masih riuh]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan ucapan saya diminta....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Adalah suatu yang malang apabila masih ramai di kalangan kita terutama anak Melayu yang lemah penguasaan Bahasa Inggeris. Bagaimana kita mahu bersaing di gelanggang dunia jika bahasa penghantarnya tidak kita kuasai. Sekali lagi Kerajaan Barisan Nasional bertindak cepat dan berani mengubah amalan ini. Langkah menggunakan Bahasa Inggeris bagi pelajaran subjek Sains dan Matematik dilaksanakan. Untuk tujuan itu 47,000 guru yang terlibat dengan program ini dibekalkan komputer riba dan ia membabitkan kos RM235 juta.

Selain daripada itu, penyediaan perisian komputer atau *course ware* dengan izin, untuk mengajar Sains dan Matematik telah diguna pakai di sekolah-sekolah. Penterjemahan buku-buku teks yang terlibat juga dibuat dan sudah diagihkan ke semua sekolah sebelum sesi persekolahan bermula. 25 orang guru yang terlibat juga telah dilatih dengan pelbagai kursus intensif berbentuk *multi-module online* dan kursus hujung minggu juga diadakan.

Kemudahan buku teks juga diberi secara percuma kepada pelajar Tahun Satu. Buku bagi kedua-dua subjek itu dibuat dalam bentuk buku kerja dan disertakan cakera padat. Buku yang mengandungi Bahagian Pertama ini boleh diguna sehingga Mei depan. Statistik 5 tahun dahulu menunjukkan bagi setiap sejuta rakyat Malaysia, 400 daripadanya adalah *scientist*. Jumlah ini amat kecil berbanding dengan negara maju iaitu: German Barat - 3000 orang; Jepun - 6,500 orang; Korea Selatan - 1,300 orang; dan United Kingdom - 3,200 orang *scientist*. Jumlah ini pastinya bertambah sekarang. Jadi dasar baru yang diperkenalkan ini tepat pada masanya.

Mengapa Sains dan Matematik? Ini kerana hanya pelajar yang mahir dalam penggunaan bahasa Inggeris berkaitan sains dan teknologi yang mudah menguasai ilmu ini dengan baik. 99% terminologi, bahan bacaan, maklumat di *internet* dan rujukan mengenai sains dan teknologi mudah diperoleh dalam bahasa Inggeris. Ilmu ini begitu cepat berkembang. Oleh itu amat penting sumber tenaga masa depan kita ini mahir dan menguasai bahasa antarabangsa itu dengan cekap. Dari segi pasaran ekonomi pula, penguasaan bahasa dapat memastikan pasaran yang lebih luas. Ini kerana lebih $\frac{3}{4}$ daripada hampir 6 bilion penduduk dunia menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar.

Di samping itu pendidikan tadika turut diberi perhatian mulai tahun ini melalui seksyen 22 Akta Pendidikan 1966, Kurikulum Kebangsaan, Prasekolah diwajibkan di semua tadika. Antara lain ia mewajibkan pengajaran Bahasa Inggeris diadakan dua jam sehari. Sehingga kini lebih 1,500 tadika diwujudkan di sekolah-sekolah kebangsaan. Dan tiap-tiap tahun 1,550 tadika akan dibina sehingga tahun 2007. Tumpuan diberi kepada kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Langkah itu sebagai kesinambungan dan persediaan kepada pelajarinya sebelum melangkah ke Tahun Satu.

Jika mahu maju kita perlu menggerakkan kemajuan dengan memaksa ia berlaku bukannya dengan menunggu. Janganlah tujuan yang murni ini dipolitikkan sebaliknya perlu dipikul oleh semua pihak.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak ambil kesempatan, dalam kes sekolah agama rakyat tadi nampaknya Shah Alam tidak ada kes kepada sekolah agama rakyat. Semua tuduhan tidak boleh dibuktikan. Timbalan Menteri Pendidikan bangun pun tidak boleh buktikan sekolah menengah agama rakyat ini menanam tempat penganas, *criminal* dan sebagainya. Saya harap kerajaan kaji baliklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tidak ada, tidak ada soalan?

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak ada soalan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Itu Yang Berhormat punya pandangan dalam dimensi pemikiran Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat panjang lagikah?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Panjang, ada sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sedikit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, Yang Berhormat, saya ...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, boleh. Yang Berhormat ada empat minit lagi....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Boleh saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada empat minit lagi, Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okay, okay, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1).

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ketika negara Barat menempuh zaman revolusi perindustrian kita masih bertani. Begitu juga selepas kemerdekaan negara mengambil masa hampir 30 tahun untuk bertukar dari sebuah negara pertanian kepada negara industri. Namun apabila kita berjaya duduk di kelompok negara industri, dunia sekali lagi berubah ke era baru. Era teknologi maklumat yang kita hadapi hari ini lebih pantas perkembangannya. Justeru, kita tidak seharusnya sekali lagi tertinggal di arus revolusi teknologi maklumat hari ini.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kepong ini sahabat saya. Lama saya tunggu dia hendak bangun. Saya minta izinkan saya habiskan ini selepas itu dia boleh masuk. Jika kita sekali lagi tertinggal maka kita akan terus ketinggalan dan tidak mungkin lagi kita dapat seiring dengan negara lain. Justeru, atas kesedaran untuk tidak tertinggal lagi, kerajaan Barisan Nasional menggerakkan usaha menceburkan diri dalam bidang ini. Alhamdulillah, Malaysia kini menjadi antara negara terawal yang memajukan bidang IT di rantau ini setanding dengan negara maju. Kepong yang "terkepong".

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah. Saya setuju kita mestilah menyejatkan semua dengan IT dan ICT sekarang ini memerlukan masa yang lebih singkat. Kalau dari 11.00 pagi sampai sekarang tidak habis, macam mana IT pula... *[Disorak] [Tepuk]* Tolonglah IT juga.... *[Ketawa]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini saya bawa usul. Saya hendak bincang dan kalau saya ceritakan tentang kebaikan apa yang kerajaan buat Yang Berhormat sakit hati, sakit telinga hendak dengar, tidak ada siapa Yang Berhormat boleh duduk. Yang Berhormat ada masa. Kita bersidang tetapi Yang Berhormat bila kita tidak hendak bercakap Yang Berhormat kata kita tidak serius. Bila kita serius bagi fakta, Yang Berhormat tidak hendak dengar. Saya hendak buat macam mana. Jadi, Yang Berhormat kena terimalah.

Peringkat awal budaya baru ini tersebar luas di kawasan bandar sahaja. Ia mewujudkan jurang digital yang ketara antara kawasan luar bandar dan bandar. Kerajaan berpendapat keadaan ini tidak boleh dibiarkan. Justeru pendedahan awal di

peringkat sekolah diperkenalkan. Subjek sains komputer diperkenalkan di peringkat sekolah. Untuk tujuan itu makmal komputer perlu ditubuhkan di sekolah. Ketika ini hampir 2,000 makmal komputer dibina di sekolah seluruh Semenanjung. Ia adalah sebahagian daripada fasa pertama pembinaan 2400 makmal sekolah. Daripada jumlah itu masing-masing 500 di zon utara, zon tengah, zon selatan dan zon timur Semenanjung Malaysia. Manakala Sabah dan Sarawak pula 200 makmal komputer bagi setiap negeri. Bagi fasa ketiga pula 7,000 sekolah akan mempunyai makmal komputer dengan setiap satunya dibekalkan 20 hingga 30 unit komputer.

Untuk menyediakan generasi masa depan yang celik IT dan langkah sokongan kepada Program Koridor Raya Multimedia (MSC) sekolah bestari atau smart school diperkenalkan. Sekolah bestari adalah satu daripada aplikasi perdana MSC untuk melahirkan tenaga kerja yang celik teknologi dan memupuk perkembangan menyeluruh individu yang berorientasikan IT. Dengan peruntukan RM300 juta daripada Kementerian Pendidikan projek rintis sekolah bestari dilaksanakan dengan sasaran 90 sekolah sebagai percubaan. Selepas hampir 4 tahun ia bermula sejak 1999 lalu, apakah perkembangan projek perintis ini? Sejauh manakah berjayanya projek itu?

Difahamkan jurang penggunaan teknologi canggih itu terutama membabitkan perisian antara satu sekolah dengan sekolah lain masih ketara. Malah ada antaranya belum bersedia menjalankan pengajaran dan pembelajaran sendiri sebaliknya masih memerlukan khidmat Telecom Smart School. Senario ini tidak sepatutnya berlaku kerana projek rintis sekolah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jam 4.30. ucapan boleh sambung pada hari esok.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3)

Desak Kerajaan Membantah Amerika Syarikat Menyerang Iraq

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa sudah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi iaitu satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang mulakan perbahasan usul itu seperti yang telah pun diputuskan tadi pihak pencadang akan diberi 30 minit dan selepas itu kerajaan menjawab. Pihak pembangkang akan juga diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya minta Yang Berhormat bagi Shah Alam kemukakan usul.

4.31 ptg.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sejak dua minggu ini suara-suara orang Islam dan bukan Islam yang bersimpati dengan kemungkinan bala yang akan menimpa rakyat Iraq menyatakan dengan tegas bahawa mereka menolak serangan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq dari sidang Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) yang dianggotai oleh 116 negara yang mewakili Asia, Afrika serta Amerika Selatan selain Pertubuhan Negara Islam (OIC) yang diwakili 56 negara Islam suara mereka adalah satu mahukan keamanan dan menolak sebarang serangan terhadap Iraq. Apakah pentadbiran Washington serta sekutu-sekutunya Britain dan Australia tidak sensitif terhadap pernyataan orang Islam dan bukan Islam ini. Walaupun pentadbiran Washington sudah menolak mentah-mentah suara mereka yang bersimpati dengan rakyat Iraq melalui tunjuk perasaan yang besar seumpamanya di seluruh Amerika Syarikat, Australia, Indonesia, Brazil, Venezuela, Mexico, Kanada serta juga Kuala Lumpur, tidakkah Rumah Putih atau White House mahu merenung sejenak bahawa suara-suara ini adalah suara keamanan bukannya mendesak supaya menghuru-harakan dunia ini.

Malaysia membuktikan kepada dunia bahawa kita konsisten dalam memperjuangkan keamanan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr.

Mahathir bin Mohamad sudah menyatakan bahawa kita menentang perang, kita menolak perang kerana selain ia memusnahkan manusia dan makhluk Allah yang lain di bumi ini peperangan bukan penyelesaian kepada masalah. Dalam soal seperti ini sewajarnya suara negara-negara Islam tidak dipinggirkan, keputusan-keputusan penting yang dibuat berhubung umat Islam dan yang dikenakan terhadap mereka dari luar perlulah diberikan perhatian sewajarnya kerana ini adalah untuk kepentingan umat Islam itu sendiri.

Percayalah mesyuarat dan ketetapan daripada sidang kemuncak sama ada oleh Liga Arab di Mesir, Majlis Kerjasama Teluk dan OIC, sidang tidak rasmi dan sidang tergepar semuanya menuntut dicarikan perdamaian. Sebagai wakil rakyat yang sedar dengan tanggungjawab kita bahawa sebarang keputusan menghalalkan perang sama ada dari sudut mana pun walaupun dihalalkan oleh Majlis Keselamatan kita tetap menentanginya.

Tuan Yang di-Pertua, usul ini dibentangkan dengan kesedaran bahawa peperangan jika tidak dihalang dengan segera akan menyebabkan kemarahan oleh satu bilion umat Islam di seluruh dunia. Kita tidak mahu ada tanggapan buruk sesama manusia. Kita juga tidak mahu ada prasangka antara agama. Kerana itu sewajarnya peperangan diharamkan kerana dunia sewajarnya bebas daripada belenggu kepercayaan kuno bahawa membunuh orang akan menyelesaikan masalah dalam hubungan antara negara-negara. Dengan kata lain, merujuk kepada peperangan di Iraq ini ia tidak mungkin menjernihkan suasana tetapi akan memburukkan lagi keadaan di Asia Barat dan masalah pengganas di dunia.

Kita menyokong penuh pendirian Malaysia seperti diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Sidang Kemuncak NAM bahawa Malaysia terus komited kepada prinsip asas yang menolak penggunaan kekerasan dalam menyelesaikan sengketa antara negara-negara, selain kita juga menentang pemilikan atau penggunaan senjata pemusnah besar-besaran oleh semua pihak tanpa sebarang pengecualian. Kerana itu kita menentang sikap Israel yang mengganas dan pemilikan senjata pemusnahnya membahayakan manusia dan dunia. Dalam konteks ini kita mahu bertanya Amerika Syarikat dan sekutunya kenapakah ada *double standard* dalam mengenakan tindakan.

Begitu juga Korea Utara, boleh disabitkan dalam soal pemilikan senjata berbahaya seperti peluru berpandu dan nuklear. Kenapakah ada tindakan terpilih hanya terhadap Iraq dan dua lagi negara yang ingin mempunyai senjata berbahaya terlepas daripada tindakan Washington dan sekutunya.

Peperangan atau ancaman peperangan menyebabkan pelbagai kesan. Kita hairan bagaimana dana kewangan antarabangsa atau IMF boleh mengatakan serangan terhadap Iraq boleh mendatangkan kesan kecil, sedangkan pakar ekonomi Amerika sendiri memberikan amaran bahawa peperangan akan menyebabkan kesan besar. Bukan sahaja kepada ekonomi negara-negara membangun tetapi juga Amerika Syarikat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu ramai yang membenci Saddam Hussein dan kita juga tahu ramai yang sayangkan Amerika Syarikat tetapi persoalannya ialah kenapa mesti sampai kepada peperangan. Malaysia menentang sebarang keputusan yang dibuat, jika ia bersifat unilateral. Sebab itu Malaysia menyokong penuh inisiatif yang diambil oleh beberapa negara anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk melanjutkan tempoh Suruhanjaya Pemantauan Pengesanan dan Pemeriksaan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi tenaga atom antarabangsa untuk menyiapkan pemeriksaan mereka di Iraq. Malah keputusan Iraq untuk bekerjasama penuh dengan pemeriksa senjata serta kesediaannya mematuhi arahan Majlis Keselamatan menggambarkan Baghdad berusaha memenuhi tuntutan Amerika Syarikat dan sekutunya.

Di sebalik itu, tindak tanduk Amerika Syarikat yang gagal mengemukakan bukti kukuh bahawa Iraq memiliki senjata dan yang terbaru gagal membuktikan Iraq mendapatkan uranium untuk membuat senjata kimia dari negara Afrika sungguh mengaibkan.

Kita tidak menyangka sama sekali tindakan tidak bermaruah seperti ini dilakukan oleh sebuah negara yang mendakwa dirinya sebagai paling maju, paling bertamadun serta penegak demokrasi dan banyak lagi yang jauh ke hadapan

berbanding negara seperti Iraq. Ternyata tindakan Amerika Syarikat mengemukakan dokumen palsu untuk membuktikan dakwaan kononnya Iraq memiliki program senjata nuklear sangat memarahkan kita.

Perbuatan ini amat hina dan keji. Sesungguhnya jika negara dunia hilang hormat atau membenci pentadbiran Bush, ia bukanlah suatu yang tidak wajar. Dalam konteks manusia maju dan bertamadun, tindakan ini sangat memalukan dan menjijikkan. Sudah pasti perbuatan pentadbiran Washington ini akan dikenang sebagai antara perbuatan buruk dan keji di dalam sejarah diplomasi moden.

Sungguh hina dan sedih kedudukan orang Islam ketika ini. Mereka dizalimi, dianiaya tanpa pembelaan sewajarnya. Keputusan-keputusan yang unilateral, walaupun membangkitkan kemarahan orang Islam dan mereka akan mentafsir perbuatan itu sebagai perbuatan ganas bukan Islam tetapi sejauh manakah tindakan mereka. Hakikatnya kerana suatu kuasa besar menggila, dunia menjadi kecoh dan pastinya keseronokan, keamanan dan kesejahteraan yang dikecapi kini akan pudar.

Dalam usaha sebegini, tidakkah terfikir oleh kita, sama ada rakan atau pembangkang dalam Dewan yang mulia ini bahawa perpaduan, kesatuan serta persefahaman bersama inilah yang menjadikan negara kita aman. Kita mampu berkongsi kegembiraan bersama serta menikmati kemakmuran bersama.

Jadi, adalah wajar untuk sama-sama berkongsi keperitan yang bakal dihadapi oleh rakyat Iraq jika Amerika menyerang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kerana inilah saya mohon mencadangkan supaya Usul ini diluluskan dalam satu peringatan bahawa tiada siapa yang menang dalam sebarang peperangan kerana yang kalah jadi abu dan yang menang menjadi arang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Sulong.

4.39 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Hari ini kita membahaskan persoalan perang ataupun damai di Iraq. Kita melihat keghairahan Amerika Syarikat dan sekutunya Britain bermati-matian hendak memerangi Iraq walaupun tanpa restu ataupun kebenaran ataupun resolusi kedua Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kita juga sedang menyaksikan perkembangan bagaimana Perancis, Rusia dan Republik Rakyat China dan juga Jerman terus berusaha untuk menyelesaikan masalah di Iraq menerusi saluran politik dan diplomasi.

Apabila Tembok Berlin runtuh, pengaruh komunis di Soviet Russia hancur dan perang dingin berakhir pada tahun 1990, Tuan Yang di-Pertua, kita semua berasa lega. Kita jangka seluruh perkembangan tersebut akan menjadikan dunia bertambah mantap, aman, damai, sejahtera dan saksama tetapi perkembangan ini juga rupa-rupanya menyebabkan dunia ini jadi *uni-polar* dan Amerika pula muncul dan bangkit sebagai satu *superpower* dunia yang tunggal.

Ini menyebabkan Amerika Syarikat dan beberapa sekutunya jadi angkuh dan bersikap menindas. Ini membolehkan mereka *revitalized* ataupun menyuburkan semula agenda *new imperialism* masing-masing, dengan bertopengkan kononnya susunan baru dunia yang kononnya adil, yang kononnya saksama kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, agenda *new imperialism* ini diperkenalkan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya menerusi konsep globalisasi dan liberalisasi perdagangan, perindustrian dan kewangan yang telah pun dicipta berpuluh-puluh tahun sebelum tamatnya perang dingin. Perkembangan-perkembangan seperti inilah, Tuan Yang di-Pertua, yang telah mendorong peperangan di dekad terakhir abad ke-20 dan peringkat-peringkat awal abad ke-21 ini.

Kenyataan kuasa Barat bahawa mereka memerangi sesebuah negara lain, yang berdaulat dan merdeka ataupun *with integrity*, kononnya untuk mempertahankan soal-soal hak asasi kemanusiaan, untuk mempertahankan demokrasi, untuk memelihara keluhuran undang-undang antarabangsa, untuk mewujudkan kesaksamaan sejagat ataupun untuk menghapuskan keganasan antarabangsa, adalah alasan semata-mata untuk menghalalkan agenda *new imperialism* yang lebih besar.

Sebenarnya sesetengah kuasa besar, khususnya Amerika dan Britain, memerangi sesetengah negara ataupun masuk campur dalam sesuatu *civil war*, dengan izin, di sesetengah negara bukan untuk mempertahankan hak asasi manusia, bukan untuk mempertahankan demokrasi, bukan untuk menegakkan keluhuran undang-undang antarabangsa, bukan untuk mewujudkan kesaksamaan, bukan juga untuk memerangi pengganas antarabangsa tetapi untuk menguasai sumber-sumber asli di negara-negara terbabit ataupun sumber-sumber asli di negara-negara sekitar negara yang diperangi ataupun membuka pasaran baru untuk produk-produk dari negara maju.

Perkara ini dinyatakan di bawah dasar luar Clinton, sewaktu Clinton menjadi Presiden Amerika. Mereka berbuat demikian kerana mahu mendominasi dunia, untuk mewujudkan hegemoni tentera, politik dan ekonomi di beberapa negara yang mempunyai kedudukan geopolitik yang strategik kepada syarikat-syarikat multinasional barat yang ghairah untuk menguasai sumber minyak, gas dan juga logam terpenting dunia ini.

Contohnya perang di Iraq pada tahun 1991. Apabila Iraq menyerang Kuwait, maka Amerika pun masuk campur, kononnya untuk mempertahankan kedaulatan Kuwait, kononnya untuk melindungi Saudi Arabia ataupun kononnya untuk melindungi kemanusiaan di Iraq. Tetapi itu bukan niatnya. Niat Amerika menyerang Iraq adalah untuk menghancurkan Iraq kerana Iraq yang suatu ketika dahulu menjadi konco ataupun sekutu Amerika menentang Iran, kerana bila dunia menjadi *uni-polar*, Iraq tidak lagi strategik kepada dasar luar atau dasar ketenteraan Amerika.

Keduanya, kerana Iraq yang telah dibina kuasa tenteranya oleh Barat, mungkin termasuk oleh Amerika mahu dihancurkan ketika itu kerana Amerika bimbang Saddam Hussein yang telah pun diketepikan oleh Amerika akan menggunakan kekuasaannya tentera terhadap Israel, sekutu ataupun anak emas kepada Amerika Syarikat. Itu dia matlamat peperangan di Iraq.

Seterusnya adalah supaya multinasional Amerika Syarikat dapat menguasai sepenuhnya seluruh rizab minyak yang berada di Iraq iaitu yang kedua terbesar di dalam dunia.

Kalau benar Amerika Syarikat memerangi Iraq pada tahun 1991 untuk kemanusiaan, mengapakah hingga ke hari ini pun Amerika Syarikat tidak langsung mempedulikan masalah kemanusiaan yang terjadi di Iraq. Selepas Perang Teluk sehingga hari ini, Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang dua juta umat Iraq mati kerana lapar, kerana tidak ada ubat, khususnya anak-anak.

Purata 5,000 anak-anak Iraq dikatakan mati setiap bulan akibat kebuluran dan penyakit. Ini soal kemanusiaan. Mengapa tidak diperjuangkan oleh Amerika Syarikat. Dan yang paling dahsyat, anak-anak yang dilahirkan di Iraq lepas Perang Teluk, adalah anak-anak yang cacat, tidak ada mata, tidak ada tangan, tidak ada telinga, tidak ada kaki, tidak ada apa, cacat secacat-cacatnya akibat bahana *depleted uranium*. Mengapa perkara ini tidak diperjuangkan oleh Amerika.

Sebaliknya walaupun laporan demi laporan di ketengahkan oleh pihak-pihak yang prihatin terhadap manusia, apa cakap Amerika Syarikat, saya *quote*, Tuan Yang di-Pertua, "*Our policy is to keep Iraq in its box*". Dan mengatakan juga "*What we have done is to put Saddam Hussein back firmly in the cage.*"

"*To put Iraq in its box*" and "*to put Saddam Hussein in the cage*". Tetapi soal kemanusiaan Iraq dibiarkan begitu sahaja oleh Amerika Syarikat. Inilah hipokrasi, inilah kepura-puraan Amerika Syarikat, inilah bukti bahawa Amerika Syarikatlah *barbaric* dan *murderous* sebagaimana yang dikatakan oleh Blair, bukannya Saddam Hussein. Walau apa pun objektif, sifat-sifat yang hendak kaitkan Saddam Hussein yang dikatakan, yang *barbaric and murderous* kemungkinan adalah rejim-rejim Amerika dan sekutunya Blair yang sedang menghadapi masalah politik di negaranya sendiri pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perang Teluk diikuti oleh perang di Bosnia. Pada lahiriahnya peperangan ini juga *civil war* antara puak Islam, puak Croat, puak Katolik dan juga puak ortodoks. Tetapi mengapa mereka masuk campur. Mereka masuk campur oleh kerana kawasan Balkan adalah *the gateway* ataupun kawasan memasuki Caspian Sea yang kaya dengan rizab minyak, yang kaya dengan rizab gas, *trillions of cubic feet, billions of barrel* minyak yang ada di sana. Kawasan ini mesti diamankan

oleh kuasa besar oleh kerana syarikat multinasional dari kuasa besar mahu menguasai telaga minyak dan rizab gas di kawasan itu.

Mengapa Amerika menggunakan *air power* di Kosovo? Oleh kerana Amerika mahu memberitahu Eropah, Amerikalah *the power of the world*. Jadi Eropah kena dengar kerana pada ketika itu ada kelompok-kelompok di Eropah, mahu memisahkan diri dari telunjuk Amerika Syarikat.

Jadi, dia tunjukkan *air power*, dia *demonstrate* dia punya kekuatan dan pada waktu yang sama, dia kata *we have the best and we have the most sophisticated weapons*. Ini rasional kepada peperangan di Kosovo. Dengan itu, saya mengutuk sekeras-kerasnya apa yang akan dilakukan oleh Amerika Syarikat dan saya menyokong sepenuh-penuhnya apa yang telah pun diambil oleh Kerajaan Malaysia. [Tepuk]

Apabila WTC diserang, Amerika menyambar isu itu untuk melebarkan *expansionism* dan juga *new imperialism* ke Afghanistan. Mengapa? Kerana Afghanistan telah lama didendami. Pihak keselamatan di Amerika Syarikat bersama dengan Pentagon serta multinasional Amerika telah lama bekerja di atas *drawing board*, bagaimanakah mahu mengeluarkan gas dari Caspian Sea dan wilayah *Central Asia*. Mereka mengatakan kalau ikut Wilayah Timur, lalu Iran tidak boleh, ikut Russia *not friendly*, ke China apatah lagi. Katanya, dia kata, *the only safest way* adalah menerusi Afghanistan.

Tuan Yang di-Pertua tetapi Afghanistan masa itu dalam keadaan *civil war* tidak mempunyai satu *government*. Maka apabila timbul soal keganasan, Afghanistan pun disasarkan kononnya untuk memerangi keganasan. Tetapi sebenarnya untuk *facilitate* multinasional yang bernama Unicol membina *pipeline*, menyalurkan gas daripada *central Asia* ke Quetta di Pakistan untuk ditapis di Pakistan dan kemudian dieksportkan menerusi pelabuhan-pelabuhan di Pakistan. Itulah niatnya. Pada waktu yang sama, kerana Amerika Syarikat mendapati Afghanistan mempunyai *geopolitical situation* yang strategik, mempunyai Pakistan yang ada *nuclear power*, India ada *nuclear power*, Iran ada *nuclear power*, Iraq ada *nuclear power* dan mahu juga menundukkan beberapa negara yang pernah tunduk kepada Russia supaya tunduk kepada kuasa barat yang baru. Itu sahaja objektif peperangan yang dilakukan di Afghanistan tetapi cuba dihalalkan menerusi *terrorism*. Sekarang ini soal *terrorism* ini sudah merebak kepada soal *weapon of mass destruction*. Siapakah yang mempunyai *weapon of mass destruction* yang sekarang ini dipertontonkan kepada dunia, kalau tidak Israel. Israel menyeludup semua bahan-bahan membuat bom.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, suka saya ingatkan Yang Berhormat telah gunakan 11 minit.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih. Satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak mengatakan Israel *is demonstrating weapons of mass destruction* hari-hari. Apabila Amerika memuncakkan peperangan keganasan, Israel memuncakkan peperangan ke atas rakyat Palestin. Tak kiralah mereka Islam atau tidak Islam, mereka adalah umat manusia. Mengapa pada suatu ketika, dengan satu nada mengatakan yang ini salah tetapi pada satu nada yang lain juga yang ini betul. *This is double standard, double tongued* macam biawak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengatakan bahawa tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia adalah satu pendirian yang betul. Saya amat gembira apabila Menteri Luar Perancis mengambil *quotation* daripada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa peperangan yang dilancarkan sekarang akan melebarkan ancaman terrorisme kepada dunia di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Marang.

4.51 ptg.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berdiri bagi menyokong usul yang dikemukakan kerana usul ini merupakan satu usul yang berkait dengan ancaman terhadap kemanusiaan segajaz yang tidak khusus bagi agama

tertentu dan bangsa tertentu. Tindakan yang dirancang, yang dilakukan bila-bila masa sahaja oleh Amerika dan penyokong-penyokongnya merupakan untuk menghidupkan semula kolonialisme, imperialisme yang sudah diletakkan dalam lipatan sejarah yang telah dilupakan oleh manusia, tetapi hendak dihidupkan semula dengan nama-nama yang menarik dan indah, dengan orde baru dunia, kemudian bertukar kepada globalisasi, yang berakhir akan menjadi Amerikanisasi apabila mereka menganggap bahawa dia adalah kuasa besar tunggal yang boleh melakukan apa sahaja.

Yang tunggal hanyalah Allah S.W.T. Apabila ada makhluk yang menganggap dirinya juga tunggal, maka dia menjadi angkuh. Oleh kerana itu, maka dia melakukan sesuatu yang sangat angkuh. Di antaranya ialah untuk campur tangan dalam negara lain dengan alasan-alasan yang sengaja diwujudkan bagi menghalalkan matlamat dan tujuan.

Serangan untuk dilancarkan ke atas Iraq dengan alasan untuk memecat Saddam Hussein, di mana pemerintahan Saddam Hussein itu bukan hak orang lain, itu adalah hak rakyat Iraq sendiri. Terpulang kepada rakyat Iraq sendiri untuk menentukan siapa yang menjadi pemimpin mereka. Alasan untuk menentang, kerana adanya senjata-senjata merbahaya, semua dunia tahu bahawa Amerika dan sekutunya pernah membekalkan Iraq dalam Perang Teluk yang pertama bagi menyerang Iran dengan senjata yang merbahaya, semua dunia tahu.

Mengapa ketika pembunuhan terhadap golongan Kurdish di 'Halapia' dan lain-lain kuasa Barat mendiamkan diri. Dan kita melihat sendiri berlakunya *double standard* di dalam tindakan yang diambil oleh Amerika, dalam masa yang sama Israel sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat terlebih dahulu daripada saya mempunyai senjata yang lebih merbahaya daripada Iraq sendiri, yang diramalkan ada lebih bahaya daripada Iraq sendiri. Bahkan Israel telah melakukan rekod-rekod jenayah yang diketahui oleh umum dan tidak membenarkan pihak Bangsa-Bangsa Bersatu untuk melakukan penyiasatan. Ini adalah satu perkara yang sangat ketara.

Dan yang paling angkuh apabila Amerika sendiri tidak menerima laporan yang dikemukakan oleh Hans Blix dan Albaradei yang berkait dengan penyiasatan berhubung dengan persenjataan Iraq. Ini ditolak mentah-mentah dan hendak dilakukan peperangan juga. Oleh kerana itu, kita merasakan perlunya ada perimbangan dunia dalam menghadapi kuasa besar yang angkuh ini. Adalah wajar bagi negara kita yang mengendalikan persidangan NAM bersama dengan kuasa-kuasa besar yang lain, yang tidak bersetuju dengan peperangan walaupun kita tahu ada kepentingan masing-masing tetapi hendaklah melupai kepentingan ini bagi menyelamatkan manusia sejagat. Maka langkah yang proaktif daripada negara kita, berlonjak daripada NAM bersama dengan kuasa-kuasa besar yang lain mengambil suatu langkah yang positif agar peperangan tidak akan berlaku dan dijauhkan daripada berlaku kerana ia merupakan malapetaka yang melanda dunia termasuk Amerika sendiri akan menjadi sasaran selepas tindakan yang melulu yang dilakukan itu.

Bagi merealisasikan dengan cara yang lebih serius, pihak PAS bersama dengan BA akan menganjurkan demonstrasi aman pada hari Jumaat di hadapan Kedutaan Amerika [*Tepuk*] dan kita juga bersama dengan kerajaan dan NGO untuk menghantar sukarelawan ke Iraq sekiranya peperangan berlaku - sukarelawan kemanusiaan, bukan untuk berperang bagi membantu atas nama kemanusiaan. Ini merupakan satu sikap bersama yang perlu kita lakukan demi kebaikan kita bersama. Dan bagi pihak PAS saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan.

4.55 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Shah Alam telah menyebutkan bukan Islam di dalam usul pagi tadi seolah-olah semua bukan Islam yang akan menyerang Iraq. Saya hendak memberi peringatan kepada beliau bahawa Timbalan Presiden Iraq, Tariq Aziz itu ialah seorang Kristian dan juga suara bukan Islam yang berkumandang di seluruh dunia untuk menentang perang termasuk Jimmy Carter. Dan juga perisai manusia di Iraq mempunyai bukan Islam termasuk orang-orang Amerika. Itulah peringatan yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam.

Malaysia mestilah berikhtiar untuk menyokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan seterusnya menghalang Amerika Syarikat daripada melancarkan

perang ke atas Iraq. Krisis di antara Amerika Syarikat dengan Iraq hampir mencecah kemuncak. Presiden George W. Bush menegaskan bahawa hanya perang sahaja dapat menyelesaikan krisis Iraq. Caucus beliau berpegang kuat dengan pendiriannya. Semalam Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Colin Powell mengancam Majlis Keselamatan PBB bahawa perang tersebut mungkin berlaku lebih awal dari tanggal 17 Mac ini. Penasihat Keselamatan Negara Amerika Syarikat, Condoleeza Rice mengatakan bahawa muslihat yang dimainkan oleh Saddam sudah berakhir. Masanya sudah tiba untuk menghalangnya.

Deklarasi Sidang Kemuncak NAM, itu baik dan bulan lepas sudah menentang perang Iraq. Kita tidak setuju dengan penyelesaian kemelut Iraq melalui perang yang akan membawa implikasi dan konsekuensi yang mengerikan. Kita mahu PBB menangani kemelut Iraq. Sementara itu, Saddam patutlah bekerjasama sepenuhnya dengan inspektor senjata PBB. Biarkan rakyat Iraq yang menukarkan kerajaan dan para pemimpinnya. Itulah caranya.

Seandainya sebuah kuasa besar dapat menyerang dan menukar kerajaan negara yang kecil maka sangat bahayalah perbuatan itu. Kedaulatan undang-undang antarabangsa tidak wujud lagi.

*Duduk di Eropah Barat,
Cepat datang sedepa tanduk,
Pelanduk melupakan jerat,
Jerat tidak melupakan pelanduk.*

Amerika Syarikat tidak boleh mengambil alih tanggungjawab PBB. Sebagai sebuah negara kecil kita mestilah menyokong PBB dengan sepenuhnya. Kerajaan haruslah bertungkus-lumus lagi berbuat demikian, mudah-mudah perang di Iraq dapat dielakkan. Kita ada satu minit lagi.

Di sinilah pihak - ini bukan satu soal parti politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh lebih daripada satu minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, satu minit lebih lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, boleh.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ucapan baiklah, kita mewakili semua sebab pada satu ketika beberapa tahun yang lepas kita bersama-sama dengan UMNO dan semua parti siasah di dalam Dewan yang mulia ini sama-sama menentang perang di Bosnia-Herzegovina, semasa itu ada usaha untuk memusnahkan orang-orang Bosnia-Herzegovina. Dan kali ini kita bersama-sama dengan UMNO, PAS dan semua parti siasah untuk sama-sama menentang perbuatan Amerika Syarikat. *[Tepuk]*

Kita tidak tahu sama ada dalam beberapa hari ini, kuasa-kuasa di dalam Majlis Keselamatan PBB akan berjaya untuk menentang Amerika Syarikat, kononnya Amerika Syarikat sibuk sangat untuk menggunakan wang dan helah yang lain untuk memaksa atau *coerce* negara-negara, ahli-ahli majlis tersebut untuk menyokong resolusi yang kedua Amerika Syarikat.

Dan saya berharap Yang Berhormat Menteri Luar Negeri boleh pergi ke Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyuarakan, untuk mencari jalan kerana kita ada kemahiran di dalam PBB, bukan sahaja Shah Alam akan pergi ke situ, dia anggap dia mahir di dalam hal PBB *[Disampuk]*. Bukan Shah Alam, Yang Berhormat Menteri Luarlah saya percaya ada kemahiran, akan pergi ke situ *[Tepuk]*. Dia anggap sebagai Pengerusi BBC, dia pandai sangat dalam hal ini.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan, kita mesti belajar dahulu. Di dalam PBB ini ada peraturan yang tertentu yang mengambil masa bertahun-tahun untuk menjadi mahir di dalam semua prosedur ini. Saya berharap kita di dalam pembangkang DAP pun tahu juga sedikit sebanyak mengenai hal ini walaupun kita tidak diberi peluang untuk pergi ke PBB termasuk juga dengan NAM. Saya seronok, terima kasih kerana ada di sini. *[Sambil merujuk kepada dokumen berkenaan]* Saya akan baca dengan teliti mengenai NAM ini. Akan tetapi malangnya, saya tidak mendapat kad undangan untuk menyertai NAM.. *[Disorak]* Dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita ini.... *[Disampuk]* Ini, ini,

ini, kita hendaklah bersama-sama menentang Amerika Syarikat di dalam usaha untuk mengadakan perang terhadap Amerika Syarikat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ini sudah lari dah!

Dr. Tan Seng Giaw: Pelawaan....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Berpusing-pusing!

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini kita bincangkan usul yang serius.....

Dr. Tan Seng Giaw: Di sinilah kita pun boleh memaafkan dahulu kerana usul ini lebih penting daripada undangan ke sidang NAM ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak adalah lainkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Habiskah?

Dr. Tan Seng Giaw: Ada masalah yang lain juga. Sering dikatakan bahawa masalah minyaklah fakta yang utama, saya pun tidak tahu. Cuma saya berharap jangan kita membiarkan mana-mana kuasa besar hendak mengaturkan kerajaan di Iraq macam itu sahaja, hendak pilih sesiapa yang akan mentadbir dan kemudian itu akan pilih dan sebagainya. Ini memang bukan cara demokrasi yang kita faham. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kemaman.

5.04 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih. Setelah tertubuhnya kerajaan pertama di Madinah oleh Rasulullah S.W.T., Islam mula berkembang menjadi kuasa dunia lebih daripada 1000 tahun. Kuasa Islam mula runtuh bermula pada tahun 1492 apabila Kerajaan Islam Sepanyol yang berpusat di Granada jatuh diikuti pula dengan Kerajaan Islam Melaka pada tahun 1511 kepada Portugis dan kejatuhan Vienna dari Kerajaan Othmaniah Turki kepada gabungan tentera Salib pada tahun 1683. Bermula dari tarikh itu, wilayah-wilayah Islam mula dijajah dan dipecahbelahkan di kalangan penjajah sehingga pada tahun 1919. Seluruh dunia Islam dijajah melainkan empat buah negara iaitu Iran, Afghanistan, Turki dan Saudi Arabia.

Sebelum dimerdekakan, umat Islam diterapkan dengan pelbagai ideologi seperti nasionalisme, komunisme, kapitalisme, sosialisme agar penjajahan dapat diteruskan. Perkembangan mutakhir dalam dunia Islam mencemaskan musuh-musuh Islam bermula dengan kejatuhan pertamanya, Kerajaan Beraja Shah Iran kepada kepimpinan ulamak. Walaupun ditekan, ditindas, diboikot, namun Iran terus dapat membangun dan menjadi sebuah negara yang benar-benar merdeka dan jauh lebih maju daripada negara-negara Islam yang lain yang mengikut telunjuk Barat.

Kejatuhan kuasa besar dunia rejim Komunis Rusia di tangan umat Islam Afghanistan yang sekali gus meruntuhkan ideologi komunisme dan sosialisme. Dengan kejatuhan Rusia ini dunia tidak

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Dengan kejatuhan Rusia ini, dunia tidak lagi dibahagikan dengan berlandaskan ideologi tetapi mula dibahagikan berlandaskan paksi agama. Barat dan Amerika Syarikat mewakili paksi Yahudi-Kristian; dunia Islam mewakili paksi Islam; China, Confusionisme; India mewakili Hindu; manakala Jepun, Thailand dan Burma mewakili Buddha. Kemenangan parti berpaksikan Islam di Turki dan di negara-negara Islam yang lain seperti Pakistan, Indonesia, Morocco, Bahrain dan sebagainya membimbangkan dunia barat. Tidak hairanlah tindakan diambil ke atas Afghanistan dan Iraq kerana terdapat banyak peralatan senjata yang pada suatu ketika dahulu dibekalkan oleh Barat dan dibiayai oleh dunia Islam. Semasa Iraq berperang dengan Iran.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Abd. Rahman bin Yusof:dan Pakistan dengan Rusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kemaman,.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sekejap, ada sikit....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita perlu memberikan masa untuk Menteri menjawab.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okey, okey. Senjata ini takut digunakan terhadap Barat pula. Malaysia tidak terkecuali dari kebimbangan Barat kerana kedudukannya yang strategik di mana ia terletak dan menguasai laluan terpenting dunia yang menghubungkan perdagangan di antara Timur dan Barat iaitu Selat Melaka. Adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat Malaysia menentang usaha Amerika ini kerana selepas Iraq, mungkin Malaysia atau Indonesia menjadi sasaran pula dalam usaha Barat menyekat kebangkitan Islam menjadi kuasa baru dunia yang akan menjadi kuasa saingan kepada kuasa hegemoni Amerika Syarikat dan Barat yang bermaharajalela hari ini.

Usaha melumpuhkan kebangkitan Islam ini bukan sahaja terhad kepada peperangan sahaja tetapi juga ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Sebab itulah saya menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Shah Alam kerana ini adalah merupakan untuk kepentingan bersama umat Islam seluruhnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Menteri.

5.07 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Shah Alam yang telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 18(1) – Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat untuk dibahaskan oleh Dewan yang mulia ini. Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta di dalam membahaskan usul ini yang kita anggap sangat penting dan ianya menunjukkan keprihatinan dan penghayatan Malaysia yang cintakan kepada kedamaian dan keamanan.

Saya juga melihat bahawa pada petang ini, usul ini telah dibahaskan dengan secara matang di mana parti-parti pembangkang menyokong usul yang dibawa oleh pihak kerajaan dan saya harap dapat terus menyokong kerajaan dalam melakukan perkara-perkara yang baik. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya jelaskan di sini, selalunya suara pemimpin Malaysia sama ada suara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, ataupun suara Timbalan Perdana Menteri kita dan pemimpin-pemimpin Malaysia di dalam hal-hal yang melibatkan keamanan dan kedamaian, dan pegangan kita mahukan kepada pendekatan keamanan daripada peperangan seolah-olahnya ia hanya suara daripada pemimpin. Tetapi pada hari ini kita buktikan kepada dunia bahawa suara pemimpin Malaysia adalah suara rakyat Malaysia dan wakil-wakil Parlimen Malaysia.

Oleh itu saya berharap kita akan mengambil tindakan sebagai Ahli-ahli Parlimen untuk menghantar usul ini kepada Parlimen di seluruh dunia untuk membanteras peperangan daripada berlaku. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mengkhawatirkan kita pada hari ini ialah badan dunia seperti PBB boleh diancam dan diugut. Ini adalah satu perkembangan yang tidak sihat, oleh itu kita perlu membuat suara kita jelas dan terang supaya orang tidak ragu-ragu terhadap pendirian Malaysia.

Semasa Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad membuat ucapan di Persidangan NAM, orang menganggap ini adalah satu ucapan yang keras, yang tegas, tetapi ucapannya diterima sebulat suara oleh Sidang Kemuncak. *[Tepuk]* Tidak ada orang yang suka memperkecilkan usaha Malaysia di dalam Sidang Kemuncak tersebut tetapi Sidang Kemuncak tersebut telah dapat menyuarakan soal keadilan dan kemanusiaan. Bukan soal agama, bukan soal kedudukan siapa yang mahu menentang siapa tetapi keadilan perlu mengatasi kezaliman yang sedang dan hendak dilakukan oleh pihak-pihak kuasa besar.

Oleh itu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua pihak dan Malaysia akan sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya di semua medan, di semua tempat dengan negara-negara lain bagi menjamin bahawa keadaan dunia tidak boleh dipaksa oleh mana-mana kuasa besar.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong yang mengatakan bahawa Amerika Syarikat tidak boleh menjadi PBB dan pada hari ini, Dewan kita, Dewan yang mulia ini, akan menunjukkan kepada dunia semasa Malaysia, saya mahu memberi tahu Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia pada hari ini telah mengemukakan di atas satu usul selaku Pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali di Majlis Keselamatan dan ianya telah dipersetujui supaya diadakan suatu perbahasan terbuka di Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu [*Tepuk*]. Walaupun saya tidak dapat pergi ke Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi Wakil Tetap kita akan mengambil bahagian dan mencadangkan usul untuk menentang peperangan sebagai satu cara bagi menyelesaikan masalah. [*Tepuk*]

Perbahasan ini akan diadakan pada 11 Mac jam 3.00 petang waktu New York iaitu bersamaan jam 4.00 pagi waktu Malaysia. Wakil Malaysia akan membawa segala usul yang telah kita putuskan di Sidang Kemuncak XIII di Kuala Lumpur termasuk juga usul yang bersabit dengan kenyataan kita terhadap Iraq.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ataupun kenyataan berkenaan Iraq yang dibuat secara berasingan kepada dokumen terakhir yang telah saya edarkan tadi, adalah usul yang didraf oleh Malaysia dan Malaysialah yang menjadi pendrafnya dan kita melakukan usul itu dan disokong oleh semua ahli Sidang Kemuncak.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, amat penting sekali kita pada masa ini memberikan galakan, dukungan kepada Ahli-ahli Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di dalam usaha mereka untuk menjamin keamanan dan kedamaian dunia. Kita tidak boleh membenarkan pihak Amerika Syarikat dan sekutunya seperti Britain, Sepanyol dan juga Australia yang tidak ada pasal alih-alih mahu masuk campur di dalam peperangan dan menggalakkan peperangan.

Oleh itu kita berharap bahawa segala usaha yang dijalankan oleh pihak pemeriksa senjata hendaklah diteruskan di bawah Usul 1441 dan kita berasa hairan mengapa 1441 masih lagi di dalam proses pelaksanaan, mengapa kita hendak membawa Majlis Keselamatan dipaksa untuk membawa usul kedua. Dan usul kedua ini semata-mata untuk menentukan mereka boleh memulakan peperangan di Iraq.

Kalau tidak diluluskan, peperangan juga akan dilakukan. Jadi iklim peperangan ini yang dibawa oleh kuasa besar ini akan menjerumuskan dunia dalam keadaan ketidaktentuan dan juga akan membawa ekonomi seluruh dunia di dalam keadaan yang amat teruk sekali.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, perbahasan yang kita akan bawa di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini ada orang bertanya mengapakah kita bercakap kalau kita tidak bercakap, saya berasa kita akan lebih berdosa dan berasa bersalah. Insya-Allah, dengan percakapan kita, kita mahu Amerika Syarikat bukan sahaja mendengar suara negara-negara di dalam dunia tetapi mereka juga mendengar suara masyarakat dan rakyat antarabangsa.

Sekarang sudah ada *consensus* di peringkat rakyat antarabangsa untuk menentang peperangan. Bukan sahaja rakyat Malaysia, rakyat Amerika Syarikat sendiri di Britain, di Perancis, di banyak negara di Eropah, di Latin Amerika, semuanya tidak mahu peperangan, mengapakah kita mesti menutup telinga daripada mendengar suara dan rintihan rakyat dunia tidak mahu kepada peperangan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, perbahasan terbuka yang akan kita adakan ini akan memberi peluang kepada semua anggota PBB untuk menyatakan pendirian masing-masing mengenai isu Iraq di Majlis Keselamatan. Ini akan memberi tekanan. Kita harap tekanan yang berkesan ke atas Amerika Syarikat dan sekutunya kerana majoriti anggota PBB tidak menyokong tindakan ketenteraan dilaksanakan terhadap Iraq.

Justeru itu, cadangan Malaysia ini menunjukkan yang Malaysia mahukan proses materialisme diguna pakai bagi mencari jalan penyelesaian secara aman demi keadilan dan keamanan sejagat. Kita tidak boleh membenarkan isu Iraq ini digunakan

sepenuhnya oleh Israel untuk terus membunuh, untuk terus menakluki wilayah Palestin. Orang-orang Palestin sudah cukup membayar apa yang telah dilakukan, dosa yang telah dilakukan oleh orang-orang Eropah, negara mereka diambil dan sekarang tempat mereka, mereka tidak mempunyai negara. Oleh itu penting kita menunjukkan satu sikap yang tegas bagi mencapai matlamat kita bersama iaitu mahukan keamanan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih, kita mengalu-alukan pendirian negara-negara anggota tetap seperti Russia, China dan Perancis yang bertekad menyekat Amerika Syarikat mendapatkan kelulusan Majlis Keselamatan bagi resolusi kedua untuk membuka jalan baginya menyerang Iraq. Malaysia juga menyokong pendirian Perancis, Russia dan Jerman supaya pemeriksaan senjata diperkukuhkan dan mereka diberi masa supaya matlamat perlucutan senjata Iraq secara aman dapat dicapai.

Kalau kita membaca tiap-tiap ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sama ada ahli tetap ataupun ahli yang tidak tetap, semuanya mengatakan sudah ada kemajuan di dalam pemeriksaan senjata ataupun pemeriksaan untuk melucutkan senjata berbahaya Iraq dan oleh itu ianya perlu diberikan peluang yang cukup bagi menjayakan kerja-kerja pemeriksa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, Arau bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri terutamanya saya ingin mengucapkan tahniah di atas jawapan, ketegasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya melihat Yang Berhormat Menteri kita ini di mana-mana pun konsisten dalam memperjuangkan masalah yang kita bincangkan ini. Ini sebenarnya yang telah membawa kejayaan kita dalam kita menganjurkan NAM baru-baru ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apa Yang Berhormat sebutkan tadi, krisis yang timbul dan kita melihat *double standard* sikap Amerika ke atas Iraq berbanding dengan apa yang berlaku di antara Palestin dan juga Israel. Setahu saya, Israel telah melanggar berbagai-bagai resolusi yang telah diputuskan oleh PBB tetapi nampaknya Israel terlepas daripada apa juga tekanan dan apa juga tindakan daripada Amerika Syarikat. Apakah langkah-langkah ataupun pandangan kita, Malaysia, terhadap sikap ini supaya dapat dijelaskan lagi oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Arau yang telah membangkitkan isu *double standard* yang telah disebutkan oleh ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbincangan tadi. Memangnya kita tengok sekarang ada tujuan dan matlamat untuk menyeragamkan dunia untuk melahirkan *hegemony* mengikut bentuk yang dikehendaki oleh kuasa besar.

Kalau kita lihat di Israel misalnya, Israel sebenarnya boleh bermaharajalela. Pada hari ini Israel menduduki wilayah-wilayah yang telah ditetapkan melalui usul-usul Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk terus duduk, turut melakukan kegunaan dan melakukan apa yang kita boleh panggil, dengan izin, *terrorism* tanpa sekatan, tanpa apa-apa bantahan daripada mana-mana pihak. 37 usul Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah tidak dipatuhi oleh Israel dan ini tidak langsung diambil tindakan. Kalau kita melihat kepada

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti saya habiskan ini. Kalau kita lihat pada usul untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Penyiasat di atas kezaliman Israel dan pembunuhan yang dilakukan di Jenin, di Tebing Barat Palestin, Israel tidak bersetuju dengan usul tersebut. Maka usul itu ditarik balik. Mengapakah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mesti tunduk kepada tuntutan Israel. Bila Israel tidak bersetuju, tidak boleh kita mengambil sesuatu langkah bagi menjayakan hasrat dan cita-cita rakyat Palestin.

Begitu juga bila Malaysia mencadangkan supaya dihantar pasukan tentera antarabangsa untuk meleraikan kedua-dua pihak yang bertelagah di Timur Tengah iaitu di Palestin dan Israel, mereka mengatakan tidak boleh melakukan kerana Israel tidak

bersetuju. Jadi inilah *double standard*, talem dua muka, hipokrasi yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Malang kita di dunia ini kerana ada syaitan seperti Bush. Seluruh dunia menentang hasrat Amerika untuk menyerang Iraq. Kalaupun sekiranya seluruh dunia sepakat sekata dalam persidangan PBB yang akan berlangsung sekarang ini ataupun besok, menentang usaha Amerika untuk menyerang Iraq, apa tindakan Bangsa-Bangsa Bersatu kepada syaitan seperti ini?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, yang paling pentingnya ialah kita menentukan bahawa kedudukan dan sistem orde dunia yang berasaskan kepada piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dapat dijamin dan kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia tidak digadaikan oleh kerana tindakan mana-mana negara.

Yang Malaysia mengambil tindakan ini, untuk mengadakan perbincangan terbuka. Ia dalam sistem Bangsa-Bangsa Bersatu hanya Majlis Keselamatan sahaja yang membincangkan tetapi Malaysia menganggap semua negara yang menjadi Ahli Bangsa-Bangsa Bersatu patut mengambil bahagian. Sebab itu kita meminta supaya diadakan satu persidangan terbuka yang membolehkan semua negara menjadi wakil di dalam Bangsa-Bangsa Bersatu untuk berhujah dan bercakap.

Dan, saya harap suara seluruh dunia ini akan didengar dan tidak mereka menutup telinga dan mata mereka daripada kehendak masyarakat dunia.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua orang bangun. Yang Berhormat bagi Jeli dan Yang Berhormat bagi Sipitang.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat bagi Jeli, lepas itu Yang Berhormat bagi Sipitang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini satu keputusan telah dibuat selepas mesyuarat NAM, iaitu satu ketetapan. Cuma saya ingin bertanya, apakah ketetapan itu sebulat suara menentang serangan Amerika dan sekutu-sekutunya, Britain dan juga Sepanyol terhadap Iraq, ataupun hanya keputusan majoriti terhadap serangan yang bakal dilakukan oleh Amerika Syarikat, Britain dan Sepanyol terhadap Iraq?

Kita melihat Yang Berhormat Menteri bahawa Amerika Syarikat cukup yakin memperolehi 9 undi di dalam Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kita lihat bahawa usaha-usaha yang dijalankan oleh Amerika Syarikat ialah mengikat pakej sokongan tersebut dengan bantuan-bantuan kewangan terutamanya Angola, Cameroon, Guinea. Apakah kita tidak ada cara yang lain, Malaysia dan juga beberapa negara-negara kaya misalnya Perancis, yang nampaknya akan menggunakan vetonya, Rusia dan sebagainya.

Kerana walaupun Amerika Syarikat cuba mendapatkan sokongan negara-negara ini yang juga merupakan anggota NAM, dengan memberikan pakej-pakej bantuan, apakah Perancis dan juga negara-negara lain tidak bersama Malaysia, tidak boleh memberi ganjaran yang sama supaya mereka ini konsisten, supaya kita tidak mahu NAM semasa di Kuala Lumpur bersepakat, tidak bersetuju dengan serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Tetapi apabila di luar kepompong NAM tiba-tiba mereka pula yang mengundi supaya diluluskan melalui Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyerang Iraq. Apakah sikap dan juga pendirian yang akan dipegang oleh NAM kerana Malaysia akan menjadi pengerusi NAM selama 3 tahun selepas ini terhadap negara-negara yang bersama kita bersetuju, di luar rumah kita sudah lain jawapannya. Minta penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jeli. Saya fikir dalam perbahasan hari ini, penting sekali kita tidak melahirkan keraguan terhadap keputusan yang dicapai di persidangan kemuncak NAM. Sidang kemuncak itu dari segi prosedurnya, sidang kemuncak NAM boleh mencapai konsensus yang tidak bermakna *unanimity*, bermakna suara yang terbanyak boleh mempengaruhi.

Tetapi dalam hal ini, ianya diputuskan di peringkat Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara NAM, tidak ada satu pun yang membantah. Selepas itu apabila kita bincangkan di peringkat ketua-ketua negara dan ketua kerajaan, tidak ada bantahan, semuanya menerima.

Tetapi soalnya, sama ada negara-negara tersebut akan mengikuti keputusan yang telah dibuat semasa persidangan NAM atau tidak adalah persoalan yang lain. Kita tidak boleh membayar negara-negara untuk mencapai matlamat yang berasaskan kepada keadilan dan kemanusiaan. Ini tidak akan menjadi sesuatu perkara yang betul dan berprinsip dan berkonsisten dengan pegangan kita. Sebab itu Perdana Menteri kita menggunakan, kita punya nama, imej kita dan kehormatan yang orang berikan kepada kita untuk menulis kepada mereka supaya mereka tetap berpegang kepada apa yang telah diputuskan di persidangan kemuncak negara-negara berkecuali.

Tetapi, buat masa ini, kita tengok Pakistan, Parlimennya sudah mengatakan mereka tidak akan menyokong usul. Kita tengok Cameroon, begitu juga mengatakan mereka tidak akan menyokong usul. Yang kita hendak tentukan ialah negara-negara yang menjadi ahli tetap. Jerman bukan ahli tetap tetapi mereka tetap dengan pegangan mereka.

Kita bukan sokong kepada mana-mana rejim, kita tidak sokong kepada rejim tetapi kita sokong dalam soal keadilan dan soal kemanusiaan dan inilah yang menjadi asas kepada keberanian kita. Kita tahu kita punya kedudukan diancam dan sentiasa diancam oleh kerana ketegasan kita, pegangan yang kita lakukan, keberanian kita tetapi ini semua saya fikir tidak penting.

Kita akan berasa bersalah kalau satu suara berasaskan kebenaran, bukan *might is right*, bukan kekuatan menjadi kebenaran tetapi kita hendak tentukan bahawa kebenaran sebenar mesti ditegakkan di sepanjang masa. Oleh itu saya percaya dan yakin Rusia, Perancis, China, akan mengambil tindakan untuk begitu. Tetapi Amerika dan sekutunya mengatakan, kalau tidak ada resolusi daripada Bangsa-Bangsa Bersatu, mereka akan tetap berperang.

Ini iklim peperangan sebenarnya, peperangan sudah dimulakan dan Iraq tidak mempunyai kemampuan untuk mengalahkan ataupun mempunyai senjata yang boleh memusnahkan sebab itu mereka terus bom di utara dan selatan Iraq tanpa balasan daripada Iraq. Hendak tukar rejim, boleh tukar tetapi rakyat Iraq yang menentukan mana-mana pertukaran rejim dan bukan kuasa-kuasa lain di luar Iraq.

Jadi, saya mengucapkan terima kasih tetapi saya berasa bangga pada kali ini, ia tidak menimbulkan masalah untuk mendapat kelulusan semua kenyataan yang telah kita lakukan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Shah Alam atas usul tersebut dan juga buat pembuka tirai nampaknya ada sokongan daripada pihak pembangkang. *[Tepuk]* Ini satu permulaan yang baik, kita harap berterusanlah.

Saya ucap tahniah kepada Kerajaan Malaysia di atas usaha ini, terutama sekali dapat mengusulkan satu sidang khas perbahasan terbuka di Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya memikirkan hasil daripada perbahasan terbuka itu nanti, tujuan utama ialah supaya peperangan tidak berlaku. Kalau peperangan tidak berlaku, itu satu kejayaan yang besar tetapi itu tidak berhenti di situ sahaja sepatutnya.

Sepatutnya Amerika juga dihukum oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, seluruh dunia sepatutnya menghukum Amerika Syarikat. Dan, kita mengharap sebagai pentadbiran dunia, kalau dikira PBB ini ialah sebagai Parlimen dunia adalah jawatan-kuasa tertinggi yang boleh menghukum sesuatu negara itu atas kesalahan ini. Dan, Amerika ini dihukum kerana mereka mempunyai niat yang tidak baik.

Yang pertama sekali, mereka melakukan pembunuhan terancang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat soalan? Masa tidak ada lagi. Soalan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Yang kedua, mereka adalah penganas. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita harap Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dapat menegaskan hal ini dan dapat menyelesaikan masalah ini melalui usul kita. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: *I think there is no* soalan. Saya hanya mengucapkan berbanyak terima kasih. Saya ingin membuat beberapa cadangan bagi merumuskan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam suatu usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam tadi seperti berikut:

“Supaya Dewan yang mulia ini,

- (i) mengutuk dengan keras tindakan ketenteraan secara unilateral dan pendekatan peperangan oleh mana-mana pihak di dalam menyelesaikan isu Iraq;
- (ii) menyokong penyelesaian isu Iraq dibuat melalui proses *multilateral* iaitu melalui Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menjamin keamanan dan kestabilan di rantau Asia Barat khususnya dan di dunia amnya; dan
- (iii) menyokong supaya pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu diberi masa bagi menjalankan tugas-tugas mereka di Iraq selaras dengan mandat Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Resolusi 1441.

Pihak kerajaan ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan usul di atas dan memberi sokongan padu kepada pendirian kerajaan. Terima kasih.... [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, maka saya tutupkan perbahasan ini dan dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Lampiran**TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XII
TUANKU SYED SIRAJUDDIN PUTERA JAMALULLAIL**

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim

Assalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh,

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama di Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Kesepuluh pada hari ini.

Beta bersyukur ke hadrat ke hadrat Allah S.W.T. kerana keselamatan negara adalah terkawal dan negara terus berada dalam keadaan aman dan stabil. Pentadbiran kerajaan di bawah pimpinan memanda Beta Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah menjalankan usaha-usaha bagi mencegah dan mengawal punca-punca yang boleh mencetuskan keadaan yang menggugat keamanan dan ketenteraman negara. Justeru keselamatan dan kestabilan negara dapat dikekalkan.

Beta mengucapkan tahniah kepada memanda Perdana Menteri dan kerajaan di atas kejayaan menganjurkan Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara atau Kerajaan Pergerakan Negara-negara Berkecuali Ke-13 baru-baru ini. Beta yakin, selaku Pengerusi untuk tempoh tiga tahun yang akan datang, Malaysia mampu menerajui Pergerakan Negara-negara Berkecuali dalam menghadapi cabaran-cabaran masa kini demi keadilan, kemakmuran dan kesaksamaan segajait serta menyumbang ke arah penyelesaian konflik secara aman. Beta juga yakin dengan kepimpinan Malaysia untuk terus menyuburkan Pergerakan tersebut supaya ia kekal relevan dalam memenuhi aspirasi dan kepentingan ahlinya.

Dunia kini berhadapan dengan pelbagai masalah dan keadaan tidak menentu termasuk ancaman keganasan. Peristiwa 11 September 2001 telah menjejaskan imej agama, masyarakat dan negara-negara Islam di seluruh dunia. Beta amat kesal kerana berikutan peristiwa tersebut, keganasan sentiasa dikaitkan dengan Islam lantaran beberapa tindakan keganasan oleh segelintir individu Islam. Sebaliknya, tindakan yang jauh lebih ganas yang dilakukan oleh kumpulan atau individu bukan Islam, langsung tidak pernah dikaitkan dengan agama mereka.

Tidak dinafikan keganasan boleh mengancam keselamatan umat manusia. Oleh itu, adalah wajar masyarakat antarabangsa bertindak tegas ke atas mereka yang bersubahat dan yang melakukan keganasan. Walau bagaimanapun, sekiranya tindakan ini tidak diiringi dengan kebijaksanaan serta pendekatan yang komprehensif dan kolektif, matlamat yang ingin dicapai mungkin tersasar.

Beta juga amat bimbang terhadap kecenderungan pihak-pihak tertentu yang mengambil tindakan secara bersendirian dan mengetepikan norma-norma antarabangsa serta proses pelbagai hala melalui peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atas nama memerangi keganasan. Beta berharap semua kerajaan di dunia sedar dan menerima hakikat bahawa mereka saling memerlukan antara satu sama lain dalam menyelesaikan isu-isu antarabangsa. Isu-isu ini perlu diselesaikan secara aman dan saksama, bukan melalui peperangan. Kuasa-kuasa besar dunia hendaklah terlebih dahulu memahami punca-punca keganasan sebelum mengambil tindakan ketenteraan. Beta amat kagum dengan semangat yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia yang dapat dilihat melalui penyertaan hampir 200,000 orang daripada pelbagai kaum dan agama di perhimpunan Aman Malaysia yang diadakan baru-baru ini bagi menyuarakan bantahan terhadap peperangan dan mempelopori keamanan dunia.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Beta bersyukur ekonomi negara telah berkembang dengan kukuh setelah mengalami pertumbuhan yang perlahan pada separuh pertama tahun lepas. Ekonomi negara kita semakin mantap dan Malaysia merupakan salah sebuah negara yang berjaya mencatat prestasi pertumbuhan yang baik dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu. Kejayaan ini adalah hasil kebijaksanaan Kerajaan Beta menggubal dasar dan strategi, mampu bertindak pantas terhadap sebarang perubahan yang berlaku di sekeliling serta berani membuat pembaharuan dalam

pengurusan ekonomi negara. Keupayaan merangsang pertumbuhan ekonomi negara didorong sebahagian besarnya oleh kejayaan kita menggerakkan aktiviti ekonomi dalam negara. Justeru kita tidak perlu bergantung kepada perkembangan luar untuk menjana pertumbuhan ekonomi.

Untuk terus maju, asas ekonomi perlu dipelbagaikan dan bidang-bidang baru dikenal pasti, terutamanya dalam sektor perkhidmatan, pertanian dan pembuatan yang berpotensi untuk diperkembangkan lagi. Bagi menjayakan usaha ini, sektor swasta mesti sanggup dan berani mengambil risiko tanpa mengharap bantuan dan sokongan kerajaan semata-mata.

Perdagangan antarabangsa Malaysia terus mengalami impak dari faktor-faktor luaran seperti kelembapan pemulihan ekonomi global dan persaingan sengit dari negara-negara pengeksport yang lain. Walau bagaimanapun, sektor eksport negara dijangka terus menyumbang kepada kecergasan pertumbuhan ekonomi dengan lebih dagangan yang terus dicatat pada tahun 2002.

Peningkatan eksport Malaysia akan dicapai menerusi langkah mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam pasaran tradisi sedia ada dan menceburi pasaran baru serta yang sedang membangun. Sehubungan ini, penekanan akan ditumpukan kepada pasaran seperti negara-negara ASEAN, Asia Barat dan China. Langkah-langkah akan terus diambil untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat eksport bagi produk halal. Di samping itu usaha-usaha akan ditingkatkan lagi bagi menggalakkan sektor perkhidmatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta berasa sungguh sukacita dengan prestasi harga beberapa komoditi seperti kelapa sawit, getah dan koko. Sektor komoditi masih merupakan penyumbang penting kepada pendapatan eksport negara serta melegakan sebarang impak negatif yang timbul dari kelembapan ekonomi dunia. Sumber-sumber pertumbuhan yang baru akan terus dikenal pasti untuk mempertingkatkan lagi sumbangan sektor komoditi kepada ekonomi negara.

Sektor pertanian terus berkembang dan telah dikenal pasti sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara. Namun kita masih menghadapi masalah perbelanjaan yang besar bagi mengimport bahan makanan. Kerajaan Beta akan terus meningkatkan pengeluaran bahan makanan dan mengurangkan perbelanjaan importnya. Penekanan akan diberikan kepada meningkatkan lagi peranan industri pertanian, ternakan dan perikanan dengan menggunakan pendekatan baru. Pemindahan teknologi, peningkatan produktiviti dan kecekapan, pewujudan ladang yang berskala komersial, penggunaan automasi dan teknologi terkini akan terus digunakan dengan meluas dalam semua aktiviti pengeluaran bahan makanan.

Pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN sepenuhnya pada tahun ini dijangka membawa cabaran baru kepada semua sektor termasuk sektor pertanian. Kemasukan produk-produk pertanian tertentu mulai tahun ini akan mewujudkan persaingan dengan negara-negara jiran. Kemampuan produk-produk pertanian tempatan menghadapi cabaran ini adalah bergantung kepada daya saing produk-produk itu. Keupayaan daya saing produk-produk pertanian tempatan bukan sahaja akan membolehkan sektor pertanian kita bersaing dengan negara-negara ASEAN yang lain malahan produk-produk itu boleh menembusi pasaran yang lebih luas di peringkat antarabangsa.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Beta amat gembira perayaan Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Krismas, Gawai dan Keamatan diraikan secara besar-besaran dengan mengamalkan konsep rumah terbuka di peringkat kebangsaan. Selain dari memperkukuhkan semangat perpaduan kaum, rumah-rumah terbuka ini juga bertujuan membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia merupakan destinasi pelancongan yang selamat serta menceriakan terutama dengan adanya pelbagai perayaan pada sepanjang tahun.

Beta juga amat gembira melihat kedatangan pelancong ke negara ini masih meningkat pada tahun 2002 meskipun negara ini turut mengalami kesan negatif daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku di Amerika Syarikat dan Bali serta nasihat perjalanan yang telah dikeluarkan oleh beberapa negara tertentu yang tidak menggalakkan rakyatnya melancong ke rantau ini. Kedatangan pelancong seramai 13.29 juta pada tahun 2002 merupakan peningkatan sebanyak 4 peratus berbanding dengan 12.77 juta pelancong pada tahun 2001. Beta juga berpuas hati dengan

peningkatan jumlah pendapatan pelancong sebanyak RM25.2 bilion pada tahun 2002 berbanding dengan RM24.2 bilion pada tahun 2001. Beta yakin dengan usaha gigih kerajaan dan sektor swasta lebih ramai pelancong akan mengunjungi negara kita.

Pelabuhan-pelabuhan Malaysia telah berjaya menjadi pelabuhan-pelabuhan utama dunia. Sehubungan ini, penekanan akan terus diberikan untuk meningkatkan daya saing pelabuhan-pelabuhan tempatan. Ini akan dilakukan melalui peningkatan keupayaan dan produktiviti pelabuhan serta perkhidmatan sokongan. Aspek-aspek keselamatan pelayaran akan terus diberi keutamaan di samping memelihara persekitaran laut dari pencemaran yang berpunca daripada kapal.

Usaha membangun dan memajukan industri pengangkutan udara telah memberi sumbangan besar kepada industri pelancongan serta meningkatkan peluang perniagaan kepada industri-industri lain. Pembangunan infrastruktur lapangan terbang akan diteruskan. Rundingan dengan negara-negara asing akan terus diadakan bagi mendapatkan hak pendaratan tambahan untuk syarikat penerbangan Malaysia. Syarikat-syarikat penerbangan asing juga akan terus diberi insentif untuk mengendalikan operasi baru atau menambah perkhidmatan ke Malaysia. Langkah-langkah ini akan menyumbang kepada usaha menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sebagai 'hub' di rantau ini.

Pembangunan pesat prasarana negara telah menjadi satu daya tarikan kepada negara-negara asing untuk menawarkan kontrak kepada kontraktor tempatan menerokai pasaran antarabangsa. Kepakaran teknikal, kecekapan serta reputasi tinggi kontraktor-kontraktor tempatan membolehkan mereka mendapat pelbagai tawaran melaksanakan projek-projek besar dalam pembinaan prasarana, khususnya di bidang lebuh raya, jambatan, pelabuhan dan bekalan air. Namun dalam era globalisasi dan liberalisasi, kontraktor-kontraktor tempatan perlu bergabung secara kerjasama pintar bagi menghasilkan keupayaan untuk bersaing dari segi modal, teknologi, pengalaman, kepakaran dan sebagainya terutamanya dalam menghadapi pasaran dan modal asing yang besar.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan Beta akan terus melaksanakan beberapa strategi demi memastikan bekalan barangan dan perkhidmatan mencukupi, berkualiti, berharga patut lagi kompetitif. Untuk menggalakkan pembangunan kepenggunaan, Dasar Pengguna Negara yang bertujuan mewujudkan keseimbangan hak dan tanggungjawab antara pengguna, pembekal atau pengilang dan Kerajaan telah diluluskan. Di samping itu, Tribunal Tuntutan Pengguna telah diwujudkan sebagai satu alternatif kepada pengguna untuk menuntut ganti rugi daripada pembekal atau pengilang secara mudah, murah dan cepat. Kerajaan Beta juga memandang serius terhadap aktiviti pengedaran bahan cetak rompak yang berleluasa. Oleh itu, penguatkuasaan melalui pelbagai agensi akan terus diperingkatkan untuk membanteras kegiatan tersebut. Di sektor korporat pula, usaha-usaha akan terus diambil bagi memastikan amalan urus tadbir korporat yang baik, apatah lagi dengan tertubuhnya Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Beta amat bangga kerana Koridor Raya Multimedia telah berjaya melonjakkan pembangunan industri teknologi maklumat negara. Dalam jangka masa enam tahun ia dilaksanakan, terdapat peningkatan jumlah syarikat teknologi maklumat yang diberi taraf MSC iaitu daripada 94 buah syarikat pada tahun 1997 kepada 844 buah syarikat sehingga bulan Februari 2003. Kini, sebanyak 125 syarikat bertaraf MSC dari dalam dan luar negara telah menubuhkan ibu pejabat di Cyberjaya. Kerajaan Beta sedang mengambil pelbagai tindakan bagi memperluaskan kemudahan komunikasi asas dan akses internet ke seluruh negara terutamanya ke kawasan luar bandar melalui program-program seperti pemasangan internet di sekolah-sekolah dan pewujudan pusat-pusat komuniti teknologi maklumat.

Program Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera telah berjaya meningkatkan penyertaan bumiputera dalam pelbagai aktiviti perniagaan, perdagangan dan sektor ekonomi yang strategik. Sektor-sektor strategik yang boleh diceburi oleh para usahawan telah dikenal pasti, antaranya sektor herba dan bioteknologi, farmaseutikal, perkhidmatan pelancongan dan pengangkutan. Kerajaan akan terus memantapkan program-program seperti Program Pembangunan Francais, Program Vendor, Program Mentor dan Usahawan Teknologi melalui pendekatan yang lebih bersepadu serta memperkenalkan program-program baru dalam bidang yang berpotensi.

Beta amat bangga kerana kemudahan dan liputan prasarana di luar bandar telah meningkat. Sehingga tahun 2002, Program Jalan Kampung telah meliputi 90 peratus keperluan pengguna luar bandar di Semenanjung, 80 peratus di Sarawak dan 75 peratus di Sabah. Manakala sepanjang 1,090 kilometer Jalan Luar Bandar dan 840 kilometer Jalan Keselamatan telah dibina. Program Bekalan Elektrik Luar Bandar kini meliputi 99 peratus keperluan pengguna luar bandar di Semenanjung, 84 peratus di Sarawak dan 78 peratus di Sabah, manakala Program Bekalan Air Luar Bandar meliputi 96 peratus keperluan pengguna luar bandar di Semenanjung, 64 peratus di Sarawak dan 62 peratus di Sabah.

Kerajaan Beta juga berusaha dengan gigih untuk membangunkan masyarakat Orang Asli secara lebih terancang dengan memberi keutamaan kepada bidang pendidikan, ekonomi dan kesihatan. Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat pula telah diperluaskan bagi menangani ketermiskinan, kemiskinan am serta kumpulan mudah miskin di luar bandar dan bandar.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Penggunaan bahasa Inggeris kini menjadi semakin penting berikutan perkembangan globalisasi yang pesat. Oleh itu, adalah penting bagi pelajar-pelajar kita menguasai bahasa Inggeris supaya mereka boleh mengikuti perkembangan terkini dalam sains dan teknologi. Sehubungan ini, Kerajaan Beta telah membuat keputusan melaksanakan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris pada tahun ini yang dimulakan di Tahun Satu, Tingkatan Satu dan Tingkatan Enam Rendah. Beta amat kesal dengan tindakan golongan tertentu yang mempertikaikan usaha mengajar mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Perkara ini telah disalah tafsir dan dijadikan isu oleh pelbagai pihak. Tindakan ini mencerminkan pemikiran mereka yang sempit tanpa kesedaran akan kepentingan membangunkan masyarakat Malaysia yang harmoni.

Dalam menangani masalah murid-murid tercicir dan miskin, pendidikan wajib dilaksanakan mulai tahun ini. Mereka akan dibantu untuk bersekolah melalui Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Dengan ini kemiskinan tidak lagi menjadi faktor keciciran.

Keharmonian perhubungan perusahaan akan terus diberi penekanan dalam usaha meningkatkan keyakinan para pelabur dan mewujudkan peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Justeru adalah menjadi tanggungjawab semua termasuk Kerajaan, para majikan, pekerja dan kesatuan sekerja menggembeng tenaga dan usaha bagi mencapai hasrat itu. Kejayaan bagi menyempurnakan tanggungjawab tersebut antara lain akan ditentukan oleh kesediaan kita menghadapi perubahan dan cabaran globalisasi serta kemunculan ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Dalam usaha mempertingkatkan daya saing ekonomi negara, Kerajaan telah menggubal Dasar Sains dan Teknologi Negara Kedua. Visi dasar tersebut adalah untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang berkeupayaan, yakin dan inovatif melalui penggunaan sains dan teknologi. Sehubungan ini, bidang bioteknologi telah dikenal pasti sebagai inisiatif utama bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Jentera pelaksana utamanya ialah BioValley Malaysia yang akan menjadikan negara ini sebagai salah satu 'hub' bioteknologi utama dunia. Kerajaan Beta juga akan menekankan agar pihak swasta lebih banyak terlibat dalam menerokai aktiviti penyeliaan dan pembangunan teknologi. Pihak swasta adalah disasarkan untuk menerajui sekurang-kurangnya sebanyak 60% perbelanjaan aktiviti tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Beta sedar bahawa kesihatan rakyat amat penting kepada pembangunan negara. Sehubungan ini, penekanan akan terus diberikan kepada perancangan kesihatan fizikal, rohani, mental dan persekitaran. Di samping itu, perhatian serius akan juga diberikan kepada kesihatan persekitaran. Persekitaran yang sihat bukan sahaja mempengaruhi kesihatan fizikal tetapi juga memberi kesan kepada pelaburan asing serta industri pelancongan.

Dalam usaha meningkatkan kualiti hidup bagi menjamin kesejahteraan rakyat, tumpuan akan terus diberi kepada pembangunan perumahan. Sehubungan ini, dasar perumahan negara yang lengkap akan digubal bagi menyediakan satu pelan tindakan pembangunan perumahan yang jelas bagi memenuhi keperluan perumahan semua lapisan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah.

Institusi keluarga yang kukuh adalah tonggak masyarakat yang berdaya tahan, berilmu dan harmonis. Sehubungan ini, Kompleks Kasih Keluarga sedang dibangunkan

di seluruh negara sebagai pusat setempat bagi mendapatkan perkhidmatan kekeluargaan. Program "Utamakan Keluarga: Semakin Hari Semakin Sayang" yang bertujuan melahirkan keluarga yang kukuh, berakhlak, berilmu, berdaya tahan, beriman dan harmoni akan diteruskan. Pada tahun ini, salah satu tumpuan utama ialah mempertingkatkan usaha membanteras keganasan berasaskan gender termasuk keganasan rumah tangga, sumbang mahram, rogol dan gangguan seksual.

Program-program pembangunan belia seperti program kepimpinan, latihan kemahiran, keusahawanan dan Rakan Muda akan terus dipertingkatkan dan diperkukuhkan pelaksanaannya. Program Khidmat Negara yang mewajibkan penyertaan golongan muda sedang giat dirancang untuk dilaksanakan pada tahun hadapan. Program pembangunan sukan akan terus dipesatkan sebagai alat memupuk perpaduan dan integrasi nasional serta melahirkan masyarakat sihat, berdisiplin dan bersemangat juang. Sehubungan ini, Beta mengucapkan tahniah kepada Muhammad Hafiz bin Hashim yang telah menjuarai Kejohanan Badminton All-England 2003 dan kepada pasukan boling lelaki dan wanita Malaysia kerana menjuarai Boling Berpasukan Dunia di Denmark baru-baru ini.

Kerajaan Beta akan terus memberi perhatian kepada membangunkan masyarakat dan mengukuhkan perpaduan negara. Usaha untuk menanam semangat patriotik dan cintakan negara serta memupuk nilai-nilai murni pada usia yang muda telah dilaksanakan melalui penubuhan Tabika Perpaduan yang memberi manfaat kepada kanak-kanak di kawasan pinggir bandar. Semoga dengan Dasar Sosial Negara yang baru kemantapan sosial di kalangan masyarakat akan dapat ditingkatkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sejak akhir-akhir ini terdapat tanda-tanda yang boleh menjejaskan perpaduan ummah jika dibiarkan berterusan. Ini adalah akibat umat Islam tidak berpegang kepada pendapat yang muktabar dan sahih mengenai beberapa perkara seperti pemahaman Malaysia sebagai sebuah negara Islam, pengertian jihad dan penyalahgunaan institusi masjid. Bagi memastikan negara kita terus berada dalam keadaan stabil, aman dan sejahtera, maka pengertian sebenar berkaitan perkara-perkara tersebut akan diperjelaskan kepada rakyat.

Beta amat memandang berat kegiatan sesetengah sekolah agama rakyat yang tidak mengajar agama Islam yang sebenar tetapi mengajar murid-muridnya membenci sesama Islam. Agama Islam mengajar bahawa semua umatnya bersaudara. Sekiranya Kerajaan Beta terus menyokong sekolah-sekolah agama yang menyeleweng, ini bermakna Kerajaan menyokong pengajaran perkara yang bertentangan dengan agama Islam yang diajar oleh sekolah-sekolah ini. Beta bersyukur kerana ramai ibu bapa dan murid-murid sekolah agama rakyat telah menyahut seruan Kerajaan dengan berpindah ke sekolah kebangsaan. Di sekolah kebangsaan mereka akan memperolehi pendidikan yang seimbang meliputi fardu ain dan fardu kifayah seperti mana yang dituntut oleh agama Islam.

Beta suka menegaskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang cintakan kedamaian dan sentiasa menjalin hubungan baik dengan semua negara. Walau bagaimanapun ini tidaklah bermakna negara kita boleh diperkecil-kecilkan oleh mana-mana pihak. Sehubungan ini Angkatan Tentera Malaysia sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran. Angkatan Tentera Malaysia akan terus diperlengkapkan dengan peralatan ketenteraan yang canggih dan terkini di samping mempertingkatkan tahap profesionalisme anggotanya.

Beta mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perkhidmatan Awam negara ini kerana telah diletakkan setanding dengan perkhidmatan awam negara-negara maju yang lain. Prestasi baik dan profesionalisme yang ditunjukkan oleh Perkhidmatan Awam kita telah menjadi model dan contoh banyak negara membangun yang lain. Kita bukan sahaja menerima kunjungan daripada pemimpin dan pegawai perkhidmatan awam negara lain, tetapi mereka turut meminta kita memberi latihan kepada mereka. Rekod yang cemerlang ini hendaklah dikekalkan.

Beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Anggota Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia serta Angkatan Tentera Malaysia, dalam dan luar negara di atas perkhidmatan cemerlang untuk memelihara keselamatan dan kedaulatan negara.

Akhirnya beta menyeru Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian supaya menjalankan tugas, kewajipan serta tanggungjawab dengan penuh hemah dan amanah demi kepentingan rakyat dan negara.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.